

**KEKANGAN PENGLIBATAN MURID DALAM
AKTIVITI KOKURIKULUM SUKAN DAN
PERMAINAN SEKOLAH RENDAH DI JOHOR**

SITI HAWA BINTI RAMLEE

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

**KEKANGAN PENGLIBATAN MURID DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM SUKAN DAN
PERMAINAN SEKOLAH RENDAH DI JOHOR**

SITI HAWA BINTI RAMLEE

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN JASMANI)**

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : Siti Hawa Blnti Ramlee

No. Pendaftaran/Matrik: PGN 13002

Nama Ijazah: Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Jasmani)

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasiffesis ("Hasil Kerja ini"):

KEKANGAN PENGLBATAN MURID DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM SUKAN DAN PERMAINAN SEKOLAH RENDAH DI JOHOR.

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran Semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kefa tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan didalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ('UM) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama :

Jawatan :

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti kekangan penglibatan murid sekolah rendah dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di negeri Johor. Responden kajian terdiri daripada 351 orang murid (182 lelaki dan 169 perempuan) sekolah rendah dari zon Maharani di daerah Muar, Johor. Semua responden telah memberi maklum balas dengan menggunakan borang soal selidik Raymore, Godbey, Crawford dan Von Eye (1993) yang telah diubah suai oleh Aminuddin Yusof (2002). Instrumen ini mengandungi 45 item yang dibahagikan kepada tiga konstruk iaitu struktur, intrapersonal dan interpersonal. Statistik deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai telah digunakan dalam kajian ini. Begitu juga ujian inferensi ANOVA, MANOVA dan korelasi Spearman. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan adalah sederhana. Faktor utama yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam kokurikulum sukan dan permainan adalah faktor interpersonal. Selain itu, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan signifikan di antara kekangan kokurikulum dengan lokasi sekolah serta di antara kekangan kokurikulum dari segi faktor interpersonal dan faktor intrapersonal dengan jantina. Kekangan bagi faktor struktur, faktor intrapersonal dan faktor interpersonal adalah tinggi bagi murid lelaki berbanding murid perempuan. Hubungan yang signifikan juga berlaku antara kekangan murid dari segi faktor intrapersonal dengan penglibatan aktiviti kokurikulum sukan. Kajian ini memberi implikasi kepada pihak sekolah untuk memastikan semua murid melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum. Manakala ibu bapa haruslah sentiasa memberi dorongan, perangsang dan sokongan moral serta kewangan kepada anak mereka agar dapat menarik minat dan terlibat dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.

**PRIMARY SCHOOLS STUDENTS' CONSTRAINTS FOR INVOLVEMENT
IN SPORTS AND GAMES CO-CURRICULAR ACTIVITIES IN JOHOR**

ABSTRACT

This study was conducted to identify primary schools students' constraints for involvement in sports and games co-curricular activities in Johor. Respondents of the study consist of 351 primary school students (182 boys and 169 girls) from the Maharani zone in the district of Muar, Johor. All respondents provided feedback using the Raymore, Godbey, Crawford and Von Eye (1993) questionnaire which was modified by Aminuddin Yusof (2002). This instrument contains 45 items which were subdivided into three constructs: structural, intrapersonal and interpersonal. Descriptive statistics using min and standard deviation have been used in this study. Likewise, the ANOVA, MANOVA and Spearman correlation inference tests were also applied. Overall, the findings showed that the level of constraints for students involvement in sports and games co-curricular activities was moderate. Interpersonal was the main factor in constraining the involvement of students in sports and games co-curricular activities. The findings also showed that there was significant differences between co-curricular constraints and the location of the school, in addition to between co-curricular constraints in terms of interpersonal and intrapersonal factors with gender. The constraints for structural factors, intrapersonal factors and interpersonal factors were high for boys compared to girls. Significant relationships also occurred among students' constraints in terms of intrapersonal factors with the involvement of sports co-curricular activities. This study implies that schools have to ensure that all students are involved in co-curricular activities. Parents should always provide drive, encouragement and moral support including

financial support for their children in order for them to be attracted and involved in the co-curricular activities in school.

Universiti Malaya

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan izin Allah dapat juga saya menyiapkan kajian saya ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Dr Hutkemri dan Dr. Megat Ahmad Kamaluddin Bin Megat Daud. Tidak dilupakan juga kepada mantan pensyarah di Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Ilmu Khas Encik Chia Chiow Ming dan Miss Teng Siew Lian yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta dorongan sepanjang pengajian saya. Tanpa bimbingan dan sokongan daripada barisan pensyarah agak sukar untuk saya menyelesaikan penulisan kajian saya ini. Hanya Allah sahaja yang mampu membalas baik budi kalian.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih buat suami tercinta Khuzamil Hasif bin Khairi kerana sentiasa memahami dan menyokong cita-cita saya sehingga saya dapat menyiapkan kajian saya ini. Di kesempatan ini juga saya mengucapkan terima kasih buat keluarga terutamanya kedua-dua ibu bapa saya yang turut memberi sokongan sejak mula saya melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya ini. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada along, akak dan adik saya, atas doa dan sokongan yang diberikan. Buat anak saya Khayla Safiya dan Al Daniyal semoga kejayaan ini dapat menjadi dorongan dan sumber inspirasi untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang tertinggi.

Seterusnya, tidak dilupakan kepada rakan seperjuangan Nor Hani binti Mohd Hashim dan Uthaya terima kasih diucapkan atas perkongsian ilmu dan pertolongan sepanjang pengajian. Tanpa kalian berdua mungkin saya tidak akan sampai ke peringkat ini. Akhir sekali saya ucapkan terima kasih kepada semua yang sudi menyokong dan mendoakan kejayaan saya ini.

Perakuan Keaslian Penulisan.....	ii
Abstrak	iii
Abstract	v
Penghargaan.....	vii
Senarai Kandungan.....	viii
Senarai Rajah.....	xi
Senarai Jadual	xii

Bab 1 : Pengenalan

1.0 Latar Belakang Kajian.....	1
1.1 Penyataan Masalah.....	7
1.2 Tujuan Kajian	18
1.3 Objektif Kajian.....	18
1.4 Persoalan Kajian.....	19
1.5 Hipotesis Kajian.....	19
1.6 Kerangka Konseptual Kajian Berdasarkan Model Kekangan Kesenggangan	21
1.7 Definisi Operasional.....	22
1.7.1 Faktor-faktor yang menjadi kekangan.....	22
1.7.2 Faktor Struktur.....	23
1.7.3 Faktor Intrapersonal.....	23
1.7.4 Faktor Interpersonal.....	24
1.7.5 Penglibatan.....	24
1.7.6 Kokurikulum.....	25
1.8 Signifikan Kajian.....	26
1.9 Limitasi.....	27
1.10 Delimitasi Kajian.....	27
1.11 Rumusan.....	28

Bab 2 : Soroton Literatur

2.0	Pendahuluan.....	29
2.1	Takrif Kokurikulum.....	29
2.2	Kandungan Kegiatan Kokurikulum Sukan dan Permainan di Sekolah.....	34
2.3	Kepentingan Kokurikulum.....	36
2.4	Pelaksanaan Kokurikulum.....	44
2.5	Model Kekangan Kesenggangan (<i>Leisure Constraints Model</i>).....	49
2.6	Kajian-kajian lampau.....	53
2.6.1	Penglibatan kokurikulum.....	53
2.6.2	Kekangan penglibatan.....	56
2.6.3	Jantina dan kekangan penglibatan.....	66
2.6.4	Lokasi dan kekangan penglibatan.....	67
2.6.5	Hubungan penglibatan dan kekangan penglibatan.....	68
2.7	Rumusan.....	71

Bab 3 : Methodologi

3.0	Pengenalan.....	73
3.1	Reka Bentuk Kajian.....	73
3.2	Tempat Kajian.....	74
3.3	Populasi Kajian.....	75
3.4	Persampelan.....	75
3.5	Instrumen Kajian.....	77
3.5.1	Soal Selidik Kekangan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan.....	78
3.5.2	Pemarkahan Instrumen.....	79
3.5.3	Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen.....	80
3.6	Kajian Rintis.....	82
3.7	Prosedur Kajian.....	84
3.8	Analisis Data.....	85
3.8.1	Analisis deskriptif.....	86
3.8.2	Ujian MANOVA.....	87
3.8.3	Ujian Kolerasi <i>Bivariate (Spearman Correlation)</i>	88
3.9	Rumusan.....	89

Bab 4 : Dapatan Kajian

4.0	Pendahuluan.....	90
4.1	Profil Demografi Kajian.....	90
4.2	Analisis Dapatan Kajian.....	92
4.2.1	Faktor Utama Yang menjadi Kekangan Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan.....	92
4.2.2	Perbezaan Kekangan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan Berdasarkan Lokasi Sekolah.....	99
4.2.3	Perbezaan Kekangan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan Berdasarkan Jantina.....	102
4.2.4	Hubungan Antara Kekangan Kokurikulum Dengan Tahap Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Khususnya Sukan Dan Permainan.....	106
4.3	Rumusan.....	107

Bab 5 : Kesimpulan

5.0	Pendahuluan.....	108
5.1	Ringkasan Kajian.....	108
5.2	Perbincangan.....	111
5.2.1	Faktor Utama Yang menjadi Kekangan Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan.....	112
5.2.2	Perbezaan Kekangan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan Berdasarkan Lokasi Sekolah.....	115
5.2.3	Perbezaan Kekangan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan Berdasarkan Jantina.....	117
5.2.4	Hubungan Antara Kekangan Kokurikulum Dengan Tahap Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Khususnya Sukan Dan Permainan.....	120
5.3	Rumusan perbincangan.....	121
5.4	Implikasi Kajian.....	123
5.4.1	Implikasi Kajian Terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia.....	123
5.4.2	Implikasi Terhadap Kajian Pemimpin Sekolah dan PPD.....	124
5.4.3	Implikasi kajian terhadap guru.....	126
5.4.4	Implikasi kajian terhadap ibu bapa.....	127
5.4.5	Implikasi kajian terhadap murid.....	128

5.5	Sumbangan Kajian.....	129
5.6	Cadangan Kajian Masa Hadapan.....	130
5.7	Kesimpulan.....	131
	Rujukan.....	133
Lampiran A	Instrumen Kajian.....	147
Lampiran B	Latar Belakang Pakar.....	153
Lampiran C	Borang Semakan Instrumen Kajian.....	158
Lampiran D	Surat Kebenaran Daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.....	161

Universiti Malaya

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Kerangka konseptual kajian.....	21
Rajah 2.1	Kerangka Teori.....	52
Rajah 3.1	Persampelan kajian.....	76
Rajah 3.2	Prosuder kajian.....	85

Universiti Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970).....	76
Jadual 3.2	Petunjuk Skala Likert	79
Jadual 3.3	Nilai Pekali Alpha Cronbach dan justifikasi.....	81
Jadual 3.4	Kebolehpercayaan soal selidik.....	84
Jadual 3.5	Ringkasan analisis data yang digunakan.....	86
Jadual 3.6	Kekuatan hubungan korelasi.....	88
Jadual 4.1	Profil Demografi Peserta Kajian.....	91
Jadual 4.2	Faktor struktur yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan.....	92
Jadual 4.3	Faktor Intrapersonal yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan.....	94
Jadual 4.4	Faktor Interpersonal yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan.....	96
Jadual 4.5	Faktor-faktor yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan.....	98
Jadual 4.6	Statistik Deskriptif Analisis Normaliti Perbezaan kekangan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan Berdasarkan Lokasi Sekolah...	99
Jadual 4.7	Box'M Perbezaan Kekangan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan Berdasarkan Lokasi Sekolah.....	100
Jadual 4.8	Wilks' Lambda Perbezaan Kekangan Murid dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan Berdasarkan Lokasi Sekolah.....	101
Jadual 4.9	MANOVA Perbezaan Kekangan Murid dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan Berdasarkan Lokasi Sekolah.....	101
Jadual 4.10	Statistik Deskriptif Analisis Normaliti Perbezaan kekangan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan Berdasarkan Jantina....	103
Jadual 4.11	Box'M Perbezaan Kekangan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan Berdasarkan Jantina.....	104
Jadual 4.12	Wilks' Lambda Perbezaan Kekangan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan Berdasarkan Jantina.....	104
Jadual 4.13	MANOVA Perbezaan Kekangan Murid dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan Berdasarkan Jantina.....	105
Jadual 4.14	Korelasi Spearman Hubungan antara Kekangan dengan Tahap Penglibatan Murid Dalam Aktiviti.....	106

BAB 1: PENGENALAN

1.0 Latar Belakang

Malaysia sedang berhadapan dengan cabaran yang getir dalam usaha menyediakan sistem pendidikan berkualiti. Perkembangan sosio budaya yang sihat dan pembangunan ekonomi mapan bergantung pada keupayaan menambah baik keberhasilan sistem pendidikan negara dengan cepat dan berkesan, serta kesignifikannya kepada keperluan negara. Rakyat Malaysia juga menuntut supaya pelaksanaan inisiatif yang dirancang oleh kerajaan adalah tekal, berkesan dan berjaya memenuhi hasrat semua pihak. Oleh yang demikian, adalah penting untuk mewujudkan kerjasama antara pihak berkepentingan yang melibatkan murid, guru, pemimpin sekolah, pegawai kementerian serta pihak awam untuk menghadapi cabaran ini dengan pendekatan dan strategi baharu yang lebih kreatif dan inovatif (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025). Pendidikan di Malaysia merupakan satu perkara yang penting kepada negara untuk mencapai suatu tahap perkembangan yang pesat. Masyarakat yang berpendidikan akan menjadikan negara berkembang dengan pesat dan makmur. Sistem pendidikan negara kita adalah berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang tertumpu kepada perkembangan potensi diri murid secara menyeluruh dalam melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek, sosial (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Sistem pendidikan di Malaysia merupakan tunjang pembangunan negara dengan menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada setiap generasi bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan memakmurkan negara. Selain itu, sistem pendidikan di negara kita juga memberikan keutamaan kepada aktiviti kurikulum di sekolah dengan melakukan transformasi aktiviti kokurikulum. Kementerian

Pendidikan Malaysia (KPM) telah merealisasikan hasratnya melalui pembangunan pelajar secara holistik dengan memperkukuhkan penyertaan pelajar dalam 1 sukan, 1 kelab dan 1 badan beruniform di semua peringkat tahap persekolahan. Bagi menghasilkan satu sistem pendidikan yang seimbang dan sempurna, maka penekanan kepada kedua-dua aspek iaitu kurikulum dan kokurikulum perlu dititikberatkan. Proses pembinaan individu ini perlu berterusan dan menyeluruh tanpa ada pemisahan di antara kurikulum dan kokurikulum (Ab. Alim, 2004; Tam Yeow Kwai, 2010).

Kepentingan kokurikulum dalam pendidikan telah ditekankan semenjak dahulu lagi oleh para cendekiawan. Hal ini telah dibincang dari zaman *Renaissance* oleh Vittorino da Feltre (1378-1446), iaitu seorang guru yang agung dan ahli kemanusiaan terkenal dari Itali yang telah menyuarakan bahawa pendidikan tidak akan lengkap sekiranya aktiviti praktikal seperti sukan dan permainan tidak dimuatkan ke dalam kurikulum sekolah. Pandangan itu turut dipersetujui dan diaplikasikan dalam pendidikan tahun demi tahun. Di rantau ini, pasukan pengakap yang pertama di sekolah telah ditubuhkan di Singapura pada tahun 1909. Ketika itu kokurikulum dianggap sebagai aktiviti luar. Melalui surat arahan *School Course of Studies* 1956 yang dipinda dalam Akta Pendidikan 1961, Kementerian Pendidikan telah menggariskan pelaksanaan kokurikulum di sekolah di mana aktiviti ini dinamakan sebagai aktiviti kumpulan (Ab. Alim, 2004). Seterusnya peranan pendidikan dalam menyediakan belia-belia yang berupaya membangunkan negara di masa hadapan merupakan salah satu isu penting yang terkandung dalam kurikulum sekolah. Hal ini selaras dengan matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan 1979 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012) yang ingin melahirkan satu bangsa bercorak Malaysia yang bersatu dan berdisiplin. Hasrat ini akan dapat dicapai

sekiranya generasi muda pada masa sekarang mendapat pendidikan yang seimbang dan sempurna. Pendidikan yang dimaksudkan adalah pendidikan yang menekankan kedua-dua aspek kurikulum dan kokurikulum.

Kokurikulum memainkan peranan penting dalam pendidikan. Antara kepentingannya adalah dalam pemupukan sahsiah dan pembentukan perpaduan. Penyertaan murid sebagai generasi muda dan rakyat di negara ini dalam kokurikulum dapat menyemai perasaan muhibah, perpaduan, integrasi nasional dan menyemai nilai-nilai murni secara langsung atau secara tidak langsung semasa menyertai aktiviti kokurikulum. Hal ini adalah selaras dengan teras kedua dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013 – 2025 iaitu membangunkan modal insan. Modal insan yang berkualiti merupakan aset berharga negara bagi memastikan masa hadapan negara dan bangsa yang berjaya dan seterusnya penting dalam pembentukan konsep “1Malaysia” yang mengutamakan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa.

Salah satu tujuan pelaksanaan aktiviti kokurikulum adalah memberi pengalaman kepada murid-murid agar dapat membantu mereka mencapai kehidupan yang sempurna. Menurut Mohd. Sofian, Aminuddin dan Borhan (2002) kokurikulum merupakan suatu pelengkap kepada kehendak dan keperluan kurikulum di mana ini menyediakan pelbagai peluang kepada murid untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai yang telah dipelajari semasa pembelajaran di bilik darjah. Menurut Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam usaha melahirkan murid-murid yang seimbang dalam aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek, kokurikulum dapat menyumbang untuk melahirkan murid yang seimbang dalam semua aspek tersebut termasuk aspek sosial.

Kajian oleh Holland dan Andre dalam Yusnizam (2008) mendapati, penglibatan dalam kokurikulum menggalakkan perkembangan keseluruhan individu murid. Hal ini juga memudahkan pencapaian matlamat akademik dan bukan akademik. Kokurikulum berupaya menghasilkan kesan positif seperti membentuk keupayaan mengawal kehidupan sendiri, aspirasi pendidikan yang tinggi dan mengurangkan masalah keciciran. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia begitu serius terhadap pelaksanaan kokurikulum di sekolah-sekolah untuk melahirkan generasi Malaysia yang berilmu pengetahuan, memiliki jiwa dan peribadi unggul, bersemangat muhibah serta mampu menghadapi cabaran secara kolektif dan bersepadu. Sehubungan itu, KPM telah memperkenalkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) selari dengan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK). Sistem ini menekankan penilaian dari sudut akademik dan kokurikulum. Salah satu komponen yang ada di dalam sistem PBS ini adalah penilaian berasaskan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) (Lembaga Peperiksaan, 2014).

Dasar 1 Murid 1 Sukan (1M1S) yang telah diperkenalkan dalam Transformasi Kurikulum bertujuan untuk meningkatkan minat dan keupayaan murid dalam bidang permainan dan sukan agar mereka lebih cergas dan aktif (Bahagian Sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011). Dasar ini menetapkan bahawa setiap murid termasuk murid berkeperluan khas yang tidak mengalami masalah kesihatan hendaklah wajib mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan. Dasar 1M1S mewajibkan setiap murid menyertai sekurang-kurangnya satu aktiviti sukan di sekolah. Dasar ini menyokong pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang memberi tumpuan ke arah melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Dasar ini selaras dengan Dasar Sukan

Negara yang memberi penekanan kepada Sukan Untuk Semua dan Sukan Untuk Kecemerlangan. Selain itu, dasar ini memberi perhatian yang utama kepada murid yang kurang aktif supaya mereka melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Pada masa yang sama, bakat murid yang berpotensi akan digilap dan dibangunkan melalui Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS). Dasar 1M1S dapat memberi peluang secara menyeluruh kepada semua murid melibatkan diri dalam sukan secara lebih terurus dan terancang serta mengimbangkan fokus atau penekanan dalam melahirkan modal insan secara holistik ke arah pembinaan masyarakat Malaysia yang berdaya saing tinggi (Buku Panduan Pelaksanaan Dasar Satu Murid Satu Sukan, 2011).

Kini, kokurikulum merupakan sebahagian dari kurikulum kebangsaan. Kurikulum kebangsaan didefinisikan sebagai satu program pendidikan yang terdiri daripada kurikulum dan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini (BSSK, 2009). Laporan Kabinet Akta Pendidikan (1996) menyatakan pelaksanaan dan penyertaan murid dalam kokurikulum di sekolah adalah diwajibkan sama ada untuk sekolah kerajaan atau bukan kerajaan (Pesuruhjaya Undang-Undang Malaysia, 2012).

Kegiatan kokurikulum yang dijalankan hendaklah merupakan kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di bilik darjah. Merujuk Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum (2009) terdapat 45 jenis persatuan dan kelab, 43 jenis sukan dan permainan serta 19 jenis pasukan badan beruniform

yang boleh dijalankan di sekolah-sekolah di Malaysia. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah perlulah menubuhkan pelbagai pasukan badan beruniform, persatuan, kelab, sukan dan permainan bagi memastikan murid berpeluang untuk mengembangkan bakat dan potensi masing-masing dalam kokurikulum sehinggalah ke peringkat antarabangsa.

Di peringkat sekolah rendah penyertaan dalam aktiviti kokurikulum bermula dari Tahun 3 sehingga Tingkatan 6 di peringkat menengah. Murid digalakkan terlibat secara aktif dalam kokurikulum yang diceburi bagi memperoleh kebaikannya. Justeru itu, KPM telah mengambil langkah menetapkan masa minimum penglibatan murid dalam aktiviti tersebut. Merujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2007, bagi murid Tahun 3 dan Tahun 4, mereka perlu terlibat dalam aktiviti kokurikulum di sekolah sekurang-kurangnya selama 60 minit seminggu manakala murid Tahun 5 dan Tahun 6 terlibat selama 120 minit seminggu. Bagi peringkat sekolah menengah pula, peruntukan masa penglibatan murid adalah lebih panjang iaitu antara 120 minit hingga 180 minit seminggu. Peruntukan masa tersebut merangkumi penglibatan murid dalam aktiviti persatuan, kelab, permainan, sukan dan pasukan badan beruniform yang disertai. Konsep pelaksanaannya adalah berasaskan prinsip penyertaan beramai-ramai tanpa unsur diskriminasi atau paksaan tetapi berfokus kepada peningkatan perpaduan dan integrasi dalam kalangan murid.

Dalam kajian ini penyelidik akan memberikan penekanan kepada kokurikulum yang melibatkan kegiatan sukan. Model konsep Crawford dan Godbey (1987) digunakan untuk menjelaskan sejauh mana faktor-faktor yang menjadi kekangan dan yang mempengaruhi penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum khususnya dalam aktiviti sukan. Hal ini selaras dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia yang menekankan kepentingan pelajar-pelajar terutamanya

yang ingin melanjutkan pelajaran ke universiti untuk menceburi aktiviti kokurikulum di sepanjang pengajian mereka di sekolah. Di dalam kajian ini penyelidik akan mengkaji kegiatan kokurikulum dan faktor yang menjadi kekangan penglibatan murid untuk menyertainya. Menurut Crawford dan Godbey (1987) terdapat tiga faktor yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam menceburi aktiviti kokurikulum iaitu:

- i. Faktor struktur – faktor-faktor seperti kekurangan kemudahan, peralatan, masa, wang dan maklumat.
- ii. Faktor interpersonal – faktor-faktor yang merangkumi interaksi atau perhubungan antara individu seperti kesulitan mencari pasangan yang sesuai untuk bermain dalam sukan.
- iii. Faktor intrapersonal – faktor yang melibatkan keadaan psikologi individu yang bertindak menjadi kekangan penglibatan aktiviti bersukan. Ini termasuklah tekanan, kebimbangan, budaya, sikap, keagamaan serta kemampuan dan kemahiran diri yang dimiliki.

1.1 Penyataan Masalah

Kokurikulum merupakan kegiatan berkumpulan yang meliputi semua kegiatan di luar bilik darjah dan lanjutan daripada kurikulum yang telah diajar di dalam bilik darjah. Menurut Ab. Alim Abdul Rahim (1999), kokurikulum adalah satu aktiviti berbentuk pendidikan yang dilaksanakan di luar bilik darjah dan memberi pengalaman yang berfaedah dalam pengajaran. Komponen kokurikulum termasuklah badan beruniform, persatuan dan kelab, sukan dan permainan. Kokurikulum amnya dapat dibahagikan kepada kegiatan di dalam kelas dan di luar kelas (Vasudevan T. Arasoo, 1988). Tan dan Pope (2007) mendefinisikan

kokurikulum sebagai aktiviti yang meningkatkan dan memperkayakan kurikulum pada waktu persekolahan seperti kelas tambahan dan aktiviti pelajar di sekolah.

Ahmad (2005) menyatakan kokurikulum merupakan wadah yang paling berkesan untuk merealisasikan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam konteks melahirkan murid seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial yang bakal menghasilkan sumber manusia berkemahiran tinggi di Malaysia. Menerusi aktiviti kokurikulum yang dijalankan, proses pembelajaran dan pengajaran menekankan aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan, kepimpinan dan sosial. Seterusnya murid akan terdedah kepada pendekatan secara amali yang membolehkan mereka menimba pengetahuan, pengalaman dan kemahiran secara berterusan. Aspek rohani, emosi dan jasmani murid harus diambil kira kerana jika gagal dibentuk dengan baik, maka pelbagai masalah akan timbul seperti pekerja tidak amanah, jurutera yang mengamalkan rasuah dan seterusnya pembentukan masyarakat yang kurang bermoral (Saifullizam, 2004).

Kokurikulum merupakan pelengkap ke arah pendidikan holistik bukan hanya dari segi peningkatan dan pengembangan kemahiran sosial, afektif dan psikomotor tetapi kokurikulum juga dapat mengukuhkan lagi interaksi, toleransi dan integrasi di antara kaum di Malaysia (Jamaludin, 2009). Pernyataan ini turut dipersetujui oleh Azmi dan Hamsiah (2000) yang menyatakan kokurikulum juga dapat membina kemahiran bersosial dan berpendapat bahawa kegiatan kokurikulum yang mantap dapat memperkukuhkan interaksi antara murid serta memupuk integrasi antara kaum dalam masyarakat majmuk di negara kita. Interaksi dan integrasi yang baik akan mewujudkan perpaduan dan kerjasama yang baik dalam kalangan murid. Kokurikulum di sekolah dapat dirumuskan sebagai satu keperluan yang berfungsi sebagai aktiviti yang memberi khidmat kepada pembangunan kemasyarakatan (Che

Aziz & Aminuddin, 2002). Semangat berkhidmat yang dimaksudkan adalah sikap bekerjasama dan saling membantu antara satu sama lain dalam kalangan murid yang perlu disemai bagi membentuk masyarakat yang harmonis.

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan kokurikulum di peringkat global (Broh, 2002; Chi Hung Leung, Raymond Ng & Ella Chan, 2011; Zahid Bashir & Shafqat Hussain, 2012; Tahir, Tariq, Mubhashira & Rabbia, 2012) dan juga di Malaysia (Adnan Kamis, 1993; Teng Boon Tong, 1984; Mohd Najib, 2007). Hasil kajian yang dilakukan mendapati aktiviti kokurikulum banyak membantu perkembangan pelajar-pelajar di dalam proses pembelajaran (Kumar et. Al; 2004). Dapatan Darling (2005) yang disokong oleh Broh (2002) mendapati pelajar yang menyertai aktiviti kokurikulum dapat meningkatkan kecemerlangan di dalam akademik. Hal ini telah membuktikan kepentingan kokurikulum di sekolah tidak boleh dipandang dengan ringan.

Pelaksanaan kokurikulum di sekolah sering menjadi topik utama terutama sekali melibatkan pengurusan kokurikulum di sekolah oleh pihak pentadbir dan guru. Masitah (1995) dan Rohanida (2002) menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum dapat memberi latihan awal dari segi kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan dalam kalangan murid. Walau bagaimanapun dalam usaha untuk mengejar kecemerlangan akademik yang disasarkannya, seseorang pengetua itu kurang memberikan perhatian kepada aktiviti kokurikulum di sekolahnya (Norziana, 2013). Selain itu, pengetua lebih cenderung berusaha untuk menempatkan sekolahnya untuk berada dalam senarai terbaik peperiksaan awam Malaysia sama ada PMR, SPM mahupun STPM. Hal ini menyebabkan perbelanjaan banyak diperuntukkan kepada aktiviti kurikulum, sehingga menimbulkan masalah dan kekangan kepada kelancaran aktiviti kokurikulum yang akan dijalankan (Norziana, 2013).

Peningkatan masalah sosial dalam kalangan remaja semakin menular pada generasi ini. Hal ini sangat membimbangkan kerana remaja merupakan modal insan masa hadapan negara dan perlu diatasi dengan segera. Oleh itu aktiviti kokurikulum memainkan peranan dalam membentuk sifat-sifat sosial yang bernilai pada diri setiap murid yang mengambil bahagian dalam aktiviti yang dipilih. Setiap aktiviti yang dipilih oleh murid mempunyai sumbangan tersendiri dalam pembentukan sahsiah dan jati diri. Ab. Alim (2001) menyatakan, melalui proses pendidikan nilai-nilai murni dapat memupuk pembentukan insan yang kuat, bermoral, sanggup menghadapi cabaran dan berkebolehan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Nilai murni ini dapat melahirkan individu dan masyarakat yang sejahtera yang bebas daripada penyakit sosial dan krisis moral yang semakin berleluasa pada masa kini. Kemerostan nilai-nilai murni ini menyebabkan keruntuhan akhlak dan moral dalam kalangan masyarakat pada masa sekarang. Oleh itu, dengan adanya pegangan yang teguh terhadap nilai murni, murid-murid diharapkan dapat menjauhkan diri daripada anasir dan gejala sosial yang negatif. Kenyataan ini turut disokong oleh Omardin (1996) dan Esa Abd Samad (1998) yang menyatakan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum amat berguna seperti dapat membentuk sahsiah murid, mengisi masa lapang dengan pengetahuan yang berfaedah, menimba pengalaman dan mengelakkan diri daripada terjebak dalam masalah gejala sosial seperti melepak, penyalahgunaan dadah, pempulian dan gangsterisme. Hal ini seiring dengan pernyataan Steve Duncan (1996) iaitu penglibatan murid di dalam aktiviti kokurikulum di sekolah adalah penting bagi membentuk sahsiah remaja supaya dapat menjauhkan remaja daripada tingkah laku yang negatif.

Kebelakangan ini, peningkatan masalah disiplin murid di sekolah sering menjadi isu yang dibincangkan oleh masyarakat. Hal ini dibuktikan dengan laporan

media massa seperti kes buli yang berleluasa sehingga meragut nyawa. Sekiranya masalah ini tidak ditangani dari akar umbi maka modal insan yang akan dilahirkan di negara ini adalah tidak berkualiti dan boleh menggugat masa hadapan negara kerana remaja merupakan pelapis pemimpin di negara ini. Pembentukan modal insan merupakan satu proses yang berkait dengan pembentukan sahsiah yang seimbang dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Pramela Krish (1994) dalam kajiannya telah membuktikan bahawa aktiviti kokurikulum telah berjaya mengurangkan masalah disiplin ke tahap yang paling minimum. Kenyataan itu turut disokong oleh Zakiah Md Lassim (1999) yang menyatakan bahawa murid menjadi lebih berdisiplin sekiranya mereka membabitkan diri secara aktif dengan Pasukan Badan Beruniform. Aktiviti kokurikulum dapat memberi peluang kepada murid untuk memahami konsep latihan dalam bidang tertentu dengan menggunakan pengetahuan tersebut dalam konteks yang lebih bermakna dan realistik. Kokurikulum juga dapat memberi pengalaman yang mungkin tidak dapat diperolehi oleh murid di dalam bilik darjah. Oleh itu, aktiviti kokurikulum perlu dirancang terlebih dahulu supaya selari dan saling melengkapi dengan apa yang diajar di bilik darjah untuk meningkatkan prestasi mereka dalam pelajaran (Abdullah Sani, 2005).

Dapatan kajian tersebut turut diperkukuhkan lagi oleh kajian yang dijalankan oleh Mahoney (2000). Beliau telah menjalankan kajian ke atas 695 murid bagi melihat perhubungan antara penglibatan murid dengan aktiviti kokurikulum di sekolah dari segi sosial. Kajian beliau mendapati penglibatan murid secara aktif dalam beberapa aktiviti kokurikulum untuk jangka masa yang panjang berupaya mengurangkan penglibatan murid dalam masalah jenayah dan masalah keciciran. Selain itu, dapatan kajian yang telah dijalankan ini juga turut disokong oleh beberapa kajian yang mendapati penglibatan aktif murid dalam kokurikulum

berupaya mengurangkan masalah salah laku dalam kalangan murid seperti merokok, minum arak, menghisap dadah dan melepak (Darling, 2000; Leaver-Dunn, Turner & Newman, 2007).

Kokurikulum sering disalahtafsirkan sebagai aktiviti yang tidak berfaedah dan membuang masa sehingga melahirkan satu persepsi yang negatif terhadap kokurikulum dalam kalangan murid-murid. Che Mohd Amil (1991), menyatakan di negara kita kesedaran terhadap pentingnya menyediakan anak-anak muda supaya mempunyai sikap bertanggungjawab telah lama wujud dan direalisasikan dengan usaha-usaha di pelbagai peringkat. Pendedahan kesedaran ini telah diperkenalkan sama ada di peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi dan dalam kalangan pelajar-pelajar. Selain itu, usaha memupuk sikap ini juga telah dilakukan melalui kegiatan kokurikulum dengan aktiviti yang dijalankan di luar waktu persekolahan. Walau bagaimanapun terdapat segolongan pelajar yang terpengaruh dengan pendapat yang menyatakan bahawa penyertaan dalam kegiatan kokurikulum tidak mendatangkan apa-apa faedah dan hanya membazirkan masa dan wang ringgit. Justeru itu, tidak hairanlah sekiranya hanya sebilangan kecil sahaja pelajar yang bergiat cergas dalam kegiatan kokurikulum ini berbanding dengan bilangan sebenar pelajar di sekolah. Mashitah (1994) pula menyatakan, terdapat juga pelajar yang terlibat dalam kegiatan kokurikulum berkecenderungan aktif dalam sukan tetapi tidak berminat dalam kegiatan lain seperti unit beruniform atau persatuan akademik dan begitu sebaiknya sedangkan dapatan Hamidah (1999) dalam kajiannya mengesahkan bahawa ketiga-tiga komponen kokurikulum (sukan dan permainan, kelab dan persatuan serta pasukan badan beruniform) mempunyai hubungan dengan mata pelajaran kurikulum yang dipelajari oleh murid di dalam kelas.

Kepentingan kokurikulum sering diketepikan apabila dikaitkan dengan kurikulum di sekolah. Hal ini dapat kita lihat apabila sekolah sentiasa mengutamakan program akademik dengan mengabaikan dan menggantikan masa aktiviti kokurikulum dengan masa mata pelajaran lain terutama sekali apabila mendekati peperiksaan. Hal ini adalah bertentangan dengan pendapat Mohd. Najib (2007) yang menyatakan pendidikan yang seimbang seharusnya menekankan kepada kedua-dua aspek akademik dan aktiviti kokurikulum. Penekanan yang seimbang ini akan dapat melahirkan satu bangsa Malaysia yang harmonis dan seimbang. Hakikatnya, generasi hari ini merupakan pemimpin masa hadapan yang akan meneruskan kesinambungan tanggungjawab pemimpin kepada masyarakat. Oleh itu, ternyata kepentingan kokurikulum memainkan peranan yang penting. Holloway (1999) menyatakan aktiviti kokurikulum memberi sumbangan kepada kejayaan murid di sekolah. Selain itu, aktiviti kokurikulum juga memberi kesan positif kepada murid yang kurang upaya dan berisiko mengalami keciciran. Hal ini turut disokong oleh Mahoney dan Cairns (1997) dan Black (2002).

Seterusnya menurut laporan Konvensyen Nasional Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) Kedua 2008, data menunjukkan seramai 65% murid sekolah rendah dan menengah sedang mengikuti pelaksanaan aktiviti kokurikulum secara aktif di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan. Seharusnya peratus penglibatan murid adalah lebih tinggi kerana aktiviti kokurikulum telah dilaksanakan dan diperkenalkan lebih awal dan pelbagai program telah dijalankan bagi mempromosikan aktiviti kokurikulum di sekolah. Deborah (2007) dalam kajiannya menyatakan terdapat hubungan yang signifikan di antara bilangan program atau aktiviti yang dijalankan di sekolah dengan gejala sosial yang tidak sihat. Oleh itu pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang pelbagai sangat penting

bagi membuka peluang dan ruang kepada murid untuk terlibat dan seterusnya mendapatkan manfaatnya. Menurut Mohd Arif dan Amla (2008) dalam kajian mereka menyatakan melalui penglibatan dalam kokurikulum, murid dapat dilatih untuk memberi sumbangan perkhidmatan kepada masyarakat. Selain itu, pengalaman yang diperoleh menerusi aktiviti-aktiviti kokurikulum merupakan perantaraan alam persekolahan dengan alam kehidupan masyarakat yang bermanfaat untuk masa akan datang. Ahmad Esa (2004), dalam kajiannya mendapati, aktiviti-aktiviti kokurikulum berupaya membina kemahiran berkomunikasi dalam kalangan murid yang akan membantu mereka dalam dunia kerjaya pada masa akan datang. Menerusi pengalaman yang diperoleh melalui aktiviti-aktiviti kokurikulum yang telah dilalui, murid dapat menyediakan diri dalam menghadapi tuntutan dalam bidang ekonomi, politik, tempat kerja dan suasana pasaran buruh yang kompleks (Jamaludin, 2009). Tambahan lagi, menurut Mahoney (2005) penglibatan dalam aktiviti kokurikulum berupaya meningkatkan tahap berdikari dan keyakinan diri di samping mengurangkan perasaan negatif seperti tekanan perasaan, kecelaruan dan kerunsingan.

Isu gender dalam kokurikulum sering kali diutarakan dan menjadi perbincangan yang hangat. Lehman (2017) mendapati murid perempuan tidak menghadapi peningkatan buli dalam aktiviti kokurikulum kerana menjadi atlet yang kompetitif. Walau bagaimanapun, apabila pelajar perempuan menyatakan sikap yang menyokong kesaksamaan jantina dalam olahraga, mereka lebih cenderung untuk dibuli. Manakala dapatan Lehman dan Dumais (2016) mendapati murid lelaki lebih cenderung untuk dibuli sekiranya melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum kebudayaan yang sering dianggap kurang maskulin. Seterusnya, dapatan kajian Zena dan Frankly (2008) menunjukkan pelajar lelaki lebih cenderung untuk

menyertai aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berbanding pelajar perempuan yang lebih berminat dalam aktiviti kesenian. Selain itu dapatan kajian ini juga mendapati murid lelaki lebih cenderung untuk menyertai aktiviti kokurikulum berbanding murid perempuan. Selain itu, dapatan Debbie (2009) mendapati pelajar perempuan kejuruteraan lebih mementingkan aktiviti kokurikulum dan penyertaan mereka adalah lebih tinggi daripada pelajar lelaki.

Kebelakangan ini, pencapaian akademik murid didapati semakin menurun. Salah satunya adalah penurunan peratus bilangan murid yang mendapat keseluruhan A dan lulus dalam UPSR 2016 (KPM). Hal ini menyebabkan ramai ibu bapa mengekang anak-anak untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum bagi memberi tumpuan kepada akademik. Pernyataan ini adalah bertentangan dengan Aminuddin (2004) dalam kajiannya, beliau mendapati murid-murid yang aktif dalam aktiviti kokurikulum juga mempunyai pencapaian baik dalam akademik. Aktiviti-aktiviti yang disertai oleh murid-murid tersebut juga tidak memberi kesan negatif terhadap pencapaian akademik mereka. Kajian beliau melihat dari aspek tertentu seperti peringkat penglibatan, dan sikap murid terhadap aktiviti yang dirancang, pengurusan masa, minat dan tanggungjawab murid terhadap kegiatan kokurikulum dan pencapaian akademik mereka. Adnan Kamis (1988) menyatakan kokurikulum merupakan saluran yang dapat menggalakkan perkembangan bakat dan sifat kreativiti murid. Selain itu aktiviti kokurikulum yang dirancang dapat menyemarakkan minat murid terhadap mata pelajaran akademik. Kokurikulum juga turut dapat menyuburkan potensi individu dalam bidang tertentu untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berkehendakkan supaya bakat dan potensi dalam diri seseorang murid itu dipertingkatkan ke tahap yang maksimum.

Seterusnya, berdasarkan Laporan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) dalam Hamid (2012), Kementerian Pelajaran Malaysia menyatakan pada tahun 2009 terdapat sebanyak 27 peratus graduan IPT tempatan menganggur selepas enam bulan menamatkan pengajian manakala sebanyak 33 peratus graduan yang berjaya mendapatkan pekerjaan dan memperoleh pendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan. Merujuk kepada laporan yang dikeluarkan oleh *Malaysia Today* (2005), yang bertajuk “*Malaysia Has 60,000 Graduates Unemployed*” kerajaan telah menjalankan satu kajian dan daripada kajian tersebut didapati bahawa punca utama 60,000 graduan Malaysia yang masih menganggur adalah disebabkan kekurangan beberapa kemahiran seperti berkomunikasi, lemah dalam penggunaan Bahasa Inggeris dan kurang pengalaman bekerja. Kenyataan daripada Nordin dan Mohd. Tahir (2004) telah menyatakan bahawa kekurangan kemahiran seperti etika kerja yang positif, kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan dan kepimpinan dilihat sebagai kayu pengukur kepada kebolehpasaran graduan Malaysia. Sehubungan dengan ini kemahiran- kemahiran yang cuba diterapkan di dalam aktiviti kokurikulum ialah kemahiran generik. Antara kemahiran generik yang cuba ditekankan dalam aktiviti kokurikulum ialah bekerja dalam kumpulan, penyelesaian masalah, membuat keputusan dan berkomunikasi (Esa, 2004). Hal ini menunjukkan bahawa IPT bukan sahaja harus memfokuskan pembangunan akademik pelajar malah juga perlu meningkatkan pembangunan kemahiran pelajar berdasarkan kegiatan kokurikulum yang dijalankan dalam membantu pelajar lebih berdaya saing di dalam dunia pekerjaan. Walau bagaimanapun, terdapat masalah tentang kurangnya penglibatan pelajar terhadap aktiviti kokurikulum seperti sukan kerana pelajar beranggapan bahawa aktiviti kokurikulum adalah membuang masa dan merupakan aktiviti yang tidak membantu pelajar dalam proses perkembangan

akademik sedangkan kegiatan ini membantu dalam pembangunan kemahiran-kemahiran yang penting dalam membantu pelajar berdaya saing di alam pekerjaan (Bahari, 2007).

Purata kehadiran murid dalam aktiviti kokurikulum yang diambil daripada Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) pada 2016 adalah sebanyak 93.55% manakala purata kehadiran murid dalam aktiviti kokurikulum pada tahun 2017 adalah sebanyak 94.35% (KPM, 2018). Masalah kehadiran murid dalam aktiviti kokurikulum harus dititikberatkan walaupun terdapat peningkatan sebanyak 0.8. Hal ini kerana aktiviti kokurikulum dijalankan pada waktu persekolahan dan semua murid tahun 4, 5 dan 6 diwajibkan untuk menyertainya. Selain itu menurut PAJSK kehadiran kokurikulum murid sekolah rendah di Johor pada tahun 2016 dan 2017 adalah sama iaitu sebanyak 95.90%. Ini menunjukkan program yang telah dilaksanakan masih lagi tidak dapat meningkatkan kehadiran murid dalam aktiviti kokurikulum. Penilaian Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum 2016 dan 2017 menunjukkan terdapat penurunan kehadiran pada aktiviti kokurikulum sekolah rendah di semua daerah di Johor. Daerah Muar merupakan di antara daerah yang mencatatkan penurunan yang tinggi iaitu penurunan sebanyak 12.56%. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, satu kajian harus dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi kekangan penglibatan murid di dalam aktiviti kokurikulum. Memandangkan kajian berkaitan dengan kokurikulum di peringkat sekolah rendah kurang dilaporkan, maka satu kajian di peringkat sekolah rendah perlu dijalankan untuk mengenal pasti kekangan penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum sekolah rendah di Johor.

1.2 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor utama yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum di sekolah rendah selain mengenal pasti tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian menurut Khalid (2013) merupakan pernyataan mengenai sasaran yang hendak dicapai serta boleh dicerap dan diukur dalam penyelidikan yang dijalankan. Terdapat empat objektif kajian yang dinyatakan dalam kajian ini bagi menjawab persoalan kajian. Antaranya ialah:

1. Menentukan faktor utama yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan.
2. Mengenal pasti perbezaan kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah?
3. Mengenal pasti perbezaan kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan jantina?
4. Mengenal pasti hubungan antara faktor penghalang dengan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum khususnya sukan dan permainan.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian menurut Khalid (2013) merupakan satu perincian penyataan masalah yang dibentuk dan dibuat mengikut turutan langkah-langkah penyelesaian masalah. Terdapat empat persoalan kajian dalam kajian ini iaitu:

1. Apakah faktor utama yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan?
2. Adakah terdapat perbezaan kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah?
3. Adakah terdapat perbezaan kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan jantina?
4. Adakah terdapat hubungan antara kekangan murid dengan penglibatan aktiviti kokurikulum sukan dan permainan?

1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian menurut Fraenkel dan Wallen (2006) merupakan satu kesimpulan awal yang dibuat untuk mengenal pasti jangkaan awal kajian yang dijalankan berdasarkan pembolehubah-pembolehubah yang ada dalam kajian. Terdapat empat hipotesis kajian dalam kajian ini iaitu:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah.

Ho1.1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kekangan struktur dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah.

Ho1.2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kekangan intrapersonal dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah.

Ho1.3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kekangan interpersonal dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan jantina.

Ho2.1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kekangan struktur dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan jantina.

Ho2.2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kekangan intrapersonal dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan jantina.

Ho2.3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kekangan interpersonal dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan jantina.

Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kekangan murid dengan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum khususnya sukan dan permainan.


Ho3.1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kekangan struktur dengan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum khususnya sukan dan permainan.

Ho3.2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kekangan intrapersonal dengan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum khususnya sukan dan permainan.

Ho3.3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kekangan interpersonal dengan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum khususnya sukan dan permainan.

1.6 Kerangka Konseptual Kajian berdasarkan Model Kekangan Kesenggangan

Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan untuk melihat tahap penglibatan kokurikulum sukan dan permainan sekolah rendah.



Rajah 1.1: Kerangka konseptual kajian

Diadaptasi dari: Crawford et al (1991)

Kerangka konsep yang dibina ini adalah berdasarkan aplikasi model faktor-faktor penghalang kesenggangan yang melibatkan tiga komponen iaitu struktur, intrapersonal dan interpersonal. Ketiga-tiga komponen ini adalah pembolehubah bersandar dalam kajian ini. Manakala pembolehubah bebas diambil daripada maklumat demografi murid seperti jantina, umur, lokasi kediaman, kaum dan peringkat penglibatan sukan.

Faktor struktur dalam kajian ini merupakan kekangan yang melibatkan masalah berkaitan dengan infrastruktur dan peralatan dalam aktiviti kokurikulum seperti kemudahan peralatan, masa, kewangan dan maklumat yang disediakan bagi mencapai matlamat kokurikulum. Selain itu, faktor intrapersonal merupakan kekangan dalaman yang merujuk kepada tanggapan individu terhadap sesuatu keadaan atau peristiwa seperti perasaan malu atau hubungan interaksi dengan orang lain. Kekangan ini akan menyebabkan individu bermonolog dengan dirinya dalam membuat keputusan dan pilihan yang terbaik. Seterusnya faktor interpersonal pula merupakan kekangan luaran yang mempengaruhi seseorang individu seperti tekanan, budaya, kebolehan dan kemahiran. Kekangan ini merujuk kepada halangan atau pengaruh yang diterima oleh individu dari ibu bapa dan rakan-rakan.

1.7 Definisi Operasional

Dalam konteks kajian ini, terminologi berikut beroperasi sebagai:

1.7.1 Faktor-faktor yang menjadi kekangan

Faktor-faktor yang menjadi kekangan menurut McGuire (1984) adalah masalah yang menjadi kekangan penglibatan di dalam aktiviti bersukan dan juga penggunaan kemudahan aktiviti bersukan oleh individu. Tambahan lagi masalah-

masalah ini membataskan kekerapan penglibatan dan penggunaan kemudahan aktiviti bersukan. Kekangan ini termasuklah masalah kemudahan atau program aktiviti bersukan seperti kesesakan penggunaan kemudahan dan kedudukan yang tidak strategik sehingga menyebabkan kemudahan ini tidak dapat digunakan. Menurut Crawford dan Godbey (1987) terdapat tiga kekangan yang menjadi halangan murid tidak berminat untuk terlibat dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan iaitu faktor struktur, faktor interpersonal dan faktor intrapersonal.

1.7.2 Faktor Struktur

Menurut Crawford dan Godbey (1987) faktor struktur terdiri daripada sumber kewangan, peruntukan masa dan peluang yang meliputi kemudahan sukan, persekitaran murid, pengangkutan sekolah, lokasi kemudahan sukan, maklumat berkaitan sukan dan kesesakan penggunaan alat sukan. Dalam kajian ini faktor struktur melibatkan kedudukan rumah murid, masalah pengangkutan ke sekolah, kemudahan sukan, kesukaran menggunakan peralatan sukan dan stor sukan tidak dibuka dan kesukaran mendapatkan alatan sukan.

1.7.3 Faktor Intrapersonal

Faktor intrapersonal adalah berkait dengan kestabilan psikologi individu yang boleh mempengaruhi penglibatan seseorang seperti minat, perasaan (malu), persepsi terhadap kemahiran diri, nilai yang dipegang, kepercayaan agama dan budaya setempat (Crawford & Godbey, 1987). Menurut Richard dan Lynn (2009) intrapersonal adalah komunikasi yang terjadi antara diri sendiri. Ini merupakan dialog dalaman dan boleh terjadi walaupun bersama dengan orang lain. Intrapersonal ini merangkumi bayangan, melamun, mempersepsi dan memecahkan masalah dalam

fikiran. Dalam kajian ini faktor intrapersonal yang akan dibincangkan adalah murid tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam sukan, masa penglibatan dalam sukan, aktiviti sukan membosankan, murid takut cedera dan perasaan malu melibatkan diri dalam sukan.

1.7.4 Faktor Interpersonal

Faktor interpersonal pula adalah berkait dengan faktor-faktor luaran yang melibatkan interaksi atau perhubungan antara individu yang boleh mempengaruhi penglibatan seseorang dalam aktiviti sukan seperti rakan sekelas, galakan daripada rakan, sokongan keluarga dan pengaruh rakan sebaya. Gardner dalam Faridah dan Laili (2002), menyatakan kemahiran interpersonal adalah kebolehan untuk berinteraksi dengan orang lain, memahami mereka dan memberi motivasi. Menurut Teori Kecerdasan Pelbagai Gardner (dalam Abdullah & Ainon, 2005), kemahiran interpersonal didefinisikan sebagai keupayaan untuk berinteraksi dengan orang lain dan memahami mereka. Dalam kajian ini faktor interpersonal yang terlibat adalah tiada kawan untuk bersukan, keluarga tidak memberikan galakan, guru memberi perhatian terhadap murid yang berkebolehan sahaja, murid dibebankan dengan kerja sekolah yang banyak dan sekolah sentiasa mengutamakan program akademik sahaja

1.7.5 Penglibatan

Penglibatan didefinisikan sebagai satu kumpulan manusia yang melibatkan diri dalam sesuatu hal atau perkara (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Manakala menurut Kamus Oxford Fajar (2001) pula, penglibatan bermakna mengambil bahagian dalam sesuatu kegiatan atau keadaan. Menurut Kuh (1992) penglibatan adalah proses sosialisasi pemahaman dan pembelajaran tentang cabaran-cabaran,

tuntutan keperluan, faedah dan ganjaran di persekitaran murid. Leithwood dan Jantzi (1999) mentakrifkan penglibatan kepada dua dimensi iaitu afektif dan tingkah laku. Selain itu Russell et al. (2005) menyatakan penglibatan ialah satu tenaga dalam tindakan, iaitu sesuatu yang menghubungkan seseorang dengan aktiviti. Frederick, et al (2004) pula menjelaskan mengenai penglibatan murid dari sudut emosi, tingkah laku dan kognitif. Penglibatan murid dari segi emosi iaitu sama ada murid menunjukkan reaksi positif atau negatif terhadap guru, rakan, kelas, akademik dan sekolah. Chopman (2003) pula menjelaskan bahawa penglibatan murid ialah kesediaan murid untuk mengambil bahagian dalam aktiviti rutin di sekolah, sama ada penglibatan kognitif, tingkah laku dan petunjuk berkesan penglibatan murid dalam tugas pembelajaran tertentu. Yazzie Mintz (2007) juga menjelaskan bahawa penglibatan murid dilihat dari tiga aspek iaitu kognitif, intelektual atau akademik. Bagi penyelidikan ini, penglibatan ialah penyertaan murid dalam aktiviti kokurikulum dan sukan di peringkat sekolah rendah. Dalam kajian ini penglibatan murid yang diambil kira adalah kekerapan dan jumlah masa murid bersukan, aktiviti sukan dan permainan kegemaran murid serta tahap penglibatan murid dalam aktiviti sukan di sekolah.

1.7.6 Kokurikulum

Terdapat banyak idea dan pemahaman telah dikembangkan tentang makna kokurikulum. Menurut Yusoff Ismail (1988) kokurikulum merupakan kegiatan selain daripada kegiatan akademik, tetapi mempunyai hubungan dengannya dan dilakukan di luar bilik kuliah atau bilik darjah pada masa-masa selain dari masa kegiatan akademik. Manakala menurut Kamus Dewan (2005), kokurikulum merupakan sebahagian daripada kurikulum yang melibatkan aktiviti atau kegiatan

selain mata pelajaran yang diajar dalam bilik darjah, tetapi yang dianggap sebagai sebahagian daripada kursus pendidikan murid di sekolah, sebagai contohnya, kegiatan dalam persatuan, kesukanan dan lain-lain. Kokurikulum adalah aktiviti amali sebagai lanjutan kepada mata pelajaran bilik darjah. Pengetahuan daripada mana-mana mata pelajaran lain diintegrasikan ke dalam aktiviti praktikal semasa menjalankan gerak kerja kokurikulum dalam bentuk gunaan (Abu Bakar Nordin, 1991). Dalam kajian ini kokurikulum yang dikaji adalah kokurikulum sukan dan permainan.

1.8 Signifikan Kajian

Kajian ini dilakukan oleh penyelidik bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi kekangan penglibatan murid sekolah rendah dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan. Oleh itu, diharap dapatan kajian ini dapat memberi satu gambaran yang jelas mengenai faktor penghalang yang mengganggu penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di sekolah rendah. Kajian ini dijalankan untuk membantu guru, Guru Besar Sekolah, Jawatankuasa Kerja Sekolah, Unit Kokurikulum Jabatan Pendidikan Daerah dan Negeri, serta agensi yang berkaitan dalam merancang program kokurikulum sukan dan permainan di sekolah.

Kajian ini juga bertujuan untuk bantu mempertingkatkan penglibatan murid dan kualiti program kokurikulum di sekolah agar lebih teratur dan efisien. Perkara ini penting bagi mengalakkan murid melibatkan diri dalam perkara yang berfaedah kerana kokurikulum merupakan salah satu aspek yang penting dalam pembangunan dan pembinaan sahsiah para murid untuk menjadi insan yang baik dan berpengetahuan. Dapatan kajian ini diharap dapat bantu mengalakkan penglibatan

murid dalam kegiatan kokurikulum dan seterusnya masyarakat akan lebih prihatin terhadap kepentingan kokurikulum demi masa hadapan murid.

1.9 Limitasi

Kajian ini hanya terbatas kepada murid-murid lelaki dan perempuan tahun 4, 5 dan 6 di sekolah-sekolah rendah di zon Maharani, Muar. Manakala dari segi lokasi sekolah, penyelidik hanya melibatkan lokasi sekolah luar bandar dan bandar di dalam zon Maharani, Muar. Selain itu, kajian ini berfokus untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan murid sekolah rendah dalam kokurikulum sukan dan permainan. Oleh yang demikian, keputusan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada murid-murid di negeri-negeri lain.

1.10 Delimitasi

Delimitasi dalam kajian ini adalah faktor kejujuran dan keikhlasan responden ketika menjawab soal selidik dan merupakan sesuatu keadaan yang di luar kawalan penyelidik. Hal ini adalah kerana responden perlu menjawab persoalan kajian sama ada terdapat perbezaan atau tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pembolehubah yang digunakan. Kesiediaan diri responden untuk menjawab soal selidik juga merupakan satu perkara penting yang tidak dapat dikawal oleh penyelidik, sebagai contohnya, terdapat responden yang menjawab soal selidik secara paksa dan tidak memberi kerjasama sepanjang kajian dijalankan.

Selain itu, soal selidik yang dijalankan hanya menggunakan skala Likert maka responden terpaksa memilih jawapan yang disediakan oleh penyelidik sahaja dan tidak berpeluang mengemukakan jawapan sendiri. Manakala soal selidik yang terlalu sukar atau terlalu mudah boleh mempengaruhi minat responden terhadap

soalan-soalan yang diberikan. Hal ini berkemungkinan mempengaruhi hasil dapatan kajian dan kelancaran proses kajian yang dijalankan.

Seterusnya, kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini turut dipengaruhi dengan kemahiran penyelidik dalam menjalankan proses ujian. Sekiranya penyelidik tidak cekap dan memberi penerangan yang kurang tepat kepada responden maka data yang diperoleh boleh diragui. Walau bagaimanapun bagi mengatasi masalah ini arahan yang jelas telah dinyatakan dalam soal selidik bagi membantu penyelidik menjalankan ujian dengan lancar. Selain itu masa responden menjawab soal selidik dan prosedur mengumpul data turut mempengaruhi hasil dapatan kajian ini.

1.11 Rumusan

Bab ini membincangkan latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual, definisi operasional, signifikan kajian, limitasi kajian dan delimitasi kajian. Selain itu, perbincangan ini memberi gambaran awal bagi menjalankan kajian. Selain itu, bab ini memudahkan pemahaman terhadap istilah yang digunakan.

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan

Bab ini menjelaskan tentang takrifan kokurikulum, kewajipan pelaksanaan kokurikulum di sekolah, kepentingan kokurikulum, masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan kokurikulum, kajian serta teori yang berkaitan.

2.1 Takrif Kokurikulum

Sistem pendidikan yang dilaksanakan di dalam sesebuah negara merupakan wadah untuk mendidik anak-anak menjadi insan yang berjaya dan mengenali budaya serta alam sekeliling serta dapat menyampaikan ideologi kebangsaan kepada masyarakat melalui penerapan tentang kefahaman serta nilai-nilai positif untuk perpaduan kaum dalam kalangan generasi muda akan datang. Oleh itu, bagi menghasilkan satu sistem pendidikan seimbang dan sempurna, maka penekanan kepada kedua-dua aspek iaitu kurikulum dan kokurikulum perlu dititikberatkan. Kokurikulum adalah penting untuk merealisasikan konsep pengetahuan, pengalaman dan kemahiran merentasi kurikulum di mana kokurikulum merangkumi aktiviti pendidikan jasmani, seni dan rekreasi, aktiviti sains dan teknologi serta aktiviti kumpulan dan sosial. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, bidang ini berupaya memberi peluang kepada murid untuk membina kekuatan jasmani, menguatkan keupayaan mental, membantu dalam kestabilan emosi seterusnya kepada kemantapan rohani dalam menerapkan nilai-nilai murni berlandaskan pegangan agama yang dianuti. Proses pembinaan individu ini adalah berterusan dan menyeluruh tanpa pemisahan antara kurikulum dan kokurikulum (Ab. Alim, 2004; Tam Yeow Kwai, 2010).

Kokurikulum merupakan saluran pembelajaran berasaskan gerak kerja yang tersusun dan terancang yang secara keseluruhannya dilakukan di luar bilik darjah seperti permainan, perkhemahan dan sebagainya. Kokurikulum merupakan suatu aktiviti dan pengalaman pendidikan yang dilaksanakan di luar atau di dalam bilik darjah (Nor Azah, 2007). Menurut Puteh dalam Henry (2010), kokurikulum merangkumi aktiviti-aktiviti tidak formal yang dianggap sebagai *extra-curricular* dan merupakan program-program formal yang dipelajari di dalam bilik darjah atau kuliah. Nor Suhara (2010) mendefinisikan kokurikulum sebagai kegiatan berkumpulan yang melibatkan kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah bagi memberi peluang kepada murid untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah. Hal ini adalah wadah pembinaan jasmani, emosi dan rohani yang selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan membentuk generasi yang seimbang. Justeru, hal ini juga merujuk kepada surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1/1985 bertarikh 2 Januari 1985, iaitu setiap murid sama ada dari sekolah kerajaan atau bukan kerajaan adalah diwajibkan untuk mengambil sekurang-kurangnya satu aktiviti pasukan badan beruniform, satu aktiviti persatuan atau kelab dan satu aktiviti sukan atau permainan.

Kokurikulum adalah aktiviti-aktiviti yang dilakukan di luar kawasan bilik darjah. Aktiviti kokurikulum ini amat penting dijalankan di sekolah kerana melalui aktiviti-aktiviti kokurikulum ini remaja dapat bersosial dengan kawan-kawan, membina karakter diri, boleh menambahkan keyakinan diri dalam melakukan sesuatu perkara dan belajar berdikari. Mok Soon Sang (2009) menyatakan kokurikulum ialah aktiviti pendidikan yang dirancang dan dilaksanakan selepas waktu pelajaran formal di dalam dan di luar bilik darjah, berasaskan lanjutan

pelajaran sesi persekolahan. Peraturan-peraturan Kokurikulum Kebangsaan di bawah Warta Kerajaan, Akta Pendidikan 1995, bertarikh 31.12.1997 menjelaskan kokurikulum itu ialah kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberikan murid untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari dalam bilik darjah.

Tan dan Pope (2007) mendefinisikan kokurikulum sebagai aktiviti yang meningkatkan dan memperkayakan kurikulum pada waktu persekolahan seperti kelas tambahan dan aktiviti murid di sekolah manakala menurut Nor Azah (2007) kokurikulum merupakan suatu aktiviti dan pengalaman pendidikan yang dilaksanakan di luar atau di dalam bilik darjah. Aktiviti kokurikulum dengan jelas boleh menambahkan pengalaman penting dan kemahiran kepada murid (Reaves & et al., 2010). Menurut Jamaludin (2009) kokurikulum merupakan pelengkap ke arah pendidikan holistik bukan hanya dari segi peningkatan dan pengembangan kemahiran sosial, afektif dan psikomotor sahaja malah untuk mengukuhkan lagi interaksi, toleransi dan integrasi antara kaum. Selain itu, menurut Zulkoflee dan Aimi (2010), kokurikulum merupakan pelengkap kepada kehendak dan kepentingan kurikulum sejajar dengan agenda utama negara dalam Rancangan Malaysia Ke-10, iaitu membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia yang memperlihatkan negara sedang berusaha memupuk modal insan bertaraf dunia dalam kalangan pelajar.

Lokman dan Osmayati (2010) mendefinisikan kokurikulum sebagai satu wadah paling berkesan untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan terutamanya dalam konteks melahirkan pelajar seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial yang akhirnya dapat mewujudkan sumber manusia berkemahiran tinggi di

Malaysia. Aktiviti kokurikulum adalah aktiviti yang bercorak pendidikan dan juga adalah sebahagian daripada pengalaman pembelajaran. Kegiatan ini boleh dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah, seperti gerak kerja unit beruniform, persatuan, kelab, sukan dan permainan. Kokurikulum boleh dilaksanakan sebagai lanjutan kepada proses pembelajaran dan pengajaran di bilik darjah serta sebagai pelengkap kepada usaha menanam dan mengukuhkan nilai-nilai murni ke dalam jiwa pelajar. Menurut Khairi Fadhli (2011) melalui “Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Dewan Bahasa dan Pustaka”, kokurikulum juga dapat didefinisikan sebagai salah satu saluran pembelajaran yang berasaskan gerak kerja yang terancang dan sistematik. Menurut Bahari (2007) kegiatan kokurikulum ialah aktiviti-aktiviti yang melibatkan kegiatan sukan, persatuan atau kelab yang memberikan pendekatan kepada mata pelajaran dan kebudayaan, dan pasukan badan beruniform manakala kegiatan sukan pada kebiasaannya adalah seperti bola sepak, ragbi, renang, bola tampar, memanah, tenpin boling, golf dan sebagainya. Seterusnya Rosnida dan Nur Farah (2016) mendefinisikan kokurikulum sebagai aktiviti yang dilakukan di luar kelas dan merupakan elemen yang penting dalam sistem pendidikan di Malaysia. Aktiviti kokurikulum juga merupakan kesinambungan dan pengukuhan kepada program atau aktiviti pembelajaran di bilik kuliah atau kurikulum.

Kokurikulum adalah aktiviti kokurikulum yang merupakan rantaian pengalaman pembelajaran yang berkesinambungan. Pendidikan melalui kokurikulum ditakrifkan sebagai satu pengalaman pembelajaran meliputi aspek akal, adab, fizikal, afektif dan sosial yang diterapkan secara formal supaya dapat mengamati, menghayati, menganalisis di samping timbulnya kemahiran berpasukan dalam diri (Crebet, 2004). Oleh itu, kokurikulum adalah merupakan salah satu usaha

untuk menjadikan pendidikan seimbang antara perkembangan mental dengan kerohanian. Pelaksanaan kokurikulum adalah tidak sesekali bertujuan untuk membebankan pelajar dengan tanggungjawab yang tidak sepatutnya. Melalui penyertaan pelajar dalam kegiatan berkumpulan seumpama itu, pelajar akan dapat mempelajari sifat-sifat bertanggungjawab sebagai salah satu anggota pasukan dan menjadi panduan apabila memasuki dunia masyarakat pada masa akan datang (Wood et, al 2011; Archer & Davison 2008; Darling, Caldwell & Smith 2005; dan Jaafar & Yusof 2002). Selain itu, Gilbert et, al. (2004) menyatakan bahawa kokurikulum merupakan pelengkap kepada kehendak dan kepentingan kurikulum serta aktiviti kokurikulum menyediakan peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai murni yang dipelajari dalam aktiviti kokurikulum (Batz, Wittler & Wilde 2009; Wang & Shiveley 2007; Lawhorn 2008 dan Rubin).

Pope, Roy, & Grey (2011), menjelaskan bahawa kokurikulum adalah berbentuk aktiviti rekreasi yang boleh diperkenalkan dengan lebih meluas untuk membantu pelajar mencari alternatif bagi mengisi masa lapang dengan kegiatan berfaedah di samping mengajar kemahiran hidup seperti kepimpinan, kemahiran sosial dan masyarakat. Selain itu, kokurikulum juga bertujuan mengajar pelajar pelbagai kemahiran hidup yang amat penting dalam kehidupan harian, kemahiran tersebut sedikit sebanyak berperanan membina keyakinan diri pelajar untuk bergaul dengan kumpulan individu yang lebih besar secara meluas serta memberi pengukuhan kepada pendidikan formal yang dipelajari dalam kelas.

2.2 Kandungan Kegiatan Kokurikulum Sukan dan Permainan di Sekolah

Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang telah digubal dalam tahun 1988 telah disemak semula pada tahun 1996. Falsafah ini termaktub dalam visi KPM dan kerajaan yang berhasrat melahirkan generasi holistik dari segi intelektual, kerohanian, emosi dan jasmani. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketerampilan dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (KPM, 2010).

Pada tahun 1967, peraturan sekolah telah memperuntukkan waktu aktiviti kokurikulum di sekolah yang dikenali sebagai gerak kerja kumpulan. Pada tahun 1984, KPM telah mewajibkan aktiviti kokurikulum ke atas semua murid memandangkan kepentingannya terhadap pembinaan disiplin dan meningkatkan kesihatan diri pelajar. Aktiviti kokurikulum juga diberi penekanan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 – 2007) kerana aktiviti ini diyakini dapat melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi dan celik, berdisiplin dan menunjukkan nilai moral serta etika kerja yang tinggi. Kegiatan kokurikulum sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan melibatkan penyertaan murid dalam sukan permainan, persatuan dan kelab, unit beruniform dan kegiatan lain yang telah ditentukan dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan), 1997.

Mengikut Buku Panduan Pengurusan Aktiviti Kokurikulum Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah (2017) kegiatan kokurikulum di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan akan mengandungi penyertaan dalam sukan dan permainan, penyertaan dalam persatuan dan kelab, penyertaan dalam badan beruniform dan penyertaan dalam kegiatan-kegiatan lain sebagaimana ditentukan oleh menteri

(Rujuk Subperaturan 3(3) dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 yang diterbitkan sebagai P.U. (A) 531/97. 4.3.2). Selain itu, kegiatan kokurikulum di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan meliputi kegiatan dalam persatuan yang ditubuhkan di sekolah daripada kategori seperti mata pelajaran yang diajar di sekolah sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan), 1997 iaitu hobi dan rekreasi, sukan dan permainan, badan beruniform atau apa-apa persatuan lain yang diluluskan oleh Pendaftar (Rujuk Peraturan 4 dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998 yang diterbitkan sebagai Warta Kerajaan Bil. 42/No. 11 (Tambahan No. 41), Perundangan (A), P.U. (A) 196 bertarikh 21hb. Mei 1998).

Pembangunan secara holistik memerlukan keseimbangan di antara akademik dan sahsiah. Oleh itu, KPM telah memperkenalkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) selari dengan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK). PBS adalah satu sistem yang menilai keseluruhan aspek pembangunan pelajar iaitu merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Sistem ini menekankan penilaian dari sudut akademik dan kokurikulum. Justeru, salah satu komponen yang ada di dalam sistem PBS ini adalah Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) (Lembaga Peperiksaan, KPM, 2014).

Kementerian juga menetapkan setiap murid mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya 1 sukan, 1 kelab dan 1 badan beruniform bagi membina bakat dan memupuk minat, di samping membentuk kemahiran kepimpinan. Data yang diperoleh menunjukkan kadar penyertaan dalam aktiviti kokurikulum adalah tinggi (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025). Berdasarkan kepada sistem pendidikan negara yang telah berubah, aktiviti kokurikulum telah dijadikan satu perkara yang wajib untuk diambil berat oleh setiap remaja. Tahap kesedaran

remaja terhadap perubahan sistem pendidikan negara harus diberi penekanan di dalam jadual pembelajaran mereka.

2.3 Kepentingan Kokurikulum

Menurut Kent (2009), murid yang terlibat dengan aktiviti kokurikulum mampu untuk menguruskan kehidupannya dengan berdisiplin. Walker (2010) pula menerangkan, aktiviti kokurikulum di Kolej *Sweet Briar*, Amerika Syarikat, dijalankan selari dengan aktiviti kurikulum untuk memajukan misi pendidikan kolej tersebut. Menurut Azmi dan Hamsiah (2000) kokurikulum dapat membina kemahiran bersosial dan kegiatan kokurikulum yang mantap dapat memperkukuhkan interaksi antara murid dan sekali gus memupuk integrasi antara kaum dalam masyarakat majmuk di negara kita.

Haron et al., (2010) menyatakan kegiatan kokurikulum diharapkan dapat membentuk personaliti pemimpin dalam diri murid. Kegiatan kokurikulum yang dijalankan di sekolah seharusnya dapat memberi peluang kepada semua murid melibatkan diri dengan aktif secara individu atau berkumpulan serta dapat meningkatkan disiplin murid melalui penyemaian dan pemupukan nilai dengan sikap positif dan memupuk sikap yakin diri dan berani.

Selain itu, Lokman dan Osmayati (2010) menyatakan aktiviti kokurikulum dapat membantu murid untuk mengukuh dan meningkatkan pengetahuan pelajar dalam pelbagai bidang. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti keperluan aktiviti kokurikulum kepada pelajar tingkatan empat di sekolah menengah kebangsaan di daerah Langkawi. Kajian ini melibatkan 301 orang pelajar tingkatan empat di sekolah menengah kebangsaan di daerah Langkawi. Kajian yang dijalankan

merupakan kajian secara deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek kepimpinan berada pada tahap tinggi di mana ini merupakan aspek penting yang mempengaruhi seseorang pelajar menyertai aktiviti kokurikulum. Aspek memupuk nilai integrasi kaum pula berada pada tahap sederhana. Aspek disiplin berada pada tahap rendah dan ini menunjukkan aktiviti kokurikulum merupakan satu keperluan bagi pelajar di sekolah.

Mengikut kajian Ahmad dan Hisham (2009) ke atas 107 orang pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mendapati bahawa tahap keterampilan pelajar setelah mengikuti mata pelajaran kokurikulum adalah tinggi. Tahap keterampilan yang dikaji adalah keterampilan kemahiran komunikasi, keterampilan kemahiran kepimpinan, keterampilan bekerja dalam kumpulan dan keterampilan penampilan diri yang kemas. Kesemua keterampilan ini penting untuk dikuasai oleh remaja sebagai satu bonus kepada diri mereka ketika berada di alam pekerjaan.

Selain itu, aktiviti kokurikulum penting dalam bantu melengkap dan memperkukuhkan proses pembelajaran di dalam bilik darjah, di samping dapat menunjukkan perubahan tingkah laku serta mempengaruhi sahsiah murid. Aktiviti kokurikulum dengan jelas boleh menambah pengalaman penting dan kemahiran kepada murid (Reaves & et al. 2010). Wardatul (2014) menyatakan kesedaran sendiri remaja terhadap aktiviti kokurikulum dapat membentuk sahsiah mereka. Penglibatan remaja dalam aktiviti kokurikulum mampu memberi impak positif kepada pembentukan sahsiah remaja. Habib et al., (2012) menjelaskan bahawa kokurikulum berperanan dalam membentuk disiplin pelajar yang jitu di samping minat yang mendalam serta bakat yang ada dalam sesuatu bidang tertentu yang

boleh memupuk disiplin pelajar untuk bersungguh-sungguh menyertai bidang tersebut serta memenuhi segala peraturan. Dengan wujudnya kokurikulum, kita boleh menjadikan sesebuah institusi pendidikan sebagai salah satu tempat yang menarik dan menyeronokkan bagi pelajar kerana selain mereka mendapat kemudahan menuntut ilmu, mereka turut diberi peluang untuk mengetengahkan bakat dan kemahiran yang boleh dimajukan serta diberi penghargaan di samping menyemai nilai-nilai pendidikan dalam gerak kerja kokurikulum. Kokurikulum turut menerapkan matlamat bahawa melalui kegiatan kokurikulum kita boleh menyemai nilai-nilai pendidikan dalam diri pelajar. Hal ini bermaksud nilai-nilai pendidikan bukan sahaja hanya dapat dipupuk dalam diri pelajar melalui aktiviti formal sahaja tetapi sebaliknya kokurikulum turut berfungsi sebagai salah satu alternatif yang lain (Modul permulaan graduan, 2008 dan McMilan, Myran, & Workman, 2002).

Nor Suhara (2010) menyatakan kokurikulum memainkan peranan penting dalam pendidikan. Antara kepentingannya adalah berkaitan dengan pemupukan sahsiah dan pembentukan perpaduan. Selain itu, penyertaan murid sebagai generasi muda dan rakyat di negara ini dalam kokurikulum dapat menyemai perasaan muhibah, perpaduan, integrasi nasional dan menyemai nilai-nilai murni secara tidak langsung dan langsung semasa menyertai aktiviti-aktiviti tersebut. Hal ini adalah selaras dengan teras kedua dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) iaitu Membangunkan Modal Insan. Modal insan yang berkualiti merupakan aset utama negara bagi menentukan masa hadapan negara dan bangsa. Kokurikulum juga penting dalam pembentukan konsep “Satu Malaysia” yang mengutamakan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum serta penyertaan dalam aktiviti kokurikulum juga mampu meningkatkan tahap disiplin murid.

Hamid (2012) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti penerapan, kesedaran dan penguasaan terhadap kemahiran kerja berpasukan menerusi kokurikulum bola sepak di UTHM. Reka bentuk kajian yang telah dipilih oleh penyelidik adalah berbentuk kajian kes. Kajian kes yang dijalankan oleh penyelidik berfokus kepada sekumpulan pelajar yang melibatkan diri dalam kokurikulum bola sepak di UTHM sebagai sampel kajian. Penyelidik memilih kajian kes sebagai reka bentuk kajian kerana melalui kajian kes, maklumat teliti dan mendalam dapat dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Manakala instrumen yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah borang soal selidik, temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen di mana ini digunakan untuk mengumpul data mengenai penerapan, kesedaran dan penguasaan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan responden. Seramai 33 orang pelajar yang melibatkan diri dalam kokurikulum sukan dan permainan bola sepak di UTHM. Penyelidik menggunakan semua pelajar sebagai sampel kajian. Hasil soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan perisian komputer *Statistical Package for the Social Science (SPSS) Version 17*. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat pembangunan dalam kemahiran kerja berpasukan dalam kokurikulum bola sepak. Sehubungan dengan ini dapatan kajian juga membuktikan kokurikulum sukan dan permainan bola sepak dapat bantu memupuk kerja berpasukan yang tinggi dengan melihat bagaimana ahli pasukan bekerjasama antara satu sama lain.

Noor Azyani (2012) telah menjalankan kajian untuk mengkaji penerapan, kesedaran dan penguasaan pelajar terhadap elemen-elemen kemahiran menyelesaikan masalah terhadap pelajar di UTHM. Kajian lampau ini adalah berbentuk kajian kes dan sampel bagi kajian ini adalah seramai 30 pelajar yang mengikuti aktiviti kokurikulum bercredit khidmat masyarakat di UTHM. Instrumen

yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah analisis dokumen, pemerhatian, temu bual dan soal selidik. Data dokumen, pemerhatian dan temu bual yang dianalisis oleh penyelidik merupakan instrumen utama di dalam kajian ini manakala soal selidik yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Science (SPSS) for Windows, Version 20.0*. Secara keseluruhan, hasil dapatan kajian mendapati terdapat penerapan, kesedaran dan penguasaan elemen-elemen kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar UTHM menerusi aktiviti kokurikulum dalam usaha kerajaan bagi menghasilkan graduan yang produktif dan berkualiti.

Di luar negara, aktiviti kokurikulum turut ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contohnya, *Kingston International College* di Australia menyediakan pelbagai aktiviti kokurikulum untuk disertai oleh pelajar-pelajarnya pada cuti semester. Ini bermaksud, proses pembelajaran berlaku sepanjang tempoh pembelajaran walaupun pada masa cuti. Oleh itu, pelajar dapat menambah kemahiran serta pengetahuan yang tidak dapat dipelajari di dalam kelas pada waktu cuti tanpa rasa tertekan di samping mengelakkan pelajar-pelajarnya menghabiskan cuti dengan aktiviti yang tidak berfaedah (Kingston International College, 2007). Petro Marais (2011) dalam kajiannya ke atas 51 orang pelajar tahun empat dalam bidang perguruan di UNISA, *Republic of South Africa* mendapati aktiviti kokurikulum boleh menyumbang kepada pembentukan pelajar secara holistik, aktiviti kokurikulum boleh merangsang deria pelajar mengikut perkembangan mereka, aktiviti kokurikulum boleh meningkatkan kepercayaan diri dan kepercayaan sendiri serta merasakan diri mereka bernilai. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan aktiviti kokurikulum dapat membantu pelajar membina kemahiran diri serta dapat memberikan tenaga yang positif, membentuk remaja

untuk tidak mudah putus asa serta boleh mengelakkan pelajar dari terjerumus dalam keruntuhan moral.

Nikki (2009) dalam kajiannya mengenai kesan aktiviti kokurikulum terhadap murid mendapati penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum menyebabkan gred murid meningkat, murid memperoleh markah yang tinggi dalam ujian, meningkatkan pencapaian akademik, kehadiran murid yang lebih baik ke sekolah dan meningkatkan konsep diri murid. Selain itu murid yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum juga mempelajari pelbagai kemahiran seperti kerja sepasukan dan kepimpinan serta dapat menjauhkan diri daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan masalah sosial yang lain. Perkins, Christie, dan Snelling (2010) menyatakan bahawa melalui aktiviti kokurikulum seperti berpersatuan, pelajar diajar cara bergaul, bermuafakat, bekerjasama dan bertolak ansur dan inilah merupakan latihan untuk menjadikan mereka anggota masyarakat yang baik. Hal ini secara langsung menjadikan aktiviti kokurikulum satu landasan dalam melahirkan pelajar yang lebih berdisiplin dan matang dalam menguruskan masa lapang dengan cara yang berfaedah, sekaligus kokurikulum boleh berfungsi untuk bantu mengurangkan gejala sosial yang amat serius pada masa kini. Wilson (2009) menjelaskan bahawa aktiviti kokurikulum mampu menangani gejala sosial yang melibatkan pelajar seperti kepincangan institusi keluarga, pengaruh persekitaran, dan pengaruh rakan sebaya. Oleh yang demikian, pihak sekolah seharusnya memperbanyakkan aktiviti kokurikulum di sekolah agar pelajar dapat mengisi masa lapang mereka dengan berfaedah.

Pope, Roy, dan Grey (2011) menjelaskan bahawa kokurikulum merupakan aktiviti rekreasi. Aktiviti rekreasi ini boleh diperkenalkan dengan lebih meluas untuk membantu pelajar mencari alternatif lain bagi mengisi masa lapang dengan kegiatan

berfaedah di samping mengajar kemahiran hidup seperti kepimpinan, kemahiran sosial dan masyarakat. Kokurikulum juga bertujuan mengajar pelajar pelbagai kemahiran hidup yang amat penting dalam kehidupan harian. Justeru kemahiran tersebut sedikit sebanyak berperanan membina keyakinan diri pelajar untuk bergaul dengan kumpulan individu yang lebih besar secara meluas. Shuriye (2011) berpendapat kokurikulum juga turut berperanan untuk mengukuhkan asas pendidikan formal atau akademik yang dipelajari dalam kelas dan menyemai perasaan muhibah, perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan generasi muda. Matlamat kokurikulum turut mengambil kira pemupukan nilai-nilai murni dalam kalangan generasi muda tanpa mengira kaum, bangsa atau agama. Aktiviti kokurikulum sebenarnya adalah salah satu kaedah untuk memberi kebebasan kepada pelajar untuk mengenali lebih ramai orang di samping dapat memupuk semangat setia kawan, bersatu padu dan mengeratkan silaturahim antara satu sama lain (Sabran, Abdullah & Mohamed, 2008).

Marais (2011) dan Badusah (2009) menjelaskan bahawa pada peringkat pengajian tinggi, pemerksaan kursus kokurikulum dalam sistem pengajian perlu diberi penekanan sewajarnya sama seperti kurikulum teras yang lain. Kokurikulum di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan pelengkap kepada kitaran kurikulum pengajaran dalam bidang teras. Kurikulum kokurikulum haruslah menumpukan hasil pembelajarannya kepada pencapaian dalam komponen tersebut supaya dapat melahirkan modal insan yang berkualiti. Selain itu, melalui kursus kokurikulum, pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang mengandungi unsur intelek akan dapat membantu pelajar memiliki keyakinan tinggi dalam membuat keputusan. Kenyataan ini disokong oleh Keyani (2012), dan Badusah et al. (2009) yang menyatakan kursus kokurikulum yang dirancang berdasarkan konsep pendidikan

formal yang diberikan kredit adalah sesuai untuk menerapkan tujuh elemen kemahiran insaniah secara berterusan dan berstruktur.

Bashir (2012) menjelaskan bahawa kokurikulum merupakan peranan penting dalam pembentukan ketiga-tiga aspek tersebut iaitu rohani, emosi, dan jasmani. Melalui kokurikulum, pelajar boleh dibentuk melalui aktiviti kesukanan seperti menyertai kelab bola sepak atau kelab bola jaring bagi mewujudkan insan yang mempunyai tubuh badan yang sihat. Seterusnya bakat pelajar-pelajar dapat dicungkil melalui aktiviti pertandingan-pertandingan yang dijalankan secara rasmi mahupun tidak rasmi. Hal ini secara tidak langsung, dapat mengetengahkan mereka yang berbakat ke peringkat negeri, negara dan lebih baik lagi ke peringkat dunia. Oleh itu, bakat-bakat yang sedia ada tidak dibazirkan malahan boleh diasah untuk diketengahkan ke satu peringkat yang global.

Untuk menegaskan lagi kepentingan sukan dalam sistem pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat penetapan bahawa penyertaan murid dalam aktiviti permainan adalah diwajibkan. Melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1/1989 bertarikh 3 Januari 1989, pengurus dan pentadbir sekolah telah diminta supaya memastikan bahawa perkara-perkara berikut dipatuhi iaitu:

- a) Setiap murid mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya satu jenis permainan atau olahraga, atau setidak-tidaknya turut serta dalam larian merentas desa, jogging atau perlumbaan jalan kaki.
- b) Pihak sekolah memperkemaskan lagi perancangan dan pengurusan kegiatan sukan di sekolah supaya dapat dipertingkatkan minat dan penyertaan murid dalam kegiatan tersebut.

- c) Pihak sekolah menambah serta mempelbagaikan jenis kegiatan sukan sekolah dengan memberikan tumpuan kepada kegiatan-kegiatan yang dapat melibatkan penyertaan bilangan murid yang ramai.
- d) Pihak sekolah, setakat mana yang boleh, berusaha menyediakan kemudahan dan peralatan bagi mengalakkan kegiatan sukan dalam kalangan murid.

2.4 Pelaksanaan Kokurikulum

Pada asasnya kegiatan kokurikulum adalah merupakan sebahagian daripada kurikulum sekolah di mana setiap murid harus melibatkan diri. Kegiatan ini boleh dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah dengan mengikut kesesuaian sesuatu aktiviti itu. Dengan andaian bahawa pelajar-pelajar tidak mendapat pengalaman-pengalaman tertentu di bilik darjah, maka aktiviti kokurikulum dilaksanakan untuk menyediakan pengetahuan dan pengalaman tersebut bagi perkembangan mental, minat, bakat, jasmani, rohani dan pembentukan nilai-nilai estetika serta sosial yang positif. Sebagai satu bidang pendidikan, penglibatan semua pelajar dan ahli masyarakat adalah perlu, berasaskan kepada beberapa anggapan iaitu semua pelajar harus mempunyai keseimbangan antara perkembangan mental (akademik) dengan perkembangan sahsiah yang bersepadu (sosial, jasmani dan rohani), semua pelajar mempunyai minat dan bakat yang boleh dimajukan, semua pelajar boleh dididik dan boleh pula mendidik diri sendiri, sekolah bertanggungjawab bagi melahirkan pelajar-pelajar untuk keperluan masyarakat dan negara dan akhir sekali masyarakat juga bertanggungjawab dan memainkan peranan mereka dalam mendidik pelajar-pelajar, termasuklah pendidikan kemasyarakatan (Buku Panduan Pengurusan Aktiviti Kokurikulum Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah, 2017).

Pelaksanaan kokurikulum ini adalah untuk menyemaikan kesedaran dan kepatuhan terhadap agama dan kepercayaan kepada Tuhan sebagaimana yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Matlamat pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang hendak dicapai adalah yang pertama keseimbangan antara perkembangan mental (akademik) dengan perkembangan sosial, jasmani dan rohani pelajar selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Matlamat yang kedua adalah pengukuhan interaksi dan integrasi dalam kalangan pelajar di sekolah. Matlamat ketiga pelaksanaan aktiviti kokurikulum adalah peningkatan minat, bakat dan kemahiran pelajar dalam matlamat aktiviti kokurikulum yang diceburi. Manakala matlamat keempat adalah pengukuhan dan pengayaan perkara yang dipelajari dalam bilik darjah serta perluasan pengetahuan dan pengalaman pelajar dalam bidang tertentu. Matlamat kelima pelaksanaan aktiviti kokurikulum adalah pengisian masa lapang pelajar dengan berfaedah, memberi kegembiraan serta pembinaan kesihatan dan kesejahteraan diri. Seterusnya matlamat pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang keenam iaitu peningkatan disiplin pelajar melalui penyemaian dan pemupukan nilai dan sikap positif, selaras dengan hasrat Rukun Negara. Matlamat ketujuh adalah peningkatan suasana sekolah yang lebih menarik dan menggembirakan pelajar. Matlamat kelapan pelaksanaan aktiviti kokurikulum adalah peningkatan penglibatan kerjasama dan sumbangan dua hala antara sekolah dengan ibu bapa dan masyarakat dan matlamat yang terakhir adalah mewujudkan sekolah berwatak (BPPKSRS, 2017).

Menurut Seksyen 16, Akta Pendidikan 1961 dalam undang-undang Malaysia (PPUM, 2012), pelaksanaan kokurikulum di sekolah adalah wajib. Sehubungan dengan itu adalah jelas bahawa kegagalan atau keengganan melaksanakan kegiatan kokurikulum di sekolah adalah satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda

tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya, (subseksyen 135(1) Akta Pendidikan 1996) dan jika kesalahan itu dilakukan secara berterusan, maka apabila disabitkan sedemikian, seseorang itu dikenakan denda harian yang tidak melebihi lima ratus ringgit sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang dikenakan kepadanya di bawah akta ini berkenaan dengan kesalahan itu, bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan (subseksyen 135 (2) Akta 550). Setiap murid perlu mengambil bahagian dalam gerak kerja kokurikulum dan peningkatan penyertaan murid dalam kegiatan pakaian seragam hendaklah diusahakan (subperkara 5.1 dalam SPI, 1985). Oleh itu, penyertaan murid dalam aktiviti kokurikulum adalah wajib dan penyertaan serta kehadiran murid dalam aktiviti kokurikulum hendaklah direkodkan serta diberi penilaian (Perkara 8.2.1 SPI Bil 1/1985 Jawatankuasa Bimbingan Murid Sekolah dan Perkara 2.1 SPI bil.2/1986, Rekod Kedatangan dan Laporan Gerak Kerja Kokurikulum). Penyertaan pelajar yang aktif dan produktif akan meningkatkan pembentukan sifat tanggungjawab dan perasaan bangga atas kejayaan. Selain itu, penglibatan pelajar juga perlu mengikut minat, kecenderungan, bakat dan kesediaan masing-masing. Situasi yang menggembirakan juga akan menguatkan pembelajaran dan seterusnya melahirkan perasaan yakin diri (Buku Panduan Pengurusan Profesional Sekolah Menengah, Bil. II, 1993).

Selain itu, terdapat surat pekeliling yang telah dikeluarkan bagi menegaskan peranan guru dalam aktiviti kokurikulum. Hal ini adalah bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan gerak kerja kokurikulum di sekolah (subperkara 5.2 SPI, 1985). Kesannya, guru-guru di sekolah diberi tugas dan tanggungjawab yang spesifik, terperinci dan kuantitatif dalam bidang kokurikulum di sekolah secara bertulis seperti mana yang dilakukan dalam bidang kurikulum. Sekiranya guru

enggan melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberi maka menjadi satu kesalahan dari segi keperluan perkhidmatan atau kepatuhan kebertanggungjawaban penjawat awam ataupun moral dan wibawa keguruan yang boleh dikenakan tindakan disiplin mengikut “Perintah-perintah Am Pegawai Awam {kelakuan dan tata tertib (Bab D)}”

Sehubungan itu, pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah hendaklah berasaskan prinsip penyertaan beramai-ramai tanpa ada unsur-unsur diskriminasi atau paksaan dan yang bercanggah dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Perlembangan Negara (SPI Bil. 16/2000, 13 Nov 2000). Hal ini disebabkan kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah hendaklah merentas disiplin, bersepadu dan tidak bersifat eksklusif. Bagi sekolah yang kekurangan kemudahan bagi melaksanakan gerak kerja kokurikulum di sekolah, murid-murid digalakkan untuk mengambil bahagian dalam membuat kerja amal untuk masyarakat setempat, bergotong royong memperbaiki kawasan sekolah dan dalam pelbagai gerak kerja yang menekankan perpaduan kaum, ketatanegaraan, moral dan sebagainya yang sesuai bagi pendidikan yang menyeluruh dan pembentukan keperibadian (subperkara 5.3 dalam SPI, 1985). Selain itu, kegiatan kokurikulum di sekolah boleh dilaksanakan dengan menggunakan atau memanfaatkan penglibatan dan kepakaran anggota masyarakat setempat (subperkara 5.2.3 dalam SPI, 1985).

Noor Azzam (2013) telah menjalankan kajian bagi mengenal pasti pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah menengah harian. Kajian ini dijalankan bagi meneroka pemahaman Kumpulan Pelaksana Pengurusan (KPP) kokurikulum dan mengetahui proses yang terlibat semasa menguruskan kokurikulum di sekolah. Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah campuran, iaitu penerokaan jujukan (kualitatif dan kuantitatif) yang melibatkan seramai 10

orang KPP kokurikulum di sekolah yang telah mencapai kecemerlangan dalam bidang kokurikulum dan seramai 307 orang KPP kokurikulum di sekolah menengah harian yang berlainan. Dalam kaedah kualitatif, tiga teknik telah digunakan, iaitu temu bual, pemerhatian dan juga semakan dokumen. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian NVivo versi 10. Hasil dapatan data kualitatif telah menemui lapan konstruk utama iaitu perancangan, pengelolaan, kepimpinan, pengawalan, pembangunan staf, pelaporan, belanjawan dan juga perhubungan masyarakat luar seterusnya menghasilkan amalan pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah menengah. Manakala hasil dapatan kuantitatif diperoleh dengan menggunakan soal selidik dan dianalisis dengan SPSS versi 21 untuk mengenal pasti frekuensi, peratus, min, sisihan piawai, dan korelasi. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman 296 orang KPP kokurikulum berdasarkan pelaksanaan pengurusan kokurikulum menggunakan model yang dihasilkan adalah pada tahap tinggi, manakala 11 orang lagi di tahap sederhana. Bagi tahap pelaksanaan, seramai 244 orang di tahap yang tinggi, manakala seramai 63 orang di tahap yang sederhana. Ujian korelasi yang telah dijalankan menunjukkan terdapat perhubungan yang sederhana di antara kefahaman dan pelaksanaan pengurusan kokurikulum. Tahap kefahaman dan pelaksanaan KPP kokurikulum terhadap amalan pelaksanaan pengurusan kokurikulum di sekolah menengah harian yang dihasilkan menerusi kaedah campuran ini menunjukkan 96.4 peratus daripada mereka faham pada tahap yang tinggi dan 79.5 peratus melaksanakan pengurusan kokurikulum pada tahap yang tinggi. Berdasarkan penerangan di atas dapat kita simpulkan bahawa, pelaksanaan kokurikulum adalah penting dan menjadi satu kewajipan kepada murid untuk menghadiri aktiviti dan program kokurikulum yang dianjurkan di sekolah. Selain itu, guru di sekolah juga

diwajibkan untuk melaksanakan aktiviti dan program kokurikulum mengikut takwin yang diberikan. Sehubungan dengan itu, semua pihak hendaklah memainkan peranan masing-masing bagi memastikan aktiviti dan program kokurikulum dapat dilaksanakan dengan lancar, lebih kreatif dan berkesan di sekolah masing-masing supaya dapat membentuk sahsiah diri pelajar.

2.5 Model Penghalang Kesenggangan (*Leisure Constraints Model*)

Terdapat pelbagai teori psikologi tingkah laku manusia telah diaplikasikan dalam sukan untuk menerangkan keadaan yang menyebabkan seseorang memilih untuk tidak bersukan dan mengapa mereka harus mula bersukan. Walaupun begitu tidak banyak teori yang menerangkan faktor-faktor yang menjadi kekangan seseorang individu itu daripada melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum di sekolah. Model Penghalang Kesenggangan Crawford, Jackson dan Godbey (1991) menerangkan faktor-faktor yang menjadi kekangan seseorang individu daripada melibatkan diri dalam aktiviti bersukan. Model ini dipilih oleh penyelidik kerana faktor yang difokuskan dalam kajian ini terdapat dalam Model Penghalang Kesenggangan iaitu faktor struktur, faktor intrapersonal dan faktor interpersonal. Kajian empirikal sejak satu dekad yang lalu telah menjadi bukti dalam menyokong model faktor penghalang ini. Crawford et al. (1991) telah menyatakan bahawa seseorang individu yang melibatkan diri dalam sukan berkemungkinan besar telah melalui rangkaian kekangan dengan jayanya manakala seseorang individu yang tidak melibatkan diri berkemungkinan besar telah mengalami kekangan yang wujud dalam salah satu daripada peringkat hierarki model tersebut (Rajah 2.1).

Model Penghalang Kesenggangan Crawford, Jackson dan Godbey (1991) telah menjadi asas teori dalam kajian ini. Model yang digunakan dalam kajian ini

digunakan sebagai rujukan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang berpotensi menjadi penghalang penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum di sekolah. Model asalnya telah diperkenalkan oleh Crawford dan Godbey pada tahun 1987 dan telah digunakan untuk mengenal pasti faktor-faktor penghalang menerusi proses membuat keputusan individu. Model ini telah dimajukan lagi oleh Crawford, Jackson dan Godbey (1991) dengan mengambil kira hierarki proses membuat keputusan individu dari yang paling proksimal kepada yang paling distal dalam mengenal pasti faktor-faktor penghalang tersebut (Rajah 1). Menurut model ini faktor penghalang struktur adalah paling distal ataupun yang paling kuat manakala faktor intrapersonal adalah paling proksimal ataupun yang paling lemah antara ketiga-tiga kategori faktor penghalang tersebut. Hal ini adalah selari dengan dapatan Zul Fadli dan Saifullizam (2014) dalam kajiannya yang menyatakan faktor penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum dapat dikenal pasti dengan mengikut Model Penghalang Kesenggangan Crawford, Jackson dan Godbey (1991) yang terbahagi kepada tiga faktor iaitu faktor struktur, faktor interpersonal dan faktor intrapersonal.


Pada peringkat pertama hierarki faktor penghalang pertama menurut model ini adalah faktor intrapersonal yang melibatkan interaksi ciri-ciri psikologi individu dengan kecenderungan untuk bersukan (Crawford & Godbey, 1987) seperti stres, depresi, kemahiran, keagamaan dan kebimbangan, persepsi kemahiran diri dan penilaian subjektif dengan kesesuaian aktiviti-aktiviti bersukan dan permainan yang berlainan. Minat untuk bersukan akan terbentuk apabila faktor-faktor intrapersonal dapat diatasi. Apabila faktor ini dapat diatasi maka barulah dapat melangkah ke peringkat berikut dalam hierarki faktor penghalang yang kedua iaitu faktor interpersonal. Menurut Bahari (2008) faktor intrapersonal merupakan faktor

dalam seperti interaksi dan hubungan murid dengan rakan-rakan dan juga merupakan interaksi dan hubungan di antara murid dan guru yang akan menyebabkan murid bermonolog dengan diri sendiri dalam membuat keputusan dan pilihan atau semasa mengenal pasti kebaikan dan keburukan dalam sesuatu keputusan dan pilihan yang akan dibuat. Selain itu, Gardner (1983) menyatakan intrapersonal merupakan kebolehan seseorang untuk memahami orang lain dengan menghargai perasaan orang lain, mengenal pasti keinginan, mengenal pasti ketakutan dan memberi motivasi kepada rakan-rakan. Setiap murid mempunyai kemahuan berdasarkan minat dan kecenderungan mereka yang secara tidak langsung akan mempengaruhi murid dalam membuat keputusan untuk memilih aktiviti yang mereka mahu sertai. Berdasarkan proses yang diterangkan, interpersonal secara ringkasnya merupakan tanggapan, kesedaran dan kepentingan individu yang mempengaruhi keputusan murid dalam membuat keputusan memilih aktiviti kokurikulum yang ingin mereka sertai (Mohamad Sari & Esa, 2017).

Faktor interpersonal adalah melibatkan interaksi ataupun hubungan antara ciri-ciri individu (Crawford & Godbey, 1987) seperti gagal mendapat pasangan yang sesuai untuk melakukan aktiviti bersukan. Faktor interpersonal ini juga mempunyai pengaruh ke atas kecenderungan minat dan penglibatan individu dalam aktiviti bersukan. Sekiranya faktor ini dapat diatasi maka individu terpaksa mengatasi dan berhadapan dengan kekangan faktor struktur iaitu kekangan yang kerap menjadi fokus dalam kajian-kajian faktor penghalang aktiviti sukan sebelum ini. Selain itu Bahari (2018) menyatakan bahawa interpersonal dapat didefinisikan sebagai faktor luaran yang mempengaruhi murid dari segi tekanan semasa melakukan aktiviti kokurikulum, budaya sesebuah sekolah dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum, kebolehan murid dalam sesuatu aktiviti kokurikulum dan kemahiran murid untuk

melakukan aktiviti kokurikulum dengan jayanya. Tambahan lagi, Mohamad Sari dan Esa (2017) menyatakan interpersonal sebagai satu galakan dan pengaruh yang diterima oleh murid daripada orang lain secara langsung tanpa menggunakan sebarang medium dalam membuat keputusan atau pilihan yang perlu dibuat.

Faktor struktur merupakan faktor-faktor yang mengganggu kecenderungan dan penglibatan aktiviti bersukan individu (Crawford & Godbey, 1987) yang melibatkan sumber kewangan, peruntukan masa dan peluang. Menurut model ini juga sekiranya faktor struktur dapat diatasi maka individu akan dapat melibatkan diri dalam aktiviti kesenggangan. Ini adalah selari dengan Bahari (2008) yang menyatakan bahawa faktor struktur merupakan kekangan berkaitan dengan infrastruktur dan peralatan semasa aktiviti kokurikulum dijalankan. Faktor struktur juga termasuk semua kemudahan, peralatan, masa, kewangan dan maklumat yang diperlukan untuk mencapai matlamat aktiviti kokurikulum.



Rajah 2.1: Kerangka teori kajian

Sumber: Crawford, Jackson dan Godbey (1991). *A hierarchical model of leisure constraints. Leisure Sciences, 13*, 309-320.

2.6 Kajian- kajian Lampau

Kajian lampau merupakan satu penerangan maklumat mengenai penyelidikan semasa dan terdahulu yang telah dijalankan. Dalam kajian ini, kajian lampau yang digunakan oleh penyelidik adalah kajian berkaitan dengan faktor-faktor menjadi kekangan penglibatan.

2.6.1 Penglibatan kokurikulum.

Suzanah (2014) menjalankan kajian bagi mengenal pasti penglibatan pelajar universiti terhadap aktiviti sosial dalam komuniti pada waktu senggang dengan membuat perbandingan antara pelajar Malaysia dengan China. Penyelidik menggunakan soal selidik yang melibatkan maklumat demografi, tahap kekerapan penglibatan, faktor penglibatan, persepsi ketidakterlibatan dan kesan penglibatan pelajar dalam aktiviti sosial dalam komuniti. Responden kajian adalah seramai 80 orang pelajar yang melibatkan 40 orang pelajar dari Malaysia dan 40 orang pelajar dari China. Data maklumat yang diperolehi telah diproses dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages For The Social Sciences (SPSS) Version 21* manakala penghuraian data adalah berdasarkan peratusan dan min. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan antara trend pelajar Malaysia berbanding pelajar China dari aspek yang dikaji iaitu tahap kekerapan dalam item yang dikaji menunjukkan semua menjawab sekurang-kurangnya satu kali sebulan berbanding pelajar China yang mana ada tiga aktiviti yang mereka tidak terlibat dan pelajar China lebih tertumpu kepada aktiviti sukan dengan tahap kekerapan lebih empat kali sebulan. Selain itu, faktor penglibatan menunjukkan peratusan pelajar Malaysia lebih tinggi dengan berbanding China. Seterusnya persepsi ketidakterlibatan juga menunjukkan pelajar Malaysia mencapai peratusan lebih

tinggi. Manakala kesan penglibatan menunjukkan sebaliknya di mana hanya sedikit perbezaan peratusan antara Malaysia dan China. Walaupun terdapat perbezaan tetapi bukanlah perbezaan yang ketara yang ditunjukkan oleh sampel kedua-dua negara. Hal ini adalah berkemungkinan dipengaruhi oleh dasar kerajaan, gaya hidup serta persaingan yang wujud dalam kalangan populasi di kedua-dua negara. Kajian yang dijalankan menggunakan responden pelajar di peringkat universiti dan melibatkan responden daripada luar negara manakala kajian yang penyelidik jalankan hanya melibatkan murid sekolah rendah dan murid yang berada di dalam negara sahaja.

Pankaj dan Sunil (2012) telah membuat kajian terhadap seramai 200 orang murid di daerah Barat Bengal, India bagi mengenal pasti peranan aktiviti kokurikulum terhadap pencapaian akademik. Responden dalam kajian ini dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Ujian pra dan ujian pasca digunakan untuk menilai keberkesanan aktiviti kokurikulum dalam pencapaian akademik murid. Kajian ini juga melibatkan 100 orang guru dan ibu bapa bagi mengenal pasti hubungan aktiviti kokurikulum dengan pencapaian akademik murid. Hasil ujian *chi square* mendapati terdapat hubungan signifikan yang positif di antara aktiviti kokurikulum dan pencapaian akademik murid. Selain itu, *binary logistic regression model* digunakan bagi mengenal pasti sejauh mana hubungan di antara aktiviti kokurikulum dengan pencapaian akademik murid. Ujian-t digunakan bagi menguji hipotesis kajian. Hasil dapatan mendapati murid yang berada dalam kumpulan eksperimen mendapat pencapaian akademik yang baik berbanding murid-murid yang berada dalam kumpulan kawalan. Kajian yang dijalankan ini adalah melibatkan murid sekolah menengah dan ingin melihat kesan aktiviti kokurikulum dalam akademik berbeza dengan kajian penyelidik yang

dijalankan dalam kalangan murid sekolah rendah melibatkan tahap pencapaian murid.

Esa dan Jamaludin (2009) telah menjalankan kajian bagi mengenal pasti tahap keterampilan dalam kalangan Pelajar Tahun Akhir Semester 1 2008/2009 Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM melalui penglibatan dalam mata pelajaran kokurikulum. Di dalam kajian ini keterampilan pelajar dilihat dari tiga faktor penyumbang iaitu penglibatan pelajar, peranan pensyarah/jurulatih dan infrastruktur. Skop kajian ini adalah melibatkan empat aspek keterampilan iaitu kemahiran komunikasi, kepimpinan, bekerja dalam kumpulan dan penampilan diri yang kemas. Sampel kajian yang terlibat adalah seramai 107 orang. Manakala reka bentuk kajian ini adalah merupakan kaedah tinjauan kuantitatif. Penyelidik menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dan hasil dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS) Version 11.0* untuk mendapatkan statistik deskriptif seperti kekerapan, min, dan peratus. Hasil dapatan yang diperolehi adalah tahap keterampilan pelajar setelah mengikuti mata pelajaran kokurikulum adalah tinggi. Selain itu dapatan kajian untuk peranan pensyarah/jurulatih dan kemudahan infrastruktur juga adalah tinggi bagi meningkatkan keterampilan diri pelajar melalui aktiviti kokurikulum. Oleh itu dapat disimpulkan daripada kajian ini bahawa aktiviti kokurikulum yang disertai oleh pelajar mampu meningkatkan keterampilan diri dalam usaha untuk melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran sebelum menempuh alam pekerjaan yang lebih mencabar sehingga akhirnya mampu meningkatkan kebolehan pekerjaan pelajar itu sendiri.

2.6.2 Kekangan penglibatan.

Nurul Huda dan Azlin Norhaini (2017) dalam kajiannya mendapati tahap kepimpinan pentadbir di sekolah yang tinggi secara tidak langsung menyebabkan pengurusan organisasi guru besar sekolah adalah tinggi seterusnya menjadikan tahap amalan guru besar dalam aspek pengurusan kurikulum, kokurikulum dan sukan serta hal ehwal murid akan meningkat tinggi dan menjadikan tahap amalan pengajaran dan pembelajaran guru juga tinggi. Pengetua atau guru besar merupakan individu penting yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal berkaitan kokurikulum. Namun begitu pengetua sering terikat dengan kerja-kerja rutin dalam mentadbir dan mengurus sekolah sehingga mengabaikan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah dan secara tidak langsung menjadi faktor penghalang pelaksanaan kokurikulum di sekolah yang selalu dibincangkan. Kenyataan ini disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Izham dan Norziana (2015) yang bertujuan untuk mengkaji perspektif guru penasihat kokurikulum terhadap peranan pengetua dalam pengurusan kokurikulum di sekolah menengah kebangsaan di zon Keramat, Kuala Lumpur. Peranan pengetua yang dikaji dalam kajian ini adalah berdasarkan aspek sebagai perancang, pengelola, pemimpin dan pengawal kokurikulum di sekolah. Sampel kajian yang digunakan oleh penyelidik adalah terdiri daripada 323 orang guru yang sedang berkhidmat dan memegang tugas sebagai Penasihat Kokurikulum di 12 buah sekolah menengah kebangsaan di zon Keramat, Kuala Lumpur. Pemilihan sampel ini dibuat secara rawak mudah. Manakala dapatan data kajian dikumpul dengan menggunakan soal selidik yang telah dibuat kajian rintis terlebih dahulu bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Kesimpulannya, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pentingnya pengetua di sekolah mempraktikkan peranan

pengurusan yang berkesan agar para guru dan pelajar akan lebih bermotivasi dalam memastikan kejayaan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah.

Selain itu, pengurusan pentadbiran melibatkan peranan pentadbir seperti GPK Kokurikulum (GPKKo) juga merupakan salah satu faktor penghalang pelaksanaan aktiviti kokurikulum. Ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Zainal Ariffin, Yaakob Daud dan Saiful Azmi Mohd Nor, (2016) iaitu mengenal pasti dan memahami perspektif guru-guru terhadap peranan GPKKo dalam pengurusan kokurikulum di sekolah menengah kebangsaan di daerah Kuala Terengganu. Di dalam kajian ini peranan GPKKo dikaji berdasarkan aspek-aspek pengurusan GPKKo sebagai perancang, pengelola, pemimpin dan pengawal kokurikulum di sekolah. Kajian juga untuk mengenal pasti penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum berdasarkan dimensi iaitu melibatkan interaksi psikologi dan juga interaksi fizikal. Selain itu, sampel kajian adalah terdiri daripada 171 orang guru yang sedang berkhidmat di dua buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Kuala Terengganu. Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai digunakan untuk melaporkan hasil kajian yang telah dijalankan. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pentingnya peranan GPKKo di sekolah mempraktikkan peranan pengurusan kokurikulum yang berkesan, agar para guru dan pelajar akan lebih bermotivasi dalam memastikan kejayaan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah. Ini selaras dengan inspirasi negara seperti mana yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015. Kajian-kajian lampau ini dijalankan bagi mengenal pasti peranan pentadbir dalam aktiviti kokurikulum manakala kajian yang penyelidik jalankan adalah bagi mengenal pasti faktor penghalang aktiviti kokurikulum daripada tiga kekangan iaitu struktur, intrapersonal dan interpersonal di mana peranan pentadbir terdapat dalam kekangan interpersonal.

Rosnida dan Nur Farrah (2016) telah menjalankan kajian terhadap 304 orang pelajar Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Tujuan kajian ini adalah bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar Semester 5 dan 6 dalam aktiviti kokurikulum. Terdapat tiga penyumbang utama yang dikenal pasti mampu meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum iaitu sendiri pelajar, infrastruktur dan persepsi pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor penyediaan infrastruktur yang bersesuaian dan mencukupi berpotensi meningkatkan penglibatan pelajar. Perancangan waktu aktiviti, pemilihan ahli kumpulan dan kepelbagaian aktiviti juga perlu bagi mempengaruhi pelajar melibatkan diri dalam aktiviti secara aktif dalam aktiviti kokurikulum. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji lampau hampir sama dengan kajian penyelidikan tetapi kajian lampau ini melibatkan pelajar politeknik. Oleh yang demikian kajian mengenai faktor-faktor yang menjadi kekangan penglibatan pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah dijalankan oleh penyelidik.

Teo, Abdul Mutallip, Mohd Sohaimi, Salmawati, Hasnah dan Mohd Dahlan (2015) telah menjalankan kajian yang melibatkan seramai 104 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) semester lapan dan Diploma Perguruan Lepas Ijazah (DPLI) Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK). Tujuan kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi kekangan penglibatan pelajar-pelajar IPGKIK, Kuala Lumpur dalam kegiatan sukan di masa senggang. Kajian ini ingin melihat faktor penghalang dari segi faktor struktur, faktor intrapersonal dan faktor interpersonal pelajar. Statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratusan dan min digunakan untuk menjelaskan profil responden dan menjawab persoalan kajian manakala ujian-t digunakan bagi melihat perbezaan antara faktor penghalang dengan jantina, status

perkahwinan dan penginapan di asrama. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor struktur dengan status perkahwinan serta faktor intrapersonal dengan jantina. Dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga faktor penghalang iaitu faktor struktur, faktor interpersonal dan faktor intrapersonal adalah pada tahap sederhana. Antara ketiga-tiga faktor penghalang kepada penglibatan pelajar IPGKIK dalam kegiatan sukan, faktor struktur merupakan faktor penghalang tertinggi.

Wan Azlan (2015) melakukan kajian terhadap 250 orang pelajar di tiga buah sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu, Terengganu. Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau faktor penghalang dan penglibatan pelajar dalam aktiviti Pendidikan Jasmani di sekolah menengah. Instrumen kajian yang digunakan adalah adaptasi daripada *Leisure Constraints Scale* (LCS) yang dibentuk oleh Carwford et al. (1991). Kajian ini menggunakan analisis deskriptif serta analisis inferensi dalam bentuk korelasi Pearson. Hasil kajian telah menunjukkan terdapat korelasi di antara faktor struktur, interpersonal dan intrapersonal dengan penglibatan pelajar. Kajian ini juga menonjolkan faktor struktur yang paling utama menjadi faktor penghalang penglibatan pelajar dalam aktiviti Pendidikan Jasmani di sekolah menengah. Kajian ini juga mencadangkan agar pihak pengurusan sekolah sentiasa memberi sokongan kepada para guru serta pelajar agar memastikan kelas Pendidikan Jasmani dapat dilaksanakan dengan jayanya di sekolah. Seterusnya hasil dapatan kajian ini juga menunjukkan faktor struktur merupakan faktor utama dalam menjadi kekangan penglibatan pelajar di dalam aktiviti Pendidikan Jasmani.

Kajian yang dijalankan oleh Zahid, Shafidat dan Tahir (2012) mendapati bahawa aktiviti kokurikulum dapat meningkatkan tahap pencapaian akademik murid. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti kesan aktiviti kokurikulum

terhadap pencapaian murid sekolah menengah di daerah Abbotabad, Pakistan. Kajian yang dijalankan adalah melibatkan seramai 200 orang murid sekolah menengah, di mana 10 buah kelas dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Kumpulan eksperimen akan melibatkan diri di dalam aktiviti kokurikulum selama 40 minit setiap hari sepanjang dua minggu manakala kumpulan kawalan tidak terlibat dengan aktiviti kokurikulum dan hanya berada di dalam kelas. Hasil dapatan kajian diperoleh dengan menggunakan *independent t-test* mendapati murid yang melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum dapat meningkatkan prestasi mereka dalam bidang akademik. Kajian yang dijalankan adalah berkaitan dengan penglibatan kokurikulum murid tetapi penyelidik lampau ingin melihat kesan kokurikulum terhadap prestasi akademik murid manakala kajian yang dijalankan oleh penyelidik adalah bagi mengenal pasti tahap pencapaian murid dalam sukan. Kajian lampau ini berfokus kepada faktor-faktor penghalang aktiviti kokurikulum sukan dan permainan sekolah rendah dan kesannya terhadap prestasi pembelajaran murid di bilik darjah manakala kajian penyelidik berfokuskan pada faktor-faktor penghalang aktiviti kokurikulum sukan dan permainan sekolah rendah dan tahap penglibatan sukan murid.

Keluarga memainkan peranan penting dalam penglibatan kokurikulum murid, tanpa sokongan keluarga murid tidak dapat melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kokurikulum. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Khairi (2009) yang menyatakan antara faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan murid dalam kokurikulum adalah pengaruh keluarga, rakan sebaya, minat dan kesan peraturan sekolah terhadap murid. Dapatan kajian ini disokong oleh Mohanaraju (2012) dalam kajiannya untuk mengenal pasti pengaruh sokongan keluarga dalam penglibatan kokurikulum sekolah terhadap pencapaian kemahiran

insaniah murid. Objektif kajian yang dijalankan ini ialah untuk mengetahui tahap dan pengaruh sokongan keluarga dalam penglibatan kokurikulum sekolah terhadap pencapaian kemahiran insaniah murid berdasarkan kumpulan minat murid terhadap aktiviti kokurikulum yang disertai. Kajian ini dibahagikan kepada dua kumpulan murid iaitu Kumpulan Berminat dan Kumpulan Tidak Berminat. Reka bentuk penyelidikan yang digunakan ialah penyelidikan deskriptif. Responden yang dipilih untuk soal selidik adalah seramai 836 orang murid tingkatan empat dari sekolah-sekolah menengah yang terdapat di utara Semenanjung Malaysia. Hasil data kajian dikumpul oleh penyelidik berdasarkan kepada instrumen kajian yang telah dibina oleh penyelidik. Instrumen yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu .89. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences Version 17.0 (SPSS/17.0)*. Ujian statistik yang digunakan ialah analisis deskriptif manakala analisis inferensi digunakan untuk menguji objektif-objektif kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan min pembolehubah sokongan keluarga dalam Kumpulan Berminat berada pada tahap tinggi sementara dalam Kumpulan Tidak Berminat berada pada tahap yang sederhana. Berdasarkan kepada dapatan kajian, pengaruh sokongan keluarga dalam penglibatan kokurikulum sekolah terhadap kemahiran insaniah murid amat ketara dalam Kumpulan Tidak Berminat berbanding dengan Kumpulan Berminat. Kajian lampau ini menggunakan instrumen soal selidik sendiri serta melibatkan murid sekolah menengah berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik, di mana instrumen yang digunakan diambil daripada penyelidik lampau dan responden penyelidik melibatkan murid sekolah rendah sahaja.

Selain itu, Awing (2010) telah membuat kajian terhadap 50 orang pelajar untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi kekangan penglibatan pelajar

dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan. Kajian ini hanya melibatkan murid tingkatan 4 sahaja. Penyelidik menggunakan soal selidik yang telah dibentuk oleh Raymore, Godbey, Crawford dan Von Eye (1993) yang telah dialih bahasa dan diubah suai oleh Aminuddin Yusof (2002) sebagai instrumen untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi kekangan penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan. Selain itu kajian ini menggunakan ujian-t bagi mengenal pasti faktor-faktor penghalang dalam aktiviti kokurikulum dengan jantina. Hasil kajian mendapati faktor struktur sebagai faktor utama penghalang dalam penglibatan pelajar dalam kokurikulum sukan dan permainan. Dapatan kajian juga mendapati faktor kekurangan jurulatih dan guru-guru yang terlibat dalam sukan mempengaruhi minat pelajar terhadap penyertaan mereka dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan. Kajian yang dijalankan hampir sama dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik iaitu mengenal pasti faktor-faktor menjadi kekangan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan. Walau bagaimanapun kajian lampau ini hanya melibatkan pelajar sekolah menengah yang tertumpu pada pelajar tingkatan 4 sahaja.

Rozilawati (2009) telah menjalankan kajian bagi mengenal pasti faktor-faktor keengganan murid dalam menghadiri kegiatan kokurikulum sukan dan permainan dan permainan di sekolah rendah. Kajian yang dijalankan melibatkan seramai 40 orang murid sekolah rendah. Kajian yang dijalankan ini menggunakan soal selidik yang telah dibentuk oleh Raymore, Godbey, Crawford dan Von Eye (1993) yang telah dialih bahasa dan diubah suai oleh Aminuddin Yusof (2002). Soal selidik dan data analisis menggunakan statistik deskriptif digunakan bagi memperoleh kekerapan dan peratus data. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sikap murid, guru dan ibu bapa merupakan salah satu faktor keengganan murid

menghadiri kegiatan kokurikulum sukan dan permainan sekolah rendah. Walau bagaimanapun kajian lampau ini hanya melibatkan murid di sebuah sekolah rendah sahaja dan berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik iaitu melibatkan beberapa sekolah terpilih di daerah Muar iaitu di zon Maharani dan melibatkan jumlah responden yang lebih ramai.

Syazana (2009) telah menjalankan kajian ke atas 40 orang murid yang terdiri daripada 22 orang lelaki dan 18 orang perempuan tahun 5 dan 6 sekolah rendah. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti faktor penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan di sekolah. Data kajian ini diperolehi melalui soal selidik dan dianalisis secara deskriptif iaitu frekuensi, peratus dan min serta statistik inferens iaitu ujian khi kuasa dua digunakan untuk menguji dan menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian ini mendapati faktor utama penghalang kepada kegiatan kokurikulum di sekolah rendah adalah disebabkan kekurangan kemudahan peralatan sukan yang menyebabkan aktiviti sukan tidak dapat dijalankan dengan lancar. Selain itu hasil dapatan kajian ini mendapati murid-murid yang aktif dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan tidak akan memberi kesan negatif yang ketara terhadap prestasi pembelajaran murid dalam bilik darjah. Kajian yang dijalankan ini adalah berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik kerana kajian yang telah dijalankan hanya melibatkan murid tahun 5 dan 6 dan penyelidik ingin melihat kesan kokurikulum terhadap prestasi akademik murid manakala kajian yang dijalankan oleh penyelidik melibatkan murid tahun 4, 5 dan 6 dan penyelidik ingin melihat kesan kokurikulum terhadap pencapaian sukan murid.

Esa dan Jamaludin (2009) telah menjalankan satu kajian untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan jenis kokurikulum yang diikuti oleh pelajar di peringkat universiti. Instrumen yang digunakan di dalam kajian

mereka adalah soalan soal selidik berstruktur yang digunakan dan diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pelajar Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM). Seramai 105 orang responden telah dipilih dalam kajian ini. Kajian ini merungkai persoalan tersebut dengan menggunakan analisis deskriptif termasuk *crosstab* dan juga analisis korelasi. Hasil dapatan kajian menunjukkan faktor utama pemilihan ke atas jenis kokurikulum pelajar di UUM adalah faktor kawan, pengalaman dan perancangan kerjaya tanpa menafikan faktor minat yang mendalam terhadap jenis kokurikulum tersebut. Justeru, selaku perancang masa hadapan pelajar, penggubal dan penyedia program pengajian peringkat tinggi, mereka yang bertanggungjawab harus menyediakan tatacara yang membolehkan pelajar dapat memilih jenis kokurikulum yang diminati bersesuaian dengan program pengajian yang diikuti

Mohd Jaflus (2008) telah membuat kajian terhadap 160 murid sekolah menengah untuk meninjau faktor-faktor yang menjadi kekangan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di sebuah sekolah di Negeri Sembilan. Penyelidik menggunakan soal selidik yang telah dibentuk oleh Raymore, Godbey, Crawford dan Von Eye (1993) yang telah dialih bahasa dan diubah suai oleh Aminuddin Yusof (2002). Hasil kajian ini mendapati faktor struktur seperti kekurangan kemudahan peralatan, masa, wang dan maklumat merupakan faktor utama yang menjadi penghalang kepada penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan. Selain itu, kajian beliau juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor struktur, interpersonal dan intrapersonal dengan jantina. Manakala terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang interpersonal dan intrapersonal dengan bangsa. Kajian yang dijalankan oleh penyelidik adalah hampir sama iaitu mengenal pasti faktor-faktor

yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum. Namun kajian lampau ini hanya melibatkan pelajar sekolah menengah. Oleh yang demikian kajian mengenai faktor-faktor menjadi kekangan penglibatan kokurikulum di peringkat sekolah rendah wajar dijalankan. Selain itu, berdasarkan kajian Mohd Jaflus (2008), kajian seterusnya dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan faktor utama penghalang murid melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum mengikut pencapaian sukan, di mana, aspek ini tidak dikaji pada kajian tersebut.

Masalah kewangan sering dijadikan alasan oleh murid untuk membeli peralatan dan pakaian kokurikulum. Hal ini dapat dilihat melalui kajian oleh Saiful (2008) yang mendapati faktor ekonomi dan persekitaran berada pada aras sederhana manakala faktor sikap dan akademik pada aras rendah. Kajian beliau yang mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan murid sekolah dalam aktiviti kokurikulum menunjukkan di antara keempat-empat faktor tersebut tidak menunjukkan perbezaan dalam mempengaruhi penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum. Selain itu hasil dapatan yang dilakukan oleh Prema (2010) menyatakan masalah jarak rumah yang jauh, kekurangan wang membeli baju uniform dan guru kurang memberi perhatian menjadi faktor penghalang kegiatan kokurikulum.

Seterusnya, masalah pengurusan sekolah dan kekurangan pengetahuan guru juga merupakan salah satu masalah yang sering dikaitkan dengan masalah pelaksanaan kokurikulum yang menyebabkan murid kurang penglibatan dalam aktiviti kokurikulum. Menurut Hanishah (2006), berdasarkan Laporan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan dalam Buku Panduan Pengurusan Profesional Sekolah Menengah (1993), faktor kepemimpinan khususnya dalam bidang pengurusan juga merupakan punca kepada pelbagai masalah dalam pelaksanaan kokurikulum.

Penekanan terhadap kepemimpinan kokurikulum pada umumnya masih belum begitu tegas berbanding dengan perhatian yang diberikan kepada bidang akademik. Hal ini, dapat dilihat daripada kualiti perancangan pelaksanaan dan kawalan yang terdapat di beberapa buah sekolah. Antara beberapa perkara yang perlu ditegaskan adalah seperti tahap dan skor kepemimpinan pengetua, mutu pengalaman dan pembelajaran yang dirancang, dan penilaian serta latihan kepakaran guru-guru penasihat di sekolah. Kajian penglibatan murid oleh Crowder (2010) telah mendapati kajian terlebih dahulu memahami bagaimana guru-guru memanfaatkan kemudahan tertentu dan syarat-syarat kawasan sekolah dan ciri-ciri reka bentuk untuk meningkatkan penglibatan dalam pembelajaran. Penemuan ini memaklumkan keputusan pemimpin sekolah dan daerah mengenai perancangan kemudahan pendidikan, reka bentuk dan penggunaan.

2.6.3 Jantina dan kekangan penglibatan.

Jantina sering kali dilihat sebagai penghalang untuk mencapai kejayaan dalam aktiviti kokurikulum dan masalah ini membantutkan perkembangan sukan di negara kita ini. Pernyataan ini selaras dengan dapatan yang diperoleh oleh Fazli (2013) yang menunjukkan tahap kekangan penglibatan aktiviti kokurikulum bagi murid lelaki adalah lebih tinggi berbanding murid perempuan. Kajian ini melibatkan 291 orang ketua guru penasihat yang telah dipilih secara rawak dari 31 buah sekolah menengah yang bertujuan bagi mengkaji hubungan persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah menengah daerah Klang. Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik yang melibatkan semua responden kajian menjawab instrumen soal selidik yang diubah suai berdasarkan *School-Level Environment*

Questionnaire untuk mengukur persekitaran sekolah dan *National Survey of Student Engagement 2011*. Soal selidik ini digunakan untuk mengukur penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Hasil dapatan mendapati tahap penglibatan murid lelaki adalah lebih tinggi berbanding murid perempuan dalam aktiviti kokurikulum.

2.6.4 Lokasi dan kekangan penglibatan

Mohd Fazli, Suhaida dan Soaib (2013) telah menjalankan kajian bagi mengenal pasti hubungan persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah menengah daerah Klang. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik. Hasil dapatan kajian menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Tambahan lagi, hasil kajian juga menunjukkan bahawa persekitaran sekolah adalah faktor signifikan bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Dapatan ini dapat dikaitkan dengan kajian yang dijalankan oleh Zalika, Faridah dan Mohamad Johdi (2009) iaitu memperkasakan pendidikan luar bandar dengan menyatakan kajian yang dijalankan adalah untuk meningkatkan kualiti pendidikan di kawasan luar bandar supaya pencapaian pendidikan di setiap kawasan adalah sama rata atau hampir sama tanpa adanya perbezaan yang begitu ketara. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa pendidikan luar bandar berada pada tahap rendah kerana beberapa faktor, iaitu tiada kesedaran ibu bapa, kemiskinan keluarga, sikap pelajar, kekurangan bahan bantu mengajar, kemudahan infrastruktur, dan jurang pendapatan penduduk yang ketara.

2.6.5 Hubungan penglibatan dan kekangan penglibatan

Muhammad dan Anuar (2016) telah menjalankan satu kajian untuk meninjau hubungan yang wujud antara penglibatan pelajar sekolah menengah dalam aktiviti masa senggang dengan kesejahteraan sosial individu. Penglibatan aktiviti masa senggang yang dilihat adalah jenis aktiviti masa senggang aktif dan pasif. Manakala kesejahteraan sosial individu yang ditinjau hanya melibatkan aspek komunikasi, tanggungjawab dan sumbangan. Selain itu, perkara yang ditinjau dalam kajian ini adalah faktor pendorong kepada penglibatan pelajar dengan aktiviti masa senggang. Kajian ini turut melihat jenis aktiviti masa senggang yang sering pelajar libatkan diri. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah berbentuk tinjauan yang menggunakan instrumen soal selidik bagi mendapatkan maklumat mengenai penglibatan aktiviti masa senggang pelajar dengan kesejahteraan sosial individu pelajar. Manakala sampel kajian ini melibatkan 200 orang responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan empat sekolah menengah di sekitar Daerah Kapit, Sarawak. Penyelidik telah membina soal selidik berdasarkan adaptasi dari kajian-kajian lepas. Hasil kajian rintis menunjukkan keseluruhan konstruk berdasarkan analisis *Cronbach alpha* berada pada tahap kebolehpercayaan 0.645. Dapatan data deskriptif iaitu kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai kajian dianalisis dengan menggunakan *Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) Version 21* manakala analisis inferens menggunakan pekali korelasi Pearson. Hasil dapatan kajian menunjukkan pelajar lebih melibatkan diri dengan aktiviti masa senggang pasif dengan kekerapan dan peratus yang lebih tinggi berbanding aktiviti masa senggang aktif. Selain itu, faktor pendorong penglibatan aktiviti masa senggang pelajar adalah faktor minat diikuti faktor ibu bapa, faktor rakan serta faktor kemudahan. Pekali korelasi Pearson pula menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan antara penglibatan aktiviti

masa senggang dengan kesejahteraan sosial individu. Implikasi kajian menunjukkan penglibatan aktiviti masa senggang pelajar perlu dititik berat oleh semua pihak dalam mewujudkan kesejahteraan sosial individu pelajar yang holistik. Kajian yang dijalankan adalah berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik di mana responden yang digunakan adalah pelajar sekolah menengah dan instrumen soal selidik yang digunakan adalah dihasilkan oleh penyelidik kajian lampau. Kajian yang penyelidik jalankan adalah melibatkan murid sekolah rendah dan instrumen soal selidik yang digunakan adalah instrumen daripada penyelidik lepas.

Azlina (2016) telah menjalankan kajian yang bertujuan untuk menentukan hubungan antara motivasi dan tahap penglibatan belia dalam aktiviti sukarela di Felda Bukit Rokan, Negeri Sembilan. Objektif khusus kajian ini adalah untuk memperihalkan sosio demografi responden, mengenal pasti dimensi dan tahap motivasi responden dalam aktiviti sukarelawan, mengenal pasti jenis dan tahap penglibatan responden dalam aktiviti sukarelawan dan menentukan hubungan antara motivasi dan tahap penglibatan responden dalam aktiviti sukarelawan. Responden kajian ini melibatkan 136 responden yang terdiri daripada 54.4 peratus lelaki dan 45.6 peratus perempuan. Responden dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Manakala data yang diperoleh adalah dengan menggunakan borang soal selidik yang ditadbir sendiri oleh responden iaitu *Volunteer Functions Inventory (VFI)*. Soal selidik telah digunakan untuk mengukur motivasi sukarelawan, manakala tahap penglibatan diukur menggunakan alat ukuran yang dibina sendiri oleh penyelidik. Kedua-dua alat ukuran mempunyai nilai pekali kebolehpercayaan *Cronbach alpha* 0.939 dan 0.696. Analisis statistik yang digunakan adalah korelasi Pearson. Hasil dapatan yang diperoleh penyelidik menunjukkan motif utama penglibatan responden dalam aktiviti sukarelawan adalah motif pemahaman, diikuti oleh motif nilai dan

motif sosial. Manakala, jenis aktiviti utama yang disertai oleh belia adalah aktiviti sukarelawan berbentuk sukan, diikuti oleh aktiviti berbentuk khidmat sosial dan masyarakat serta aktiviti keagamaan. Selain itu, kajian juga turut mendapati tahap motivasi responden adalah tinggi, manakala tahap penglibatan dalam aktiviti kerja sukarelawan adalah sederhana. Keputusan analisis korelasi Pearson menunjukkan hubungan positif secara signifikan antara kesemua dimensi motivasi dengan tahap penglibatan responden dalam aktiviti sukarelawan. Kesimpulannya, motivasi sukarelawan iaitu motif untuk terlibat dalam aktiviti sukarelawan mempunyai hubungan dengan tahap penglibatan dalam aktiviti sukarelawan dalam kalangan belia di Felda. Justeru, untuk meningkatkan tahap penglibatan belia dalam aktiviti sukarelawan, faktor motivasi memainkan peranan yang penting, selain daripada menambah baik penganjuran aktiviti-aktiviti sukarelawan di kawasan Felda. Kajian yang telah dijalankan adalah berbeza daripada segi instrumen yang digunakan di mana kajian lampau ini menggunakan soal selidik yang dibina sendiri manakala kajian yang dijalankan penyelidik adalah menggunakan soal selidik yang telah dibentuk oleh Raymore, Godbey, Crawford dan Von Eye (1993) dan telah dialih bahasa dan diubah suai oleh Aminuddin Yusof (2002). Selain itu, responden kajian lampau melibatkan belia manakala responden penyelidik adalah murid sekolah rendah.

Selain itu, Mohammad (2013) telah menjalankan kajian mengenai aktiviti kokurikulum dan hubungannya dengan kecerdasan emosi di sekolah-sekolah menengah dalam kawasan Parlimen Muar, Daerah Muar, Johor. Tujuan lain kajian ini adalah bagi meneliti hubungan antara pengetahuan terhadap kepentingan aktiviti kokurikulum dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dan hubungan antara pengetahuan terhadap kepentingan aktiviti kokurikulum dengan faktor

demografi responden. Sebanyak enam buah sekolah menengah dan 311 responden terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan soal selidik penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dalam kajian Wong Huey Ling (2007) dan soal selidik hubungan dengan kecerdasan emosi dalam kajian Florence Fletcher (2007) yang diambil dari buku Mohd Najib (2003) dan diubah suai kerana terkini dan lebih lengkap. Seterusnya dapatan daripada kajian rintis menunjukkan pekali kebolehpercayaan *Cronbach alpha* iaitu 0.814. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 17.0* secara deskriptif dalam bentuk kekerapan, min dan peratusan dan secara inferensi dalam bentuk ujian-t dan pekali korelasi Spearman. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan min pengetahuan terhadap kepentingan aktiviti adalah tinggi. Selain itu, min penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum adalah sederhana. Min tahap kecerdasan emosi pelajar adalah tinggi. Manakala keputusan ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Selain itu, ujian korelasi Spearman menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dengan pengetahuan kepentingan aktiviti kokurikulum.

2.7 Rumusan Kajian Lampau

Bab ini telah membincangkan mengenai kokurikulum, kandungan kegiatan kokurikulum sukan dan permainan di sekolah, kepentingan kokurikulum, pelaksanaan kokurikulum, model penghalang kesenggangan serta kajian lampau di dalam dan di luar negara. Selain itu, bab ini turut mengupas mengenai Model Penghalang Kesenggangan Crawford, Jackson dan Godbey (1991). Model ini

mempunyai tiga faktor iaitu faktor struktur, faktor intrapersonal dan interpersonal. Kajian-kajian lampau yang dibincangkan dalam bab ini juga memberi gambaran awal kepada dapatan kajian dan membantu penyelidik untuk menyokong dapatan kajian. Hasil dapatan kajian lampau juga telah mewujudkan pelbagai pembolehubah, instrumen, sampel kajian serta dapatan kajian yang berbeza yang boleh dibandingkan dengan dapatan kajian ini.

Universiti Malaya

BAB 3 : METODOLOGI

3.0 Pengenalan

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tahap penglibatan murid dalam kokurikulum khususnya sukan dan mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi kekangan penglibatan murid sekolah rendah dalam aktiviti kokurikulum. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan di antara faktor-faktor penglibatan kokurikulum dengan lokasi sekolah dan jantina murid sekolah rendah.

Dalam bab ini penyelidik membincangkan beberapa perkara dan prosedur yang telah dijalankan bagi mendapatkan data yang diperlukan dalam kajian ini. Perkara yang dibincangkan antaranya adalah reka bentuk kajian, tempat kajian, populasi kajian, persampelan, instrumen kajian, kajian rintis dan analisis data yang digunakan.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Terdapat pelbagai pendapat mengenai reka bentuk kajian mengikut penyelidik terdahulu. Antaranya menurut Bryman (2008), reka bentuk kajian adalah kerangka yang digunakan dalam kajian bagi mengutip dan menganalisis data. Seterusnya, Creswell (2009) menyatakan reka bentuk kajian adalah rancangan atau cadangan bagi melaksanakan kajian yang melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan kaedah kajian. Kaedah kajian yang akan digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kajian kuantatif. Selain daripada itu reka bentuk kajian juga berfungsi untuk menukar persoalan kajian kepada projek yang melibatkan komponen tujuan, teori, persoalan kajian, metodologi dan strategi persampelan (Robson, 2011).

Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan. Kajian tinjauan bertujuan memerihal dan menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Mohd. Majid Konting, 2000). Selain itu kajian tinjauan juga dinyatakan sebagai satu kaedah pengumpulan maklumat sampel melalui penggunaan soal selidik yang memerlukan responden menanda sendiri jawapan pada kertas soal selidik. Kaedah ini merupakan satu kaedah yang menjimatkan masa dan mudah untuk dilaksanakan sejajar dengan kenyataan Chua (2006).

Berdasarkan pernyataan penyelidik-penyelidik lepas, maka didapati kajian ini sesuai dengan kajian tinjauan. Maklumat yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif dan statistik inferensi untuk melihat hubungan dan perkaitan di antara pembolehubah faktor-faktor penghalang dengan penglibatan murid dan jantina. Pendekatan tinjauan dipilih kerana keputusan yang diperoleh mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang agak tinggi di mana pola perlakuan masyarakat sukar berubah secara mendadak (Mohd Najib, 2003). Sidek Mohd Noah (2002) menyatakan data yang diperoleh daripada responden perlu dianalisis dengan menggunakan komputer secara sistematik untuk mendapat data yang mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

3.2 Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di Johor dan pemilihan daerah Muar dibuat secara rawak. Selain itu, kajian ini melibatkan empat buah sekolah yang dipilih secara rawak di dalam zon Maharani, Muar, Johor. Murid yang terlibat akan menjawab borang soal selidik yang telah dibentuk oleh Raymore, Godley, Crawford dan Von Eye (1993) di sekolah masing-masing. Sebuah kelas di setiap sekolah dijadikan tempat untuk murid-murid menjawab soal selidik yang diberikan oleh penyelidik.

3.3 Populasi Kajian

Populasi ialah sekumpulan besar individu yang hendak dikaji yang juga merupakan objek atau peristiwa yang dikaji (Mohd Yusof, 2005). Menurut Bidin Yatim & Sharipah So'ad Syed Yahaya (2002) perkataan populasi adalah merujuk kepada himpunan keseluruhan subjek kajian yang tidak terhad kepada kumpulan manusia sahaja tetapi merangkumi apa sahaja kumpulan subjek yang menjadi tumpuan kajian. Populasi kajian ini adalah terdiri daripada murid-murid yang belajar di sekolah-sekolah di dalam zon Maharani yang berlainan latar belakang. Murid yang menjadi responden terdiri daripada murid yang diwajibkan untuk menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah iaitu murid tahun 4, 5 dan 6. Pemilihan empat buah sekolah dibuat secara sistematik berdasarkan kelipatan 3, 6, 9 dan 12. Sekolah yang terpilih merupakan sekolah harian biasa.

3.4 Persampelan

Persampelan adalah merujuk kepada proses memilih jumlah elemen yang mencukupi daripada populasi supaya pemahaman terhadap sifat-sifat sampel dapat memungkinkan penyelidik membuat generalisasi terhadap sifat-sifat populasi sampel berkenaan (Sekaran, 2000).

Tuckman (1978) menyatakan saiz sampel perlu dimaksimumkan supaya dapat meminimumkan persampelan manakala menurut Mohd Majid Konting (2005), penggunaan saiz sampel perlu digalakkan melebihi 30 orang. Menurut jadual formula penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970) pula, mereka menyatakan bahawa bagi jumlah populasi seramai 3833, saiz sampel yang


diperlukan ialah 351 orang murid iaitu 182 orang murid lelaki dan 169 orang murid perempuan seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 3.1

Jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970)

Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
10	10	140	103	460	210	2000	322
15	14	150	108	480	214	2200	327
20	19	160	113	500	217	2400	331
25	24	170	118	550	226	2600	335
30	28	180	123	600	234	2800	338
35	32	190	127	650	242	3000	341
40	36	200	132	700	248	3500	346
45	40	210	136	750	254	4000	351
50	44	220	140	800	260	4500	354
55	48	230	144	850	265	5000	357
60	52	240	148	900	269	6000	361
65	56	250	152	950	274	7000	364
70	59	260	155	1000	278	8000	367
75	63	270	159	1100	285	9000	368
80	66	280	162	1200	291	10000	370
85	70	290	165	1300	297	15000	375
90	73	300	169	1400	302	20000	377
95	76	320	175	1500	306	30000	379
100	80	340	181	1600	310	40000	380
110	86	360	186	1700	382	50000	381
120	92	380	191	1800	317	75000	382
130	97	400	196	1900	320	100000	384

Pemilihan sampel dalam kajian ini menggunakan *cluster sampling* (sampel berkelompok) bagi memastikan pemilihan sampel adalah representatif dan tidak *bias*. Anggaran sampel diambil mengikut kategori lelaki dan perempuan dalam jumlah yang sama (Alias Baba, 1999). Penyelidik mengambil empat buah sekolah daripada zon Maharani iaitu seramai 351 orang, (n=351) yang terdiri daripada 182 murid lelaki dan 169 murid perempuan sebagai responden kajian. Responden yang digunakan dalam kajian ini berumur dalam lingkungan 10 hingga 12 tahun.



Rajah 3.1: Persampelan Kajian

3.5 Instrumen Kajian

Penyelidik telah menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian bagi mengumpul maklumat mengenai latar belakang sampel kajian serta menjawab item-item soalan yang berkaitan dengan kajian ini. Penyelidik menggunakan set soal selidik ini berasaskan kepada pendapat Tuckman (1985) yang menyatakan bahawa soal selidik merupakan satu cara berkesan untuk mendapatkan maklumat daripada responden selain daripada pemerhatian terhadap tingkah laku. Isaac dan Michael dalam Ghazali (2002), juga mengutarakan idea yang hampir sama iaitu soal selidik digunakan untuk memperoleh maklumat mengenai fakta, kepercayaan, perasaan dan sebagainya.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang telah dibentuk oleh Raymore, Godbey, Crawford dan Von Eye (1993) bagi mendapatkan data yang diperlukan. Borang soal selidik ini telah dialih bahasa dan diubah suai oleh Aminuddin Yusof (2002), untuk melihat faktor-faktor yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam kegiatan sukan. Kemudiannya, digunakan oleh Mohd

Jaflus Bahari (2004) bagi melihat faktor-faktor yang menjadi kekangan pelajar dalam kegiatan kokurikulum di sekolah menengah. Seterusnya digunakan oleh Nur Syazana Mohammad Nazer (2009), bagi melihat faktor penglibatan murid tahun 5 dan tahun 6 dalam kegiatan kokurikulum sukan dan permainan di sekolah rendah. Soal selidik ini tidak banyak diubah suai untuk digunakan dalam kajian ini bagi mengatasi masalah kesahan. Soal selidik ini digunakan oleh penyelidik kerana faktor-faktor yang ingin dikaji.

3.5.1 Soal Selidik Kekangan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan dan Permainan

Soal selidik terdiri daripada tiga bahagian iaitu:

- BAHAGIAN A : Maklumat Demografi Responden
- BAHAGIAN B : Item Kesan Penglibatan Kokurikulum Sukan Dan Permainan Dengan Prestasi Pembelajaran Murid
- BAHAGIAN C : Item Faktor Utama Penghalang Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan Dan Permainan

Bahagian A merupakan maklumat demografi responden. Maklumat yang diperlukan dalam bahagian ini ialah latar belakang responden yang meliputi jantina, keturunan, lokasi sekolah dan tempat tinggal.

Bahagian B ialah item kesan penglibatan kokurikulum sukan dan permainan murid dengan prestasi pembelajaran murid. Bahagian ini mengandungi 4 soalan iaitu kekerapan bersukan, masa bersukan, aktiviti sukan dan permainan yang diminati dan pencapaian sukan murid.

Bahagian C ialah item faktor utama penghalang penglibatan kokurikulum sukan dan permainan yang mengandungi 45 soalan. Bahagian ini terbahagi kepada tiga seksyen iaitu seksyen I (faktor struktur), seksyen II (faktor intrapersonal) dan seksyen III (faktor interpersonal). Bahagian ini kesemuanya menggunakan skala Likert 5 mata.

3.5.2 Permarkahan Instrumen

Data kajian ini adalah berdasarkan skor-skor murid terhadap item-item dalam soalan yang terdapat dalam soal selidik. Pemberian markah adalah berpandukan kepada skala Likert seperti berikut:

Jadual 3.2:

Petunjuk Skala Likert

Likert	Interpretasi
5	Sangat Setuju
4	Setuju
3	Tidak pasti
2	Tidak Setuju
1	Sangat Tidak setuju

Untuk pembahagian skor pula, bagi kenyataan “sangat tidak setuju” mata yang diberikan adalah 1. Kenyataan “tidak Setuju” dengan mata yang diberikan 2. Kenyataan “tidak pasti” diberikan 3 mata, kenyataan “setuju” diberikan 4 mata dan bagi kenyataan “sangat setuju” diberi 5 mata. Oleh yang demikian, jumlah mata yang dikumpulkan daripada 45 item soalan adalah skor bagi responden tersebut. Skor ini akan menentukan kekangan struktur, kekangan interpersonal dan kekangan

interpersonal dalam aktiviti kokurikulum sekolah rendah. Jumlah skor yang tertinggi ialah 225 mata dan jumlah skor yang terendah ialah 45 mata. Skor tertinggi menunjukkan kekangan aktiviti kokurikulum di sekolah rendah.

3.5.3 Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen

Menurut Babbie (1992), kebolehpercayaan adalah penting dalam kajian untuk menentukan sama ada teknik yang digunakan mendapat keputusan yang sama walaupun digunakan berulang kali ke atas responden yang sama. Manakala menurut Mohd. Majid Konting (2000), kebolehpercayaan adalah satu alat pengukur yang menentukan indeks pekali kebolehpercayaan, yang menunjukkan ketekalan sesuatu alat mengukur pada sesuatu yang hendak diukur.

Menurut Fraenkal dan Wallen (1996) terdapat tiga kaedah yang digunakan untuk melihat pekali kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian, iaitu kaedah uji-uji kembali (*test-retest method*), kaedah bentuk bersamaan (*equivalent-forms method*) dan kaedah ketekalan dalaman (*internal-consistency method*) yang menggunakan prosedur *split-half*, pendekatan *Kuder-Richardson* dan pekali *alpha*. Kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah pekali *Cronbach alpha*. Kaedah pekali *alpha* ini bergantung kepada ketekalan prestasi daripada setiap item ke item yang lain. Selain itu, kaedah ini juga menunjukkan ketekalan dalaman setiap item berdasarkan hubungan antara item. Pekali *alpha* antara sifar hingga satu digunakan untuk menilai jarak korelasi antara item. Nilai *alpha* yang tinggi menunjukkan ketekalan yang tinggi antara item dalam set manakala nilai *alpha* yang rendah menunjukkan ketekalan yang rendah. Jadual 3.3 menunjukkan nilai pekali *Cronbach alpha* dan justifikasinya.

Jadual 3.3

Nilai Pekali Cronbach Alpha Dan Justifikasinya

Pekali Alpha	Justifikasi
$\alpha > 0.9$	Sangat baik
$\alpha > 0.8$	Baik
$\alpha > 0.7$	Diterima
$\alpha > 0.6$	Dipersoalkan
$\alpha > 0.5$	Lemah
$\alpha > 0.4$	Tidak diterima

Sumber. Darren & Mallery (2003).

Soal selidik yang diterjemahkan dari model yang dimajukan oleh Raymore, Godbey, Crawford dan Von Eye (1993) mempunyai indeks ‘goodness-of-fit’ bersamaan dengan .938. Dalam analisis faktor nilai yang tinggi daripada .9 menunjukkan alat tersebut boleh diterima. Soal selidik ini juga mempunyai pekali kebolehpercayaan $alpha = .900$. Ini terdiri daripada 45 item berskala 5 Likert. Skala Likert 1 mewakili sangat tidak setuju manakala skala Likert 5 mewakili sangat setuju. Soalan item-item ini terdiri daripada alasan-alasan yang sering diberikan oleh individu-individu apabila mereka tidak melibatkan diri dalam aktiviti sukan atau tidak menggunakan kemudahan sukan dengan kerap di mana ini dapat mengukur tiga kategori faktor-faktor penghalang penglibatan aktiviti kokurikulum sukan dan permainan iaitu faktor struktur, faktor interpersonal dan faktor intrapersonal.

Kesahan merupakan satu alat pengukuran yang merujuk kepada sejauh mana alat tersebut mengukur data yang diperlukan (Mohd Majid Konting, 2005). Selain itu menurut Marroow et al., (2000) kesahan kandungan adalah interpretasi dan keputusan berdasarkan objektif instrumen kajian. Dalam kajian ini, kesahan kandungan instrumen diperoleh berdasarkan kesahan kajian lepas oleh pengkaji

tempatan iaitu Aminuddin Yusof (2002), Mohd Jaflus (2004) dan Nur Syazana (2009).

Walaupun instrumen kajian ini telah disahkan daripada penyelidik lepas namun instrumen kajian ini turut disemak dan dimurnikan oleh tiga orang pakar iaitu Pakar A yang merupakan seorang pensyarah Unit Sukan di Universiti Malaya, Pakar B merupakan seorang pakar bahasa dan pensyarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas serta Pakar C yang merupakan seorang pensyarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Bagi maklumat lanjut mengenai pakar-pakar tersebut boleh rujuk lampiran 2. Hasil daripada semakan ketiga-tiga pakar, penyelidik membuat beberapa pemurnian dalam soal selidik supaya sesuai untuk dijawab oleh murid sekolah rendah. Walau bagaimanapun penyelidik mengekalkan item soalan bagi memastikan kebolehpercayaan adalah tinggi. Hal ini seiring dengan pernyataan Thomos dan Nelson (2001) mengenai kesahan kandungan yang tidak memerlukan bukti statistik tetapi memadai dengan pandangan daripada pakar dalam bidang tersebut.

3.6 Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan satu kajian yang dijalankan ke atas sekumpulan responden yang akan menjawab soal selidik dan mempunyai latar belakang seperti responden yang akan dikaji (Mohd Majid Konting, 2004). Wiersma (2000) menyatakan kajian rintis bertujuan untuk mengenal pasti jangka masa yang akan digunakan oleh responden untuk menjawab semua item dalam soal selidik serta untuk mengenal pasti kekurangan dan kekangan yang mungkin akan berlaku sepanjang kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis dijalankan dengan meminta responden menjawab semua soalan soal selidik yang telah disediakan. Kemudian data kajian rintis

daripada soal selidik akan diproses dengan menggunakan *SPSS 23.0 for Windows* bagi menguji kebolehpercayaan instrumen kajian. Soal selidik yang dibentuk sendiri atau diambil daripada penyelidik lepas dan diubah suai hendaklah diuji bagi menentukan tahap kebolehpercayaannya. Selain itu, kajian rintis berfungsi sebagai satu kaedah untuk penyelidik membaiki sebarang kelemahan dalam kajian sebenar berdasarkan maklum balas yang diperoleh daripada sekumpulan individu yang menjawab dan menilai instrumen dalam kajian rintis (Creswell, 2008).

Chua (2006) menyatakan bilangan subjek yang perlu digunakan dalam kajian rintis adalah kira-kira 30 orang. Dalam kajian ini, kajian rintis telah dibuat terhadap 60 orang murid Tahap 2 sekolah rendah di daerah Muar, Johor. Hasil dapatan daripada kajian rintis menunjukkan nilai *internal consistency correlation coefficient* mengikut prosedur *Cronbach alpha* adalah, $\alpha = .9$. Menurut Sekaran (2003), *Cronbach alpha* merupakan pekali kebolehpercayaan yang dapat menunjukkan bagaimana item-item dalam soal selidik berhubung antara satu sama lain. Jika nilai *alpha* menghampiri 1.0, maka hal ini bermakna kebolehpercayaan alat ukuran ini adalah tinggi dan boleh diterima pakai.

Kajian rintis ini dijalankan terhadap 60 orang murid. Penyelidik telah menjalankan kajian rintis pada Januari 2017 yang dimulakan dengan proses memohon kebenaran mengadakan kajian daripada guru besar sekolah, guru dan murid sehingga pengumpulan semula soal selidik yang telah dijawab.

Responden yang dipilih oleh penyelidik adalah setara dengan responden yang sebenar bagi mengukur kebolehpercayaan instrumen yang akan digunakan dalam kajian sebenar. Penyelidik menggunakan kaedah *Cronbach alpha* bagi mengukur kebolehpercayaan instrumen kajian ini. Sekaran (2003) menyatakan *Cronbach alpha* adalah pekali kebolehpercayaan yang menunjukkan bagaimana

item-item dalam soal selidik berhubung antara satu sama lain. Sekiranya nilai *alpha* menghampiri 1.0, maka hal ini bermakna tahap kebolehpercayaan adalah tinggi, baik dan berkesan.

Jadual 3.4

Kebolehpercayaan Soal Selidik


Subskala	Nilai pekali <i>Cronbach Alpha</i>
Faktor Struktur	.908
Faktor Intrapersonal	.946
Faktor Interpersonal	.960

3.7 Prosedur kajian

Sebelum menjalankan kajian, penyelidik mula mengumpul data kajian bagi mendapatkan surat kebenaran daripada pihak Universiti Malaya, Kuala Lumpur untuk membuat kajian dan mentadbir kaji selidik. Setelah memperoleh kebenaran daripada pihak universiti, penyelidik memohon kebenaran menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Setelah mendapat kebenaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, penyelidik memanjangkan permohonan pula kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Johor untuk menjalankan kajian di sekolah terpilih di zon Maharani, Muar.

Selepas mendapat kebenaran daripada Pengarah Jabatan Pendidikan Johor, penyelidik membuat lawatan ke sekolah yang terpilih untuk mendapatkan maklumat dan kebenaran daripada guru besar. Seterusnya penyelidik mengedar dan mengumpulkan soal selidik dengan bantuan guru Pendidikan Jasmani di sekolah

yang terpilih. Murid-murid diberi tempoh yang bersesuaian untuk menjawab soal selidik bagi menyenangkan mereka memahami isi kandungan dan menjawab soal selidik yang diberikan kepada mereka. Rajah 3.2 menunjukkan prosedur secara ringkas kajian yang dijalankan.



Rajah 3.2: Prosedur Kajian

3.8 Analisis Data

Data kajian ini dianalisis setelah penyemakan borang soal selidik yang telah diisi lengkap dilakukan. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 23.0*. Penganalisisan data berstatistik menggunakan pengaturcaraan SPSS dapat menghasilkan pengiraan yang tepat kerana bebas daripada ralat (Mohd Majid Konting, 2000).

Terdapat dua teknik menganalisis data iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif iaitu frekuensi yang digunakan untuk menganalisis dan menerangkan ciri-ciri demografi responden. Selain daripada itu statistik deskriptif

juga digunakan seperti min, kekerapan dan peratusan. Statistik inferensi digunakan untuk melihat hubungan dan perkaitan di antara pembolehubah faktor-faktor penghalang dengan penglibatan murid berdasarkan jantina.

Jadual 3.5

Ringkasan analisis data yang digunakan

Bil	Persoalan kajian	Analisis data	Hipotesis
1.	Apakah faktor utama yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan?	Min dan SD	-
2.	Adakah terdapat perbezaan kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah?	MANOVA	Ho1
3.	Adakah terdapat perbezaan kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan jantina?	MANOVA	Ho2
4.	Adakah terdapat hubungan antara kekangan murid dengan penglibatan aktiviti kokurikulum sukan dan permainan	Korelasi <i>Spearman</i>	Ho3

3.8.1 Analisis deskriptif.

Faktor-faktor yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum diukur dengan menggunakan skala Likert 5 mata iaitu tidak setuju, sangat tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Pengukuran ini dilakukan secara deskriptif dengan menggunakan min, sisihan piawai, frekuensi dan peratus. Menurut Mohd Majid Konting (2000), min dan sisihan piawai digunakan kerana berupaya memberikan gambaran secara kuantitatif terhadap subjek. Selain itu min adalah sukatan yang mempunyai kecenderungan memusat yang penting dalam proses analisis data kajian.

Menurut Alias Baba (1997), sekiranya dua kumpulan mempunyai analisis data min yang sama, maka nilai sisihan piawai yang lebih kecil menunjukkan pencapaian yang lebih baik kerana serakan kumpulan lebih seragam. Selain itu Mohd Majid Konting (2000) menyatakan sisihan piawai adalah statistik yang tepat untuk melihat serakan taburan data kajian. Dalam kajian interpretasi tahap kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan yang mengubah suai Nunally (1978) dengan julat 1.00 – 2.33 (Rendah), 2.34 – 3.66 (sederhana) dan 3.67 – 5.00 (tinggi).

3.8.2 Ujian MANOVA.

Bagi mengenal pasti perbezaan yang signifikan di antara kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah, jantina dan tahap penglibatan sukan ujian MANOVA digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh. Pallant (2007) menyatakan bahawa prosedur MANOVA sensitif kepada saiz sampel, kenormalan data, data terpencil, kelinearan, kehomogenan regresi, multikolinearan dan singulariti serta *homoscedascity*.

Di samping itu, MANOVA bertujuan untuk melihat sama ada wujud persamaan (*homogeniti*) atau perbezaan di dalam dimensi mengikut varians-variens apabila terdapat banyak pembolehubah bersandar yang digunakan. Di dalam prosedur MANOVA, satu rumusan yang berkait rapat dengan pembolehubah bersandar iaitu kombinasi linear dari semua pembolehubah asal akan dibina diikuti oleh analisis varians. Kaedah ini mampu mengenal pasti jika terdapat perbezaan antara kumpulan berdasarkan min komposit pembolehubah-pembolehubah. Kesimpulannya, penyelidik dapat membandingkan min antara kumpulan dan

menguji sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan hasil dari gabungan pembolehubah-pembolehubah yang dikaji.

3.8.3 Ujian Korelasi *Bivariate* (Spearman *Correlation*).

Dalam kajian ini ujian korelasi Spearman digunakan untuk mengukur hubungan linear antara dua pembolehubah iaitu mengukur hubungan antara kekangan struktur, intrapersonal dan interpersonal dengan penglibatan aktiviti kokurikulum. Data yang digunakan dalam korelasi Spearman adalah data ordinal. Bagi mengetahui kekuatan hubungan korelasi, nilai r digunakan bagi menentukan sesuatu hubungan sama ada kuat atau lemah. Nilai r yang tinggi adalah nilai yang paling menghampiri nilai 1 manakala nilai r yang rendah adalah nilai yang menghampiri 0.

Jadual 3.6:

Kekuatan hubungan korelasi.

Nilai r	Kekuatan hubungan
< 0.20	Tiada
$0.20 - 0.40$	Rendah dan kecil
$0.40 - 0.70$	Sederhana dan signifikan
$0.70 - 0.90$	Tinggi dan kuat
> 0.90	Sangat tinggi dan sangat signifikan

Sumber: Aris Fazil Ujang (2005)

Jadual 3.6 menunjukkan kekuatan hubungan korelasi berdasarkan nilai r dalam menentukan sesuatu hubungan sama ada terdapat hubungan yang kuat atau tidak. Nilai r yang tinggi ialah nilai yang paling menghampiri nilai 1. Manakala,

nilai r yang rendah ialah nilai yang menghampiri 0. Korelasi Spearman dalam kajian ini digunakan untuk mengenal pasti kekangan kokurikulum dengan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum khususnya sukan dan permainan (Ho4.)

3.9 Rumusan

Pada keseluruhannya, bab ini memerihalkan kaedah pungutan data untuk dianalisis dalam kajian ini. Di samping itu, liputan kajian pembolehubah sampel kajian dan ukuran serta petunjuk digunakan dalam borang soal selidik turut dibincangkan. Seterusnya, data dianalisis dengan menggunakan SPSS untuk menentukan secara terperinci statistik deskriptif dan statistik inferens yang melibatkan ujian statistik bagi menentukan faktor-faktor kekangan kokurikulum sukan dan permainan di sekolah. Analisis ini dilakukan ke atas responden secara menyeluruh.

BAB : 4 DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti faktor utama yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah, jantina dan tahap penglibatan sukan dan permainan. Hubungan antara faktor penghalang dengan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum khususnya sukan dan permainan turut dikaji dalam kajian ini. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS v23.0. Statistik deskriptif digunakan untuk menentukan faktor utama yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan. Ujian ANOVA digunakan untuk mengenal pasti perbezaan yang signifikan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan pencapaian sukan. Manakala ujian MANOVA digunakan untuk mengenal pasti perbezaan kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah, jantina dan tahap penglibatan sukan. Selain itu korelasi Spearman digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara kekangan murid dengan penglibatan aktiviti kokurikulum sukan dan permainan.

4.1 Profil Demografi Kajian

Kajian ini melibatkan 351 orang murid lelaki dan perempuan di zon Maharani Daerah Muar. Profil demografi murid secara terperinci adalah seperti berikut.

Jadual 4.1

Profil Demografi Peserta Kajian

Ciri Demografi	Kekerapan	Peratusan
Jantina		
Lelaki	182	51.9%
Perempuan	169	48.1%
Kelas		
Tahun 4	115	32.8%
Tahun 5	122	34.8%
Tahun 6	114	32.5%
Keturunan		
Melayu	337	96%
Cina	2	0.6%
India	10	2.8%
Lain-lain	2	0.6%
Lokasi Sekolah		
Kawasan Bandar	180	51.3%
Kawasan Luar Bandar	171	48.7%
Tempat tinggal		
Rumah	351	100%
Asrama	-	-

Jadual 4.1 menunjukkan seramai 182 orang (51.9%) murid lelaki dan 169 orang (48.1%) murid perempuan yang terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan demografi mengikut kelas, seramai 115 orang (32.8%) murid tahun 4 terlibat manakala murid tahun 5 melibatkan 122 orang (34.8%) dan murid tahun 6 melibatkan 114 orang (32.5%). Selain itu, mengikut keturunan, terdapat 337 orang (96%) murid melayu, 2 orang (0.6%) murid cina, 10 orang (2.8%) murid india dan 2 orang (0.6%) daripada kaum iban. Berdasarkan data demografi lokasi sekolah 180 orang (51.3%) murid daripada kawasan bandar manakala 171 orang (48.7%) murid

daripada kawasan luar bandar. Seterusnya, mengikut tempat tinggal murid 351 orang (100%) murid tinggal di rumah dan tiada yang tinggal di asrama.

4.2 Analisis Dapatan Kajian

Hasil analisis dapatan kajian yang dihuraikan adalah bagi menjawab persoalan kajian yang telah diutarakan dalam Bab 1. Huraian daripada analisis dapatan kajian tersebut adalah seperti berikut.

4.2.1 Faktor utama yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan.

Statistik deskriptif yang menggunakan min dan sisihan piawaian dijalankan bagi menentukan faktor utama yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan adalah seperti berikut.

Jadual 4.2

Faktor struktur yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan.

No	Faktor Struktur	<i>M</i>	<i>SD</i>
1	Kedudukan rumah yang jauh dari sekolah	2.44	1.22
2	Masalah pengangkutan ke sekolah	2.05	1.07
3	Kemudahan sukan di sekolah tidak mencukupi	3.01	1.10
4	Sukar menggunakan peralatan sukan di sekolah	2.77	1.21
5	Kemudahan sukan tidak dapat menampung pelajar yang ramai	3.03	1.29
6	Stor sukan tidak dibuka setiap hari	2.42	1.24
7	Sekolah tidak menyediakan jadual penggunaan kemudahan sukan	3.11	1.31

8	Kemudahan sukan sekolah tidak dijaga	2.24	1.06
9	Peralatan sukan yang mahal	3.15	1.05
10	Peralatan yang terdapat di sekolah rosak dan uzur	2.77	1.19
11	Sekolah tidak menyediakan papan kenyataan aktiviti sukan	2.36	1.16
12	Kemudahan sukan sekolah tidak selamat	2.21	1.19
13	Pakaian sukan mendedahkan aurat	1.57	0.73
14	Alatan sukan boleh digunakan waktu tertentu sahaja	3.63	1.32
15	Peralatan sukan tidak mencukupi	3.09	1.14
	Keseluruhan	2.66	0.50

Jadual 4.2 menunjukkan faktor struktur yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan. Faktor struktur yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan yang tertinggi adalah alatan sukan boleh digunakan waktu tertentu sahaja ($M=3.63$ dan $SD=1.32$) dan bidang peralatan sukan yang mahal ($M=3.15$ dan $SD=1.05$). Faktor yang seterusnya adalah sekolah tidak menyediakan jadual penggunaan kemudahan sukan ($M=3.11$ dan $SD=1.31$), peralatan sukan tidak mencukupi ($M=3.09$ dan $SD=1.22$) dan kemudahan sukan tidak dapat menampung pelajar yang ramai ($M=3.03$ dan $SD=1.29$). Seterusnya faktor struktur yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan yang berada pada tahap sederhana adalah kemudahan sukan di sekolah tidak mencukupi ($M=3.01$ dan $SD=1.10$) diikuti dengan faktor sukar menggunakan peralatan sukan di sekolah ($M=2.77$ dan $SD=1.21$) dan peralatan yang terdapat di sekolah rosak dan uzur ($M=2.77$ dan $SD=1.19$). Selain itu, kedudukan rumah yang

jauh dari sekolah ($M=2.44$ dan $SD=1.22$) dan stor sukan tidak dibuka setiap hari ($M=2.42$ dan $SD=1.24$) juga merupakan faktor struktur yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan yang berada pada tahap sederhana. Pakaian sukan mendedahkan aurat ($M=1.57$ dan $SD=0.73$) merupakan faktor yang terendah diikuti dengan masalah pengangkutan ke sekolah ($M=2.44$ dan $SD=1.22$). Faktor lain yang berada pada tahap rendah adalah kemudahan sukan sekolah tidak selamat ($M=2.21$ dan $SD=1.19$), kemudahan sukan sekolah tidak dijaga ($M=2.24$ dan $SD=1.06$) dan sekolah tidak menyediakan papan kenyataan aktiviti sukan ($M=2.36$ dan $SD=1.16$). Secara keseluruhannya faktor struktur yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berada pada tahap yang sederhana ($M=2.66$ dan $SD=0.50$).

Jadual 4.3

Faktor intrapersonal yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan.

No	Faktor Intrapersonal	<i>M</i>	<i>SD</i>
16	Pengetahuan tentang aktiviti sukan tidak mencukupi	2.55	1.02
17	Tidak mempunyai masa untuk melibatkan diri dalam sukan	2.21	1.07
18	Aktiviti sukan membosankan	1.82	1.02
19	Takut cedera apabila melibatkan diri dalam aktiviti sukan	2.24	1.09
20	Malu melibatkan diri dalam sukan	2.23	1.23
21	Tidak memahami matlamat dalam melibatkan diri dalam sukan	2.95	1.21
22	Masalah kewangan dalam mengikuti aktiviti sukan	2.85	1.20
23	Takut gagal dalam peperiksaan apabila melibatkan diri dalam sukan	2.92	1.26

24	Kelas tuisyen menjadi kekangan dalam melibatkan diri dalam aktiviti sukan	2.91	1.40
25	Sering gagal apabila melibatkan diri dalam aktiviti sukan	2.48	1.22
26	Tidak selesa untuk melibatkan diri dalam sukan	2.31	1.24
27	Tidak berminat untuk melibatkan diri dalam sukan	2.24	1.22
28	Sering menghadapi masalah kesihatan	2.20	1.17
29	Aktiviti sukan bertentangan dengan kepercayaan agama	2.01	1.15
30	Tidak mempunyai kemahiran untuk melibatkan diri dalam sukan	2.48	1.10
	Keseluruhan	2.43	0.55

Jadual 4.3 menunjukkan faktor intrapersonal yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan. Faktor intrapersonal yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan yang tertinggi adalah tidak memahami matlamat dalam melibatkan diri dalam sukan ($M=2.95$ dan $SD=1.21$) dan takut gagal dalam peperiksaan apabila melibatkan diri dalam sukan ($M=2.92$ dan $SD=1.26$). Faktor yang seterusnya adalah kelas tuisyen menjadi kekangan dalam melibatkan diri dalam aktiviti sukan ($M=2.91$ dan $SD=1.40$), masalah kewangan dalam mengikuti aktiviti sukan ($M=2.85$ dan $SD=1.20$) dan pengetahuan tentang aktiviti sukan tidak mencukupi ($M=2.55$ dan $SD=1.02$). Seterusnya faktor intrapersonal yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan yang berada pada tahap sederhana adalah sering gagal apabila melibatkan diri dalam aktiviti sukan ($M=2.48$ dan $SD=1.22$) diikuti dengan tidak mempunyai kemahiran untuk melibatkan diri dalam sukan ($M=2.48$ dan $SD=1.10$) dan tidak selesa untuk

melibatkan diri dalam sukan ($M=2.31$ dan $SD=1.24$). Selain itu, tidak berminat untuk melibatkan diri dalam sukan ($M=2.24$ dan $SD=1.22$) dan malu melibatkan diri dalam sukan ($M=2.23$ dan $SD=1.23$) juga merupakan faktor intrapersonal yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan yang berada pada tahap sederhana. Aktiviti sukan membosankan ($M=1.62$ dan $SD=1.02$) merupakan faktor yang terendah diikuti sering menghadapi masalah kesihatan ($M=2.01$ dan $SD=1.15$). Faktor lain yang berada pada tahap rendah adalah aktiviti sukan bertentangan dengan kepercayaan agama ($M=2.01$ dan $SD=1.1$), sering menghadapi masalah kesihatan ($M=2.20$ dan $SD=1.17$) dan tidak mempunyai masa untuk melibatkan diri dalam sukan ($M=2.21$ dan $SD=1.02$). Secara keseluruhannya faktor intrapersonal yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berada pada tahap yang sederhana ($M=2.43$ dan $SD=0.55$)

Jadual 4.4

Faktor interpersonal yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan.

No	Faktor Interpersonal	<i>M</i>	<i>SD</i>
31	Guru sentiasa membuat tanggapan negatif	2.36	1.24
32	Tidak mempunyai kawan untuk bersukan	1.97	1.09
33	Keluarga tidak memberikan galakan untuk bersukan	2.39	1.24
34	Guru memberi perhatian terhadap murid yang berkebolehan	3.14	1.26
35	Dibebankan dengan kerja sekolah yang banyak	2.82	1.14
36	Sekolah sentiasa mengutamakan program akademik	3.40	1.12
37	Jurulatih yang berminat dalam sukan tidak mencukupi	3.01	1.13

38	Bilangan guru yang melibatkan diri dalam sukan tidak mencukupi	2.81	1.14
39	Guru tidak memilih walaupun berminat dalam sukan	2.51	1.21
40	Tidak mempunyai rakan yang berminat untuk bersukan	2.77	1.34
41	Sekolah tidak memberi peluang untuk melibatkan diri dalam sukan	2.48	1.31
42	Tertarik untuk melepak bersama kawan-kawan	2.70	1.39
43	Sekolah tidak memberi peluang untuk melibatkan diri dalam sukan	2.91	1.40
44	Sekolah tidak memberi pengiktirafan jika berjaya dalam sukan	2.60	1.36
45	Sekolah tidak memberi galakan	2.78	1.36
	Keseluruhan	2.71	0.60

Jadual 4.4 menunjukkan faktor interpersonal yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan. Faktor interpersonal yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan yang tinggi adalah sentiasa mengutamakan program akademik ($M=3.40$ dan $SD=1.12$) dan guru memberi perhatian terhadap murid yang berkebolehan ($M=3.14$ dan $SD=1.26$). Faktor yang seterusnya adalah jurulatih yang berminat dalam sukan tidak mencukupi ($M=3.01$ dan $SD=1.13$), sekolah tidak memberi peluang untuk melibatkan diri dalam sukan ($M=2.91$ dan $SD=1.40$) dan dibebankan dengan kerja sekolah yang banyak ($M=2.82$ dan $SD=1.14$). Seterusnya faktor interpersonal yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan yang berada pada tahap sederhana adalah bilangan guru yang melibatkan diri dalam sukan tidak mencukupi ($M=2.81$ dan $SD=1.14$) diikuti dengan faktor sekolah tidak memberi galakan ($M=2.78$ dan

$SD=1.36$) dan tidak mempunyai rakan yang berminat untuk bersukan ($M=2.77$ dan $SD=1.34$). Selain itu, tertarik untuk melepak bersama kawan-kawan ($M=2.70$ dan $SD=1.39$) dan sekolah tidak memberi pengiktirafan jika berjaya dalam sukan ($M=2.60$ dan $SD=1.36$) juga merupakan faktor interpersonal yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan yang berada pada tahap sederhana. Tidak mempunyai kawan untuk bersukan ($M=1.97$ dan $SD=1.09$) merupakan faktor yang terendah diikuti guru sentiasa membuat tanggapan negatif ($M=2.36$ dan $SD=1.24$). Faktor lain yang berada pada tahap rendah adalah keluarga tidak memberikan galakan untuk bersukan ($M=2.39$ dan $SD=1.25$), sekolah tidak memberi peluang untuk melibatkan diri dalam sukan ($M=2.48$ dan $SD=1.31$) dan tidak guru tidak memilih walaupun berminat dalam sukan ($M=2.51$ dan $SD=1.21$). Secara keseluruhannya faktor interpersonal yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berada pada tahap yang sederhana ($M=2.71$ dan $SD=0.60$).

Jadual 4.5

Faktor-faktor yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan.

Faktor	<i>M</i>	<i>SD</i>	<i>Interpretasi</i>
Faktor Struktur	2.66	0.49	Sederhana
Faktor Intrapersonal	2.43	0.55	Sederhana
Faktor Interpersonal	2.70	0.55	Sederhana

Jadual 4.5 menunjukkan faktor-faktor yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan adalah pada tahap sederhana (Nunally, 1978). Min faktor interpersonal adalah yang tertinggi ($M=2.70$

dan $SD=0.55$) manakala min faktor yang rendah adalah faktor intrapersonal ($M=2.43$ dan $SD=0.55$) diikuti min faktor struktur ($M=2.66$ dan $SD=0.49$).

4.2.2 Kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah.

Analisis MANOVA dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah. Sebelum analisis MANOVA dijalankan, penyelidik terlebih dahulu menjalankan ujian bagi memastikan syarat menggunakan ujian MANOVA dipenuhi seperti berikut.

Normality. Ujian normaliti dijalankan bagi memastikan data yang diperoleh bertabur normal atau terpencong. Ujian normaliti ini ditentukan dengan menggunakan kaedah statistik ujian *Skewness* dan *Kurtosis*. Menurut Hair et al., (1998) data skor dianggap bertaburan normal atau normaliti memenuhi syarat apabila nilai *Skewness* dan *Kurtosis* berada di antara -1.0 dan +1.0. Hasil ujian bagi data tersebut adalah seperti dalam Jadual 4.6:

Jadual 4.6

Statistik Deskriptif Analisis Normaliti Perbezaan Kekangan Murid dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan dan Permainan Berdasarkan Lokasi Sekolah (N=351)

Kekangan	Lokasi Sekolah	<i>Skewness</i>	<i>Kurtosis</i>
Struktur	Bandar	.102	.148
	Luar Bandar	-.143	-.612
Intrapersonal	Bandar	.598	.340
	Luar Bandar	-.143	-.612
Interpersonal	Bandar	.627	.739
	Luar Bandar	.160	-.426

Jadual 4.6 memaparkan data statistik *Skewness* dan *Kurtosis* kekangan struktur dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah. Lokasi sekolah di bandar menunjukkan (.102, .148) bagi kekangan struktur, (.598, .340) bagi kekangan intrapersonal dan (.627, .739) bagi kekangan interpersonal. Selain itu, bagi data statistik *Skewness* dan *Kurtosis* kekangan struktur murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah di luar bandar menunjukkan (-.143, -.612) bagi kekangan struktur, (-.143, -.612) bagi kekangan intrapersonal dan (.160, -.426) bagi kekangan interpersonal.

Kesamaan Varians Kovarians. Kesamaan varians adalah ditentukan melalui matrik kehomogenan varians-kovarians (*homogeneity of the variance-covariance matrix*) dengan menggunakan ujian *Box's M* (*Box's M test*). Analisis ujian *Box's M* dapat dilihat seperti dapatan dalam Jadual 4.7

Jadual 4.7

Box's M Perbezaan Kekangan Murid dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan dan Permainan Berdasarkan Lokasi Sekolah.

<i>Box's M</i>	<i>F</i>	<i>df1</i>	<i>df2</i>	<i>Sig.</i>
26.774	4.421	6	876230.893	.000

Jadual 4.7 menunjukkan terdapat perbezaan varians-kovarians yang signifikan dalam kalangan pembolehubah bersandar untuk semua aras pembolehubah bebas dengan nilai $F=4.421$ dan $\text{sig}=.000$ ($p<.001$). Ini bermakna, varians-kovarians pembolehubah bersandar adalah tidak homogenus merentasi pembolehubah bebas. Berdasarkan syarat di atas, oleh kerana bilangan sampel yang dilibatkan dalam kajian ini dalam jumlah yang besar, maka ujian MANOVA boleh

dijalankan bagi melihat perbezaan kekangan dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah (Pallant, 2007).

Jadual 4.8

Wilks' Lambda Perbezaan Kekangan Murid dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan dan Permainan Berdasarkan Lokasi Sekolah.

Kesan	Nilai Wilks' Lambda	Nilai F	DK antara kumpulan	DK dalam Kumpulan	Sig	η^2
Lokasi Sekolah	.901	12.76	3	347	.00	.099

Jadual 4.8 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kekangan struktur dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah dengan nilai *Wilks' λ* =.901, *F* (12.76) = 4.421 dan sig = .00 ($p < .05$). Ujian *Eta square* (η^2) pula menunjukkan nilai .099. Ini bermakna, kesan perbezaan tersebut adalah kecil (Cohen, 1988). Ini menunjukkan hipotesis nol (H_0) adalah ditolak. Perbezaan kekangan dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah dengan lebih terperinci dianalisis dengan menggunakan analisis MANOVA seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.9.

Jadual 4.9

MANOVA Perbezaan Kekangan Murid dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan dan Permainan Berdasarkan Lokasi Sekolah.

Kekangan	Lokasi Sekolah	N	M	SD	Type III SS	df	SS	F	Sig.	η^2
Struktur	Bandar	180	2.53	.498	6.06	1	6.062	27.36	.000	.073
	Luar Bandar	171	2.79	.441						
Intrapersonal	Bandar	180	2.28	.558	7.74	1	7.741	27.48	.000	.073

	Luar Bandar	171	2.58	.500						
Interpersonal	Bandar	180	2.54	.537	8.45	1	8.453	30.37	.000	.080
	Luar Bandar	171	2.86	.517						

N = Sampel; M= Min; SD = *Standard Deviation*; SS = *Sum of Squares*

Jadual 4.9 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kekangan struktur [$F = 27.36$ dan $sig = .000, p < .05$], kekangan intrapersonal [$F = 27.48$ dan $sig = .000, p < .05$] dan kekangan interpersonal [$F = 30.37$ dan $sig = .000, p < .05$] berdasarkan lokasi sekolah.

Dari segi min lokasi sekolah bagi kekangan struktur menunjukkan lokasi sekolah di luar bandar min ($M=2.79$) lebih tinggi berbanding lokasi sekolah di bandar ($M=2.53$). Bagi kekangan intrapersonal min lokasi sekolah di luar bandar adalah lebih tinggi ($M=2.58$) berbanding dengan lokasi sekolah di bandar ($M=2.28$). Selain itu, bagi kekangan interpersonal menunjukkan min lokasi sekolah di luar bandar ($M=2.86$) lebih tinggi berbanding lokasi sekolah di bandar ($M=2.54$).

4.2.3 Perbezaan kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan berdasarkan jantina.

Analisis MANOVA dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan jantina. Sebelum analisis MANOVA dijalankan, penyelidik terlebih dahulu menjalankan ujian bagi memastikan syarat menggunakan ujian MANOVA dipenuhi seperti berikut.

Normality. Ujian normaliti dijalankan bagi memastikan data yang diperoleh bertabur normal atau terpencong. Ujian normaliti ini ditentukan dengan menggunakan kaedah statistik ujian *Skewness* dan *Kurtosis*. Menurut Hair et al.,

(1998) data skor dianggap bertaburan normal atau normaliti memenuhi syarat apabila nilai *Skewness* dan *Kurtosis* berada di antara -1.0 dan +1.0. Hasil ujian bagi data tersebut adalah seperti dalam Jadual 4.10:

Jadual 4.10

Statistik Deskriptif Analisis Normaliti Perbezaan Kekangan Murid dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan dan Permainan Berdasarkan Jantina (N=351)

Kekangan	Jantina	<i>Skewness</i>	<i>Kurtosis</i>
Struktur	Lelaki	.147	-.463
	Perempuan	-.352	.131
Intrapersonal	Lelaki	.447	-.384
	Perempuan	-.131	-.234
Interpersonal	Lelaki	.428	-.336
	Perempuan	.076	-.128

Jadual 4.10 memaparkan data statistik *Skewness* dan *Kurtosis* kekangan struktur dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan jantina. Jantina bagi murid lelaki menunjukkan (.147, -.463) bagi kekangan struktur, (.447, -.384) bagi kekangan intrapersonal dan (.428, -.336) bagi kekangan interpersonal. Selain itu, bagi data statistik *Skewness* dan *Kurtosis* kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan jantina murid perempuan menunjukkan (-.352, .131) bagi kekangan struktur, (-.131, -.234) bagi kekangan intrapersonal dan (.076, -.128) bagi kekangan interpersonal.

Kesamaan Varians-Kovarians. Kesamaan varians adalah ditentukan melalui matrik kehomogenan varians-kovarians (*homogeneity of the variance-covariance*

matric) dengan menggunakan ujian *Box's M* (*Box's M test*). Analisis ujian *Box's M* dapat dilihat seperti dapatan dalam Jadual 4.11.

Jadual 4.11

Box's M Perbezaan Kekangan Murid dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan dan Permainan Berdasarkan Jantina.

<i>Box's M</i>	F	df1	df2	Sig.
13.807	2.280	6	869523.030	0.033

Jadual 4.11 menunjukkan tidak terdapat perbezaan varians-kovarians yang signifikan dalam kalangan pembolehubah bersandar untuk semua aras pembolehubah bebas dengan nilai $F=2.280$ dan $\text{sig} = .033$ ($p>.001$). Ini bermakna, varians-kovarians pembolehubah bersandar adalah homogenus merentasi pembolehubah bebas Berdasarkan syarat di atas, maka ujian MANOVA boleh dijalankan bagi melihat perbezaan kekangan dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan jantina (Pallant, 2007).

Jadual 4.12

Wilks' Lambda Perbezaan Kekangan Murid dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan dan Permainan Berdasarkan Jantina.

Kesan	Nilai <i>Wilks' Lambda</i>	Nilai <i>F</i>	DK antara kumpulan	DK dalam Kumpulan	<i>Sig</i>	η^2
Jantina	.934	8.155	3.000	347.000	.000	.066

Jadual 4.12 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan jantina dengan nilai *Wilks' λ* =.934, $F(2.280) = 8.155$ dan $\text{sig} = .00$ ($p<.05$). Ujian

Eta square (η^2) pula menunjukkan nilai .066. Ini bermakna, kesan perbezaan tersebut adalah besar (Cohen, 1988). Ini menunjukkan hipotesis nol (H_0) adalah ditolak. Perbezaan kekangan dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan jantina dengan lebih terperinci dianalisis dengan menggunakan analisis MANOVA seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.13.

Jadual 4.13

MANOVA Perbezaan Kekangan Murid dalam Aktiviti Kokurikulum Sukan dan Permainan Berdasarkan Jantina.

Kekangan	Jantina	<i>N</i>	<i>M</i>	<i>SD</i>	<i>Type III SS</i>	<i>d</i> <i>f</i>	<i>SS</i>	<i>F</i>	<i>Sig.</i>	η^2
Struktur	Lelaki	180	2.65	.494	.016	1	.016	.065	.798	.000
	Perempuan	171	2.66	.483						
Intrapersonal	Lelaki	180	2.53	.576	3.79	1	3.790	12.94	.000	.036
	Perempuan	171	2.32	.501						
Interpersonal	Lelaki	180	2.77	.575	2.28	1	2.279	7.701	.006	.022
	Perempuan	171	2.61	.509						

N = Sampel; *M* = Min; *SD* = *Standard Deviation*; *SS* = *Sum of Squares*

Jadual 4.13 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kekangan intrapersonal [$F = 12.94$ dan $sig = .000$, $p < .05$] dan kekangan interpersonal [$F = 7.701$ dan $sig = .006$, $p < .05$] berdasarkan jantina manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kekangan struktur [$F = .065$ dan $sig = .798$, $p < .05$] berdasarkan jantina murid.

Dari segi min jantina bagi kekangan struktur menunjukkan jantina min murid lelaki ($M=2.65$) lebih tinggi berbanding murid perempuan ($M=2.66$). Bagi kekangan intrapersonal min murid lelaki ($M=2.53$) adalah lebih tinggi berbanding

murid perempuan ($M=2.32$). Selain itu, bagi kekangan interpersonal min murid lelaki ($M=2.77$) adalah lebih tinggi berbanding murid perempuan ($M=2.61$).

4.2.4 Hubungan antara kekangan kokurikulum dengan tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum khususnya sukan dan permainan.

Ujian korelasi Spearman dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara kekangan struktur, intrapersonal dan interpersonal dengan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum khususnya sukan dan permainan. Hasil ujian korelasi Spearman adalah seperti berikut:

Jadual 4.14

Korelasi Spearman – Hubungan antara Kekangan dengan Tahap Penglibatan Murid Dalam Aktiviti

Halangan	Tahap Penglibatan Sukan		Interprestasi
	<i>r</i>	Sig.	
Struktur	-.035	.516	-
Intrapersonal	-.163	.002	Lemah
Interpersonal	-.076	.157	-
Keseluruhan	-.115	.031	Lemah

Jadual 4.14 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kekangan intrapersonal dengan tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum dengan nilai $r = -.163$ dan $\text{Sig} = .002$ ($p < .05$). Kekuatan hubungan ialah negatif lemah. Ini bermakna, semakin tinggi kekangan intrapersonal maka semakin rendah tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum. Seterusnya tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kekangan struktur ($r = -.035$ dan $\text{sig} = .516$, $p > .05$)

dan interpersonal ($r = -.076$ dan $\text{sig} = .157, p > .05$) dengan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum. Hasil kajian ini menunjukkan hipotesis nol ($H_03.2$) adalah ditolak. Manakala hipotesis nol ($H_03.1$ dan $H_03.3$) adalah gagal ditolak. Secara keseluruhannya ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kekangan kokurikulum dengan tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum dengan nilai $r = -.115$ dan $\text{Sig} = .031$ ($p < .05$). Kekuatan hubungan ialah negatif lemah. Ini bermakna, semakin tinggi kekangan kokurikulum maka semakin rendah tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum. Oleh itu, hipotesis nol (H_03) adalah ditolak.

4.3 Rumusan

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti faktor penghalang murid dalam melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum. Hasil kajian yang dianalisis menggunakan perisian SPSS v23 menunjukkan faktor kekangan kokurikulum murid berada pada tahap sederhana. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kekangan struktur, kekangan intrapersonal dan kekangan interpersonal berdasarkan lokasi sekolah. Seterusnya dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kekangan intrapersonal dan kekangan interpersonal berdasarkan jantina manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kekangan struktur berdasarkan jantina murid. Hubungan yang signifikan juga berlaku antara kekangan intrapersonal dengan tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum dengan kekuatan hubungan ialah negatif lemah. Walau bagaimanapun tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kekangan struktur dan interpersonal dengan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum.

BAB 5: KESIMPULAN

5.0 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kekangan penglibatan murid terhadap aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di sekolah rendah di Johor. Bab ini akan membincangkan ringkasan kajian, dapatan, rumusan, implikasi, sumbangan kajian serta cadangan bagi kajian masa hadapan. Di dalam bahagian perbincangan penyelidik akan merungkai dan menjelaskan dapatan kajian berkaitan kekangan penglibatan murid terhadap aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan kajian-kajian lepas di samping teori yang berkaitan. Selain itu, dalam bab ini penyelidik juga akan membincangkan segala dapatan kajian dengan lebih jelas dan terperinci serta membuat satu kesimpulan terhadap persoalan kajian yang telah dinyatakan dalam bab satu. Di samping itu, di dalam bahagian implikasi kajian penyelidik akan membincangkan dapatan kajian secara teoretikal manakala sumbangan dan cadangan kajian yang selanjutnya turut disarankan bagi menyambung kesinambungan kajian pada masa akan datang.

5.1 Ringkasan Kajian

Kokurikulum merupakan sebahagian daripada kurikulum sekolah yang harus melibatkan setiap murid. Aktiviti ini dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah, mengikut kesesuaian sesuatu aktiviti dengan andaian bahawa terdapat beberapa pengalaman yang tertentu yang tidak dapat murid peroleh di bilik darjah, maka aktiviti kokurikulum dapat menyediakan pelbagai pengetahuan dan pengalaman untuk perkembangan mental, minat, bakat, jasmani, rohani dan pembentukan nilai-nilai estetika serta sosial yang positif.

Selain itu, matlamat utama aktiviti kokurikulum adalah untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan antaranya adalah menyemai kesedaran murid-murid terhadap agama dan kepercayaan kepada Tuhan; menyeimbangkan perkembangan mental dengan perkembangan rohani, jasmani dan emosi murid-murid; mengukuhkan perhubungan dan pergaulan dalam kalangan murid dalam sekolah dan di antara sekolah; membina dan meningkatkan minat dan bakat murid-murid dalam aktiviti yang diceburi; membina dan meningkatkan disiplin murid; mewujudkan budaya sekolah yang menarik dan menggembirakan; membina dan meningkatkan kerjasama; serta sumbangan hubungan dua hala antara sekolah dan masyarakat bagi mewujudkan sekolah berwatak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Walau bagaimanapun terdapat kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum yang didefinisikan sebagai masalah yang menjadi kekangan penglibatan di dalam aktiviti bersukan dan juga penggunaan kemudahan aktiviti bersukan oleh murid (McGuire, 1984). Menurutnya masalah-masalah ini akan membataskan kekerapan penglibatan dan penggunaan kemudahan aktiviti bersukan murid. Terdapat tiga jenis kekangan yang dibincangkan dalam kajian ini, iaitu kekangan struktur, kekangan intrapersonal, dan kekangan interpersonal. Kekangan struktur terdiri daripada sumber kewangan, peruntukan masa dan peluang yang meliputi kemudahan sukan, persekitaran murid, pengangkutan ke sekolah, lokasi kemudahan sukan, maklumat berkaitan sukan dan kesesakan penggunaan alat sukan (Crawford & Godbey, 1987). Kekangan intrapersonal adalah berkait dengan komunikasi yang berlaku antara diri sendiri yang merupakan dialog dalaman dan boleh wujud walaupun bersama dengan orang lain yang merangkumi bayangan, melamun, mempersepsi dan memecahkan masalah dalam fikiran (Richard & Lynn,

2009). Seterusnya menurut Wan Azlan (2015), kekangan interpersonal adalah berkait dengan faktor-faktor luaran yang melibatkan interaksi atau perhubungan antara individu yang boleh mempengaruhi penglibatan seseorang dalam aktiviti sukan seperti rakan sekelas, galakan daripada rakan, sokongan keluarga dan pengaruh rakan sebaya.

Model yang digunakan dalam kajian ini ialah Model Penghalang Kesenggangan oleh Crawford, Jackson dan Godbey (1991). Model ini menerangkan faktor-faktor yang menjadi kekangan seseorang individu daripada melibatkan diri dalam aktiviti bersukan yang terdiri daripada faktor penghalang struktur, faktor penghalang intrapersonal, dan faktor penghalang interpersonal. Menurut model ini faktor penghalang struktur adalah paling distal ataupun yang paling kuat manakala faktor intrapersonal adalah paling proksimal ataupun yang paling lemah di antara ketiga-tiga kategori faktor penghalang.

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di sekolah rendah di daerah Muar, Johor. Sampel dalam kajian dipilih menggunakan *cluster sampling* (sampel berkelompok) iaitu seramai 351 orang murid yang terdiri daripada 182 murid lelaki dan 169 murid perempuan daripada empat buah sekolah di zon Maharani. Responden yang terlibat dalam kajian ini berumur dalam lingkungan 10 hingga 12 tahun. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik yang telah dibentuk oleh Raymore, Godbey, Crawford dan Von Eye. Soal selidik ini mempunyai 45 item soalan yang meliputi tiga konstruk iaitu faktor penghalang struktur, faktor penghalang intrapersonal, dan faktor penghalang interpersonal.

Analisis data yang digunakan bagi menjawab persoalan dan hipotesis kajian ialah min, MANOVA, dan korelasi Spearman. Statistik deskriptif min digunakan

untuk menentukan tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan dan faktor utama yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan. Ujian MANOVA digunakan untuk melihat perbezaan kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah, jantina dan tahap penglibatan. Manakala, korelasi Spearman digunakan untuk melihat hubungan antara kekangan kokurikulum dengan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum.

Hasil kajian menunjukkan kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum berada pada tahap sederhana manakala min kekangan menunjukkan faktor interpersonal merupakan kekangan tertinggi dengan diikuti oleh faktor intrapersonal dan struktur. Selain itu kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah menunjukkan hubungan yang signifikan di antara kekangan struktur, kekangan intrapersonal dan kekangan interpersonal. Manakala bagi kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan jantina dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kekangan intrapersonal dan kekangan interpersonal tetapi tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kekangan struktur. Seterusnya hubungan antara kekangan kokurikulum dengan tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum khususnya sukan dan permainan menunjukkan hubungan negatif dan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kekangan struktur, kekangan intrapersonal dan kekangan interpersonal.

5.2 Perbincangan

Kajian ini dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan min, peratusan dan sisihan piawai. Selain itu, statistik deskriptif digunakan untuk

mentafsir kumpulan data yang besar manakala min digunakan dalam kajian ini sebagai petunjuk bagi menentukan titik imbalan taburan iaitu nilai titik tengah, dan sisihan piawai pula digunakan untuk melihat serakan taburan data kajian. Seterusnya, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan pengetahuan mengenai kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di sekolah rendah yang mempunyai perkaitan dari segi jantina, lokasi dan tahap penglibatan murid.

5.2.1 Faktor utama yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan.

Penyelidikan dalam mengenal pasti kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan adalah bagi memberi maklumat dan mengenal pasti masalah yang sebenar. Justeru itu, faktor kekangan penglibatan kokurikulum murid adalah penting bagi semua pihak seperti guru, Guru Besar Sekolah, Jawatankuasa Kerja Sekolah, Unit Kokurikulum Jabatan Pendidikan Daerah dan Negeri, dan agensi yang berkaitan dalam merancang program kokurikulum sukan dan permainan di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum berada pada tahap sederhana. Penyelidik berpendapat tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum adalah sederhana kerana aktiviti kokurikulum dilaksanakan pada hari persekolahan dan murid yang hadir ke sekolah diwajibkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum sekolah. Ini disokong oleh dapatan kajian Sandra dan Anuar (2016) yang menyatakan tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum berada pada tahap sederhana. Berdasarkan hasil dapatan penyelidik dan dapatan kajian yang lampau, dapatlah penyelidik membuat kesimpulan bahawa terdapat

kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum yang perlu diambil berat oleh semua pihak kerana kokurikulum merupakan aktiviti yang wajib di sekolah. Hal ini disokong oleh E Pei Sze (2007) iaitu kebanyakan pelajar menyertai aktiviti kokurikulum kerana kokurikulum diwajibkan di sekolah dengan setiap pelajar harus menyertai sekurang-kurang dua aktiviti kokurikulum. Dengan kata lain, pihak sekolah menetapkan peraturan dan memastikan penglibatan setiap pelajar dalam aktiviti kokurikulum agar pelajar-pelajar ini memperoleh manfaatnya.

Walau bagaimanapun kekangan kokurikulum perlu diambil berat kerana kokurikulum mempunyai peranan dan pengaruh secara langsung dan tidak langsung di dalam pembentukan diri dan personaliti pelajar. Hal ini selaras dengan Zulkiflee dan Aimi (2010) yang menyatakan kokurikulum merupakan pelengkap kepada kehendak dan kepentingan kurikulum. Ini menunjukkan kokurikulum mempunyai kepentingannya yang tersendiri dalam membentuk modal insan yang bertaraf dunia. Sejalan dengan agenda utama negara dalam Rancangan Malaysia Ke-10, iaitu membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia terutama dalam kalangan pelajar. Dapatan Lokman dan Osmayati (2010) menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum merupakan satu keperluan bagi pelajar di sekolah kerana dapat meningkatkan aspek kepimpinan, memupuk nilai integrasi kaum dan meningkatkan tahap disiplin murid. Perkara ini turut dibincangkan oleh Aminudin (2004) dalam kajiannya yang mendapati pelajar-pelajar yang aktif dalam aktiviti kokurikulum juga mempunyai pencapaian yang baik dalam akademik. Aktiviti-aktiviti yang disertai oleh pelajar-pelajar tersebut tidak memberi kesan yang negatif terhadap pencapaian akademik mereka.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan faktor interpersonal merupakan faktor utama yang menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum

sukan dan permainan di sekolah rendah. Penyelidik mendapati faktor interpersonal merupakan kekangan utama penglibatan murid dalam kokurikulum kerana murid tidak mempunyai keyakinan diri akibat tiada sokongan ibu bapa dan guru yang tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam aktiviti kokurikulum. Malah didapati ramai guru yang gagal menjalankan tanggungjawab sebagai guru kokurikulum di sekolah kerana mereka tidak cukup kompeten dan berkemahiran untuk melaksanakan urusan kerja berkaitan kokurikulum (Ahmad Esa et al., 2015). Hal ini disokong Azizi (2015) yang menyatakan guru mestilah memperbaiki kelemahan terutama dalam hal mempunyai maklumat terkini yang hendak disampaikan kepada pelajar yang berkaitan dengan aktiviti kokurikulum. Pengetahuan guru hendaklah selari dengan perkembangan maklumat terkini yang serba canggih. Selain itu, hasil kajian Leung, Ng, dan Chan (2011) menunjukkan moral guru boleh mempengaruhi pembelajaran pelajar dan kajian mereka juga mendapati bahawa penglibatan dan kepuasan guru-guru terhadap tugas mereka akan membantu transformasi pendidikan di sekolah mereka yang kemudiannya akan meningkatkan pencapaian pelajar di sekolah.

Seterusnya, dapatan Maamor et al., (2015) mendapati terdapat murid yang tidak mahu melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum kerana tidak mempunyai keyakinan terhadap kemampuan diri serta kekangan sokongan daripada ibu bapa. Selain itu E Pei Sze (2007) dalam kajiannya menunjukkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum lebih didorong oleh faktor ibu bapa, diikuti oleh faktor rakan sebaya dan akhir sekali faktor guru. Di samping itu, menurut kajian didapati pelajar India merupakan kaum yang paling kuat dipengaruhi oleh ibu bapa terhadap aktiviti kokurikulum. Selain itu dapatan Kung Teik Seng (2010) dalam kajiannya menyatakan pengetua sekolah dan guru penasihat memainkan peranan yang penting

terhadap tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sekolah. Dapatan kajian ini dipersetujui oleh Norlena Salamuddin et al. (2011) yang membahaskan pentadbir kokurikulum seharusnya kreatif dan berpandangan jauh dalam menggubal perancangan program kokurikulum. Pihak sekolah juga harus mempunyai badan yang bertanggungjawab dalam perancangan, pengelolaan dan pengawalan serta pelaksanaan keseluruhan aktiviti kokurikulum. Hal ini seiring dengan dapatan kajian Coffman dan Porter (2012), yang menyatakan bahawa pentadbir kokurikulum boleh menjadi agen perubahan dalam mengubah suai sifat-sifat sekolah yang lebih berdaya saing dan mampu melakukan transformasi untuk kebaikan pelajar.

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, dapat disimpulkan kekangan yang terdapat dalam Model Penghalang Kesenggangan oleh Crawford, Jackson dan Godbey (1991) adalah bersesuaian dengan kajian yang telah dijalankan. Walau bagaimanapun kekangan utama penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum dalam kajian ini adalah faktor interpersonal diikuti dengan faktor intrapersonal dan struktur. Dapatan ini secara tidak langsung membuktikan kekangan struktur yang sering menjadi kekangan aktiviti kokurikulum sukan dan permainan telah dapat diatasi dengan program-program yang telah dilaksanakan disekolah.

5.2.2 Perbezaan kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan lokasi sekolah.

Analisis kajian ini mendapati faktor lokasi tempat merupakan satu elemen pembolehubah yang perlu dikaji secara terperinci bagi mengenal pasti jurang pendidikan kokurikulum di kawasan bandar dan luar bandar. Dapatan kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara kekangan struktur, kekangan intrapersonal dan kekangan interpersonal dengan lokasi sekolah. Selain

itu min lokasi sekolah menunjukkan min yang tinggi di lokasi sekolah luar bandar berbanding lokasi sekolah di bandar bagi kekangan struktur, kekangan intrapersonal dan kekangan interpersonal. Lokasi sekolah merupakan kekangan bagi penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum terutama sekolah di luar bandar adalah kerana sekolah di bandar mempunyai infrastruktur dan peralatan sukan yang lebih baik berbanding sekolah di luar bandar. Selain itu, peruntukan kewangan yang diberikan kepada sekolah di luar bandar bagi menjalankan program-program sukan adalah terhad kerana bilangan murid yang tidak ramai berbanding sekolah di bandar. Kekurangan tenaga pengajar yang berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang sukan juga memainkan peranan kerana kebanyakan guru muda ditempatkan di kawasan luar bandar. Kurang motivasi daripada keluarga yang menganggap kokurikulum adalah tidak penting, kemiskinan dan ibu bapa yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan merupakan punca lokasi tempat terutama kawasan di luar bandar menjadi kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum.

Dapatan kajian ini bertepatan dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 – 2010 yang menyatakan jurang antara bandar dan luar bandar merujuk kepada ketidaksamarataan daripada segi penyediaan infrastruktur dan penempatan guru terutama di Sekolah Kurang Murid (SKM), sekolah Orang Asli dan sekolah di pedalaman (PIPP, 2006 – 2010). Selain itu kajian yang dijalankan oleh Zalika, Faridah dan Johdi (2009) menyatakan faktor kemunduran pendidikan di luar bandar adalah disebabkan oleh kemiskinan, kurang perhatian, tiada motivasi belajar, kesukaran persepsi pelajar dan kesukaran saluran teknologi. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan Fazli, Suhaila dan Soaib (2013) yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran sekolah dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

Semua pihak perlu memainkan peranan bagi memastikan aktiviti kokurikulum sekolah rendah di luar bandar dapat dilaksanakan dengan baik seperti sekolah-sekolah yang berada di kawasan bandar. Hal ini supaya semua murid mendapat hak pendidikan yang sama rata di sekolah walaupun berada di luar bandar. Di samping itu, pelaksanaan aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di sekolah adalah penting kerana aktiviti ini secara tidak langsung dapat melahirkan bakat-bakat yang bertaraf antarabangsa. Oleh itu pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah luar bandar tidak harus di pandang ringan dan harus dirancang dan dijalankan secara teratur.

5.2.3 Perbezaan kekangan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan jantina.

Faktor jantina perlu dikaji secara terperinci berdasarkan aspek kokurikulum kerana walaupun perbezaan jantina telah banyak diperbincangkan daripada pelbagai sudut kajian sama ada pendidikan, sukan, kepimpinan dan pedagogi yang berkaitan dengan kokurikulum tetapi hasil dapatan setiap kajian adalah berbeza bagi tempoh masa tertentu dan populasi yang dikaji. Perbezaan dapatan ini boleh dikaitkan dengan perbezaan individu yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti faktor persekitaran, organisasi, kepimpinan dan faktor lain seperti individu itu sendiri.

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kekangan intrapersonal dan kekangan interpersonal tetapi tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kekangan struktur. Pada pandangan penyelidik, murid tidak berminat terhadap aktiviti kokurikulum adalah kerana tiada sokongan daripada ibu bapa yang mempunyai pemikiran negatif terhadap aktiviti kokurikulum sekolah selain sikap murid sendiri yang merasakan aktiviti kokurikulum memenatkan

seterusnya mengurangkan persaingan dalam menggunakan peralatan dan kemudahan sukan di sekolah. Pernyataan ini disokong oleh Mohd Jafus (2008) yang menyatakan murid tidak berminat dalam aktiviti kokurikulum kerana mempunyai cita-cita tinggi untuk memasuki pusat-pusat pengajian tinggi selepas tamat pelajaran dan tumpuan mereka lebih kepada bidang akademik berbanding dengan kegiatan kokurikulum. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan Teo Kian Joo (2014) yang menyatakan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kekangan intrapersonal dan kekangan interpersonal tetapi tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kekangan struktur dalam kajiannya mengenai faktor-faktor yang menjadi kekangan penglibatan pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas dalam kegiatan sukan di waktu senggang.

Walaupun bagaimanapun terdapat dapatan kajian lain yang tidak selari dengan hasil dapatan kajian ini, antaranya dapatan kajian Zaharul (2015) dan Zalmimi (2010) yang mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor struktur, interpersonal dan intrapersonal dengan jantina tetapi terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor penghalang interpersonal dan intrapersonal dengan bangsa. Berdasarkan min yang diperolehi, jantina lelaki menunjukkan min yang tinggi bagi kekangan intrapersonal dan interpersonal manakala jantina perempuan memperoleh min yang tinggi bagi kekangan struktur. Keputusan menunjukkan faktor penghalang penglibatan antara murid lelaki mengatasi murid perempuan dari segi kekangan intrapersonal dan interpersonal. Ini menunjukkan murid lelaki lebih menghadapi masalah untuk melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum. Hal ini adalah disebabkan guru tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam sukan.

Dapatan kajian ini disokong oleh Najib dan Jamaliah (2011) yang menyatakan kemahiran guru mempunyai hubungan dengan komitmen guru dalam kemahiran melaksanakan pengurusan kokurikulum di sekolah. Dapatan kajian ini bersepadu dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Abu Bakar (2007) yang menyimpulkan bahawa peranan guru penasihat kokurikulum merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum sekolah. Manakala masalah kekurangan alatan dan kemudahan menyebabkan murid perempuan perlu berebut dengan murid lelaki dan menyebabkan mereka kurang berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum. Penyataan ini disokong oleh Hassan Adnan (2010) yang menyatakan bahawa ramai pelajar atau pihak beranggapan kegiatan kokurikulum tidak penting dan banyak membuang masa kerana tidak dinilai sebagaimana kegiatan yang melibatkan akademik. Walau bagaimanapun dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Crawford et al (1987). Kajian Crawford mendapati pelajar perempuan yang menyertai aktiviti kokurikulum mempunyai faktor interpersonal yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki.

Kesimpulannya, perbincangan yang dinyatakan dapat menjelaskan mengapa kekangan kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan jantina hanya melibatkan kekangan intrapersonal dan interpersonal manakala kekangan struktur hanya melibatkan jantina murid perempuan. Walaupun kekangan struktur sering menjadi alasan kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum tetapi ternyata kekangan ini telah dapat diatasi dengan baik dari semasa ke semasa bagi memastikan semua murid dapat menerima kemudahan yang terbaik dan mencukupi di sekolah.

5.2.4 Hubungan antara kekangan murid dengan tahap penglibatan aktiviti kokurikulum sukan dan permainan dan permainan

Wong Huey Ling (2007) menyatakan bahawa mengukur tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum ialah sejauh mana interaksi fizikal dan psikologi dalam mendapatkan pengalaman kokurikulum yang mempunyai empat unsur penting iaitu unsur pertama penglibatan dirujuk kepada penglibatan tenaga fizikal dan psikologi dalam pelbagai aktiviti yang benar-benar boleh dirumuskan. Unsur kedua adalah tanpa mengira objeknya, penglibatan berlaku berterusan di mana tahap penglibatan pelajar adalah berbeza untuk setiap individu walaupun dalam aktiviti yang sama. Unsur ketiga tahap penglibatan mempunyai ciri kuantitatif dan kualitatif untuk mengenal pasti sejauh mana penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum boleh diukur secara kuantitatif dan kualitatif dan unsur keempat adalah pembelajaran pelajar dan perkembangan sendiri berkaitan dengan mana-mana program kokurikulum sama ada sesuai dengan kuantiti dan kualiti penglibatan pelajar.

Rentetan daripada dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kekangan intrapersonal dengan tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum. Kekuatan hubungan ialah negatif lemah, ini bermakna semakin tinggi kekangan intrapersonal semakin rendah tahap penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum. Dengan kata lain murid lebih mementingkan akademik kerana mereka berpendapat aktiviti kokurikulum adalah tidak penting dan tidak memberi sebarang faedah kepada prestasi pembelajaran mereka. Ini disokong oleh dapatan kajian Hassan Adnan (2010) yang menyatakan bahawa ramai pelajar atau pihak beranggapan kegiatan kokurikulum tidak penting dan banyak membuang masa kerana tidak dinilai sebagaimana kegiatan yang melibatkan akademik. Selain

itu, pelaksanaan kokurikulum di IPT tidak begitu menggalakkan atau tidak mendapat sokongan sepenuhnya daripada pelbagai pihak terutamanya pengurusan yang mengakibatkan pelajar kurang berminat untuk mengambil bahagian. Dari konteks kekangan struktur dan interpersonal, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kekangan struktur dan interpersonal dengan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum. Penyelidik mendapati dapatan kajian ini, menyokong dapatan kajian Mohamad (2013) yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan.

Secara keseluruhannya dapat dinyatakan, kekangan intrapersonal merupakan kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan di sekolah rendah. Kekangan intrapersonal yang ditekankan adalah sikap semua pihak yang berat sebelah dan mementingkan akademik sahaja. Wahal aktiviti kokurikulum turut memainkan peranan yang penting dalam memastikan murid dapat mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu, pihak sekolah dan guru harus memastikan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah adalah seimbang dengan kurikulum. Ibu bapa pula harus menyokong dan memastikan murid melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum di sekolah dengan memantau pergerakan murid di rumah.

5.3 Rumusan perbincangan

Hasil daripada perbincangan dapatan kajian yang dijalankan, ini telah membuktikan bahawa faktor struktur, faktor intrapersonal dan faktor interpersonal merupakan kekangan dalam penglibatan kokurikulum sukan dan permainan yang perlu diambil berat terutama sekali faktor interpersonal. Dapatan ini adalah selaras

dengan dapatan-dapatan yang diperoleh oleh Leung, Ng, dan Chan (2011); Norlena Salamuddin et al. (2011); Coffman & Porter (2012); Ahmad Esa et al., (2015); Azizi (2015) dan Maamor et al., (2015). Justeru itu kekangan ini perlu diambil kira bagi memastikan objektif pelaksanaan kokurikulum dapat dicapai oleh semua pihak.

Penelitian dari segi lokasi sekolah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara ketiga-tiga faktor dengan aktiviti kokurikulum sekolah terutamanya lokasi sekolah di kawasan luar bandar. Dapatan ini selaras dengan beberapa dapatan kajian lepas yang dijalankan oleh Fraser (1986) dan Jaflus (2002), di mana hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan kekangan penglibatan kokurikulum murid dengan lokasi sekolah.

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan bagi kekangan intrapersonal dan interpersonal tetapi tiada perbezaan yang signifikan bagi kekangan struktur dengan jantina murid. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Teo Kian Joo (2014). Walau bagaimanapun terdapat pencanggahan dapatan kajian dengan kajian yang lepas seperti dapatan kajian Zaharul (2015) dan Zalmimi (2010) yang mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor struktur, interpersonal dan intrapersonal dengan jantina.

Jika ditinjau daripada aspek kekangan murid dengan tahap penglibatan kokurikulum murid pula, didapati terdapat perhubungan negatif yang lemah di antara kekangan intrapersonal dengan tahap penglibatan kokurikulum murid. Menurut Hassan Adnan (2010) ramai pelajar atau pihak beranggapan kegiatan kokurikulum tidak penting dan banyak membuang masa kerana tidak dinilai sebagaimana kegiatan yang melibatkan akademik. Namun, dapatan kajian ini bercanggah dengan dapatan Mohamad Abdullah (2013) yang menyatakan bahawa ramai pelajar mengakui akan kepentingan aktiviti kokurikulum dalam pembangunan

modal insan yang mempunyai kemahiran dan menghayati nilai-nilai murni seterusnya memupuk semangat menguasai kemahiran dan kompetensi, namun sebenarnya mereka kekurangan penjelasan dan penegasan yang sewajarnya dalam mengimbangi antara kepentingan akademik dengan aktiviti kokurikulum.

Secara keseluruhannya, perbincangan dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi satu panduan bagi mengkaji semula kekangan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan berdasarkan faktor-faktor pembolehkan yang telah digunakan dalam kajian ini.

5.4 Implikasi Kajian

Penyelidikan dalam isu kekangan penglibatan kokurikulum adalah praktikal untuk memberi maklumat dan pengetahuan dalam situasi yang sebenar yang sedang berlaku di sekolah. Walaupun terdapat beberapa kajian lepas yang mengkaji mengenai kekangan kokurikulum tetapi masalah ini masih dipandang ringan oleh sesetengah pihak. Oleh yang demikian, penyelidik berpendapat kajian ini dapat memberi dapatan wajah baharu dalam aspek pelaksanaan kokurikulum di sekolah-sekolah di Johor. Hasil daripada kajian mendapati terdapat beberapa implikasi yang dapat diketengahkan antaranya ialah implikasi kepada murid, guru, pemimpin sekolah dan pengubal dasar seperti PPD/KPM.

5.4.1 Implikasi Kajian Terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia adalah kementerian yang bertanggungjawab dalam pengubalan dasar sesuatu kurikulum dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dasar kokurikulum merangkumi dasar kokurikulum di sekolah rendah, sekolah menengah, matrikulasi dan institusi pendidikan guru. Kementerian Pendidikan perlu

menegaskan bahawa murid-murid di sekolah perlu diberi ruang untuk mengembangkan potensi mereka secara menyeluruh dan bersepadu agar mereka menjadi insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Justeru itu, dapatan kajian ini diharap dapat membantu KPM untuk memberi gambaran sebenar tentang keadaan pelaksanaan kokurikulum di sekolah sebelum menjalankan pemantauan atau menilai sekolah-sekolah di Johor. Rentetan daripada itu, dapatan kajian ini dapat memudahkan lagi proses penyampaian dan pembetulan amalan di sekolah-sekolah dalam negeri ini, di mana kajian ini boleh dijadikan kayu ukur atau garis panduan yang dapat memberi maklum balas terhadap mutu kerja dan amalan bidang tugas kerja guru dan sekolah terhadap pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah untuk penambahbaikan pada masa akan datang.

Oleh itu adalah diharapkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengutamakan aspek pembangunan sumber manusia dengan memberi latihan dan peluang kepada guru-guru untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan kokurikulum agar mereka dapat bersaing dalam arus pendidikan yang lebih global dalam melahirkan modal insan yang berkualiti serta mencapai objektif utama pelaksanaan kokurikulum di sekolah. Menurut Protheroe, Lewis, dan Paik (2002) peningkatan dalam pengetahuan dan kemahiran adalah antara elemen penting dalam mendorong kepuasan bekerja dan motivasi diri di samping dapat meningkatkan kualiti ciri guru dalam pengajaran mereka di bilik darjah.

5.4.2 Implikasi Terhadap Kajian Pemimpin Sekolah dan PPD.

Di sekolah pihak pentadbir memainkan peranan yang penting dalam memimpin guru-guru ke arah peningkatan mutu kerja bagi menjayakan pelaksanaan kokurikulum di sekolah (Mohamed Asri, 2010). Hal ini kerana kepemimpinan yang

berkesan berupaya mewujudkan suasana kerja dan pembelajaran yang kondusif serta berupaya mempengaruhi guru-guru melaksanakan program kokurikulum dengan berkesan. Guru besar merupakan pemimpin yang memainkan peranan penting dan berkesan dalam mengawal aktiviti kokurikulum sekolah. Aspek pengawalan yang baik merupakan kunci kejayaan sesebuah pengurusan. Antara aspek kepemimpinan tersebut termasuklah sentiasa berbincang dengan guru-guru penasihat untuk tujuan penambahbaikan dan menetapkan satu garis panduan formal dan tidak formal pada semua peringkat organisasi kokurikulum. Hal ini selari dengan kajian Mukhtar (2008) yang mendapati guru besar hendaklah sentiasa menekankan matlamat dan objektif yang perlu dicapai oleh sekolah dalam pembangunan aktiviti kokurikulum serta dijelaskan kepada semua pihak yang terlibat. Guru besar perlu mengamalkan pengurusan yang cekap dengan memastikan akauntabiliti ditepati dengan sentiasa memastikan guru-guru bekerja mengikut prosedur dan tatacara yang betul (Mohd Fauzi, 2011). Guru besar juga perlu mengutamakan kerjasama berpasukan dalam semua gerak kerja kokurikulum. Nik Zaidi (2011) mendapati dalam dimensi pemantau, dapatan kajian adalah tinggi berbanding dengan dimensi lain. Hal ini menunjukkan bahawa guru besar memainkan peranan yang penting dalam memantau aktiviti kokurikulum. atau pemantauan merupakan kunci kejayaan sesuatu program. Jika sesuatu program berjaya dirancang dan dikelolakan tetapi sekiranya tidak atau dipantau atau diselia dengan berkesan maka program itu tidak akan mencapai matlamat sepenuhnya.

Selain itu, pihak sekolah haruslah menetapkan peraturan dan memastikan penglibatan setiap murid dalam aktiviti kokurikulum agar murid-murid ini memperoleh manfaatnya. Pihak sekolah juga diharapkan dapat menghargai murid-murid yang memberi sumbangan dan kejayaan dalam kokurikulum sekolah dengan

menjadikan mereka sebagai *role model* di sekolah supaya dapat menarik minat murid dan memberi motivasi kepada murid lain untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum sekolah. Justeru itu, Majlis Pengiktirafan Pemimpin dan Majlis Anugerah Cemerlang perlu diadakan oleh pihak sekolah kerana penghargaan dan insentif yang diberikan oleh pihak sekolah akan menggalakkan murid menyertai aktiviti kokurikulum.

Tambahan pula, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dapat meneliti hasil dapatan kajian ini sebagai panduan dalam memberi bantuan dan sokongan kepada guru-guru dalam memberikan kualiti pelaksanaan kokurikulum yang berkesan. PPD dapat membimbing guru-guru dari segi pelaksanaan aktiviti kokurikulum dengan memperluas akses kepada sumber, maklumat, dan peluang pembangunan profesional yang tersedia dalam memastikan pelaksanaan aktiviti kokurikulum secara menyeluruh. Secara keseluruhan, kajian menunjukkan tahap kekangan kokurikulum dengan penglibatan murid adalah pada tahap yang sederhana. Pentadbir harus berusaha memastikan motivasi guru dalam pelaksanaan kokurikulum mereka berada pada tahap optimum dan sebagai pentadbir, dorongan dan penghargaan terhadap guru-guru perlu dipraktikkan atas usaha dan sumbangan mereka supaya guru-guru ini berasa diri mereka amat diperlukan dalam keberhasilan murid dan juga pembangunan sekolah.

5.4.3 Implikasi kajian terhadap guru.

Semua guru dipertanggungjawabkan untuk memastikan masa aktiviti kokurikulum digunakan semaksimum yang boleh bagi mendorong murid-murid untuk aktif secara fizikal, dan mengambil peranan sebagai pelaksana tugas-tugas pengajaran aktiviti fizikal di sekolah. Justeru itu kajian ini dijalankan bagi mengenal

pasti kekangan kokurikulum di sekolah yang secara tidak langsung dapat mengenal pasti peranan guru dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah.

